

**KAJIAN PELAKSANAAN KAD KREDIT SYARIAH DI
BANK DANAMON SYARIAH, INDONESIA**

ASEP DADAN SUGANDA

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**KAJIAN PELAKSANAAN KAD KREDIT SYARIAH DI
BANK DANAMON SYARIAH, INDONESIA**

ASEP DADAN SUGANDA

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH DAN EKONOMI
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: _____ (No. K.P/Pasport: _____)
No. Pendaftaran/Matrik: _____
Nama Ijazah: _____
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”): _____

Bidang Penyelidikan: _____

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta tamadun masyarakat Indonesia memberi impak pada perkembangan produk perbankan syariah di Indonesia. Apatah lagi majoriti masyarakat Indonesia adalah beragama Islam, sehingga tidak dapat dinafikan lagi kesempatan pasaran perbankan syariah di Indonesia sangatlah luas. Melihat hal ini, dengan berasaskan fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia No 54/DSN-MUI/X/2006, dan Surat Edaran Bank Indonesia no 9/IB3/DPbS/2007, maka Bank Danamon Syariah Indonesia memanfaatkan kesempatan pasaran untuk menerbitkan produk kad kredit syariahnya yang diberi nama Dirham Card. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan kad kredit syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia. Kajian ini dimulakan dengan menjelaskan pengertian kad plastik dan jenisnya, hinggalah kepada pengertian, konsep dan fungsi kad kredit, sama ada kad kredit konvensional mahupun kad kredit syariah. Seterusnya, penulis menghuraikan pelaksanaan Dirham Card, prinsip syariah yang digunapakai, dan aplikasinya dalam Dirham Card. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berasal dari buku-buku, risalah-risalah, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, akhbar dan data-data yang berkaitan dengan rujukan dan tajuk kajian, manakala kajian lapangan iaitu dengan melakukan, temubual dan kunjungan kepada institusi yang dijadikan tempat kajian. Dalam proses analisis data, penulis menggunakan dua metode analisis iaitu metode induktif dan deduktif. Kajian ini mendapati bahawa Dirham Card dilaksanakan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah. Dengan menggunakan tiga jenis skim perjanjian yang menjadi asas syariahnya yang terdiri dari: skim *Ijārah* (sewa atas perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan), skim *Kafālah* (penjaminan atas transaksi dengan *merchant*) dan skim *Qard al-Ḥasan* (pinjaman dana atas kemudahan pengambilan wang tunai) Dirham Card mampu bersaing dengan institusi kewangan syariah lainnya. Walaupun dalam pelaksanaannya masih terdapat beberapa permasalahan, namun permasalahan ini tidak memberikan kesan yang tampak terhadap prestasi Dirham Card. Hingga tahun 2008, sudah ada dua puluh ribu lebih pengguna kad kredit syariah. Ertinya, perkembangan Dirham Card ini berkembang 212 peratus dari jumlah pengguna dibanding tahun sebelum. Melihat kepada perkembangan kad kredit syariah di Indonesia pada saat ini, prospek dan pengembangannya di masa hadapan tidak dapat diragukan lagi, kad kredit syariah akan tumbuh dan berkembang dengan subur di dalam perbankan syariah Indonesia.

ABSTRACT

Many advances in science and technology have taken place in Indonesia, and, consequently, the development of Islamic banking in Indonesia has improved. As the majority of people in the country are Moslem it is virtually possible to identify a better future for the Islamic banking market than in Indonesia. Based on the Islamic official regulation (fatwa) Council of Indonesia Moslem Scholar (Majelis Ulama Indonesia) No. 54/DSN-MUI/X/2006 and the Circular Letter of Indonesian Bank (Surat Edaran Bank Indonesia) No. 9/IB3/DPbS/2007 Danamon Islamic Bank took advantage of the economic market to establish an Islamic credit card product called Dirham Card. This study analyses the implementation of the Islamic credit card in Danamon Islamic Bank. This study will begin by explaining the definition and types of plastic card. Then it addresses the definition, concept and function of credit cards for both conventional and Islamic credit cards. Moreover, the researcher elaborates in detail on implementing the Dirham Card based on Islamic principles and how they were applied with reference to the Dirham Card. The process of this research applied library research and field research. Library research was conducted to obtain information from books, pamphlets, papers, journals, newspapers and the data associated with the reference and research topic, while the field research used interviews and visits to the research place. In the analysing process, the researcher used two methods – inductive and deductive. This study discovered that the Dirham Card is being implemented in accordance with Islamic principles. By conducting a three-scheme agreement as the fundamental validity – *Ijārah* scheme (leasing system for payment and services), *Kafālah* scheme (assurance of banking transaction towards merchant) and *Qard al-Ḥasan* scheme (cash debt for cash withdrawal facility) – the Dirham Card is able to compete with other Islamic banking institutions. Even though the Dirham Card has experienced several difficulties in its operation, this does not detract from the performance of the Dirham Card. In 2008, there were more than twenty thousand holders of Islamic credit cards. This means that the number of holders of the Dirham Card increased by 212 per cent from the previous year. Looking at the increasing number of Islamic credit card holders in Indonesia, it is predicted that the prospect and future expansion of Islamic credit cards will continuously grow and increase in Indonesia's Islamic banking.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji syukur penulis kehadiran Allah s.w.t kerana izin dan limpahan rahmat serta hidayah-Nya sehingga penulisan disertasi ini dapat disempurnakan.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Dr. Asmak Ab Rahman sebagai penyelia dan pembimbing kepada penulisan disertasi ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar bagi usaha menyiapkan penulisan ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada seluruh kakitangan pejabat Am Akademi Pengajian Islam khususnya kakitangan Jabatan Syariah dan Ekonomi dan kakitangan Ijazah Pengajian Tinggi Akademi Pengajian Islam di atas pelayanan mesra terhadap saya selama membuat penulisan ini.

Rakaman terima kasih juga penulis ditujukan kepada kakitangan pejabat Bank Danamon Syariah Indonesia diatas bantuan data-data, informasi-informasi yang diperlukan bagi memudahkan penulisan ini dijalankan.

Kepada Universiti Malaya yang telah memberikan bantuan geran penyelidikan pascasiswazah dengan no akaun P0005/2009C.

Kedua ibubapa saya, yang telah bersusah payah mengasuh, mendidik dan membesarkan saya, dan tiada pernah lelah berdo'a untuk kejayaan dan memberi sokongan untuk keberhasilan saya. Kepada mereka berdua inilah saya persembahkan disertasi ini.

Dan tak terkecuali semua kawan-kawan seperjuangan, khasnya di Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM) Gontor, Persatuan Pelajar Indonesia - Universiti Malaya (PPI-UM), Widianti Lestari, dan yang tak dapat disebutkan satu persatu, bantuan dan sokongan kalian tak akan dilupakan sepanjang masa.

Akhir kata, kepada Allah s.w.t jualah kita bermohon semoga semua sokongan dan bantuan yang telah diberi menjadi amal ibadah yang diterima di kemudian hari.

Asep Dadan Suganda

Jln. Perumahan Bumi Kertasari,

No.90 Citapen Kertasari Ciamis Jawa Barat – Indonesia

Email: asdan621@yahoo.com

DAFTAR ISI

Perakuan Keaslian Penulisan.....	iii
Abstrak.....	iv
Penghargaan.....	vi
Daftar Isi.....	vii
Transliterasi.....	xi
Indeks.....	xiii

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian.....	1
1.2. Permasalahan Kajian.....	4
1.3. Persoalan Kajian.....	7
1.4. Objektif Kajian.....	7
1.5. Kepentingan Kajian.....	7
1.6. Skop Kajian.....	8
1.7. Definisi Operasional.....	9
1.8. Kajian Lepas.....	12
1.9. Metodologi Kajian.....	24
1.10. Sistematik Penulisan.....	27
1.11. Kesimpulan.....	29

BAB DUA

KAD PLASTIK DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA

2.1. Pengenalan.....	30
2.1.1. Jenis Kad Plastik.....	31
2.1.1.1. Kad Untuk Transaksi Kewangan.....	31
2.1.1.2. Kad Bukan Untuk Transaksi Kewangan.....	37
2.2. Kad Kredit.....	38
2.2.1. Pengenalan.....	38
2.2.1.1. Pengertian Kad, Kredit dan Kad Kredit.....	39
2.2.1.2. Sejarah Penciptaan Kad Kredit.....	48
2.2.1.3. Konsep Kad Kredit Secara Am.....	46

2.2.2.	Kad Kredit Konvensional.....	49
2.2.2.1.	Pengenalan.....	49
2.2.2.2.	Klasifikasi Kad Kredit.....	50
2.2.2.3.	Fungsi dan Ciri Kad Kredit.....	53
2.2.2.4.	Hubungan Kontrak Beberapa Bahagian Dalam Transaksi Kad Kredit.....	57
2.2.2.5.	Operasi Kad Kredit.....	63
2.2.3.	Kad Kredit Islam.....	65
2.2.3.1.	Pengenalan.....	65
2.2.3.2.	Konsep Kad Kredit Islam Secara Am.....	66
2.2.3.3.	Ciri-ciri Kad Kredit Islam.....	67
2.3.	Pandangan Islam Terhadap Penggunaan Kad Kredit.....	68
2.3.1.	Kad Kredit Konvensional.....	68
2.3.2.	Kad Kredit Islam.....	75
2.4.	Positif dan Negatif Kad Kredit	80
2.5.	Kesimpulan.....	83

BAB TIGA

BANK DANAMON SYARIAH INDONESIA

3.1.	Pengenalan.....	86
3.1.1.	Sejarah Penubuhan Bank Danamon Syariah.....	88
3.1.2.	Visi, Misi dan Tujuan.....	89
3.1.3.	Pengurusan Bank Danamon Syariah.....	89
3.1.4.	Produk dan Perkhidmatan.....	91
3.2.	Dirham Card.....	93
3.2.1.	Pengenalan.....	93
3.2.2.	Objektif Dirham Card.....	93
3.2.3.	Ciri-ciri Dirham Card.....	94
3.2.4.	Kaedah Pelaksanaan.....	96
3.2.4.1.	Kriteria Pemohon Dirham Card.....	98
3.2.4.2.	Keputusan Tentang Penerbitan Dirham Card.....	101
3.2.4.3.	Akad Yang Digunapakai.....	101
3.2.4.4.	Cagaran.....	102
3.2.4.5.	Tempat-tempat Yang Dibenarkan Pengunaannya.....	102
3.2.4.6.	Bil dan Tempoh Pembayaran.....	103

3.2.4.7. Kos-Kos.....	105
3.2.5. Prospek dan Permasalahan Dirham Card.....	111
3.2.5.1. Bank (<i>Issuer</i>).....	111
3.2.5.2. Pemegang Dirham Card (<i>Card Holder</i>).....	113
3.2.5.3. Penerima Kad (<i>Merchant</i>).....	114
3.2.6. Prestasi dan Pencapaian Dirham Card.....	115
3.2.6.1. Bank Penerbit.....	115
3.2.6.2. Pengguna Dirham Card.....	117
3.3. Kesimpulan.....	118

BAB EMPAT
PRINSIP SYARIAH DALAM PENCIPTAAN DAN PELAKSANAAN
KAD KREDIT

4.1. Pengenalan.....	121
4.2. Prinsip Syariah Secara Am.....	122
4.3. Prinsip-prinsip Syariah Yang Digunapakai Dalam Dirham Card.....	123
4.3.1. <i>Ijārah</i>	124
4.3.1.1. Definisi dan Konsep.....	124
4.3.1.2. Aplikasi <i>Ijārah</i> Dalam Dirham Card.....	127
4.3.2. <i>Kafālah</i>	129
4.3.2.1. Definisi dan Konsep.....	130
4.3.2.2. Aplikasi <i>Kafālah</i> Dalam Dirham Card.....	134
4.3.3. <i>Qard al-Ḥasan</i>	134
4.3.3.1. Definisi dan Konsep.....	135
4.3.3.2. Aplikasi <i>Qard al-Ḥasan</i> Dalam Dirham Card.....	140
4.4. Fatwa dan Peraturan Yang Digunapakai Dalam Kad Kredit Syariah.....	144
4.4.1. Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI)	144
4.4.2. Surat Edaran Bank Indonesia.....	144
4.5. Pembuat Dasar (<i>Policy Maker</i>).....	145
4.5.1. Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI)	145
4.5.2. Bank Indonesia (BI).....	147
4.5.3. Bank Danamon Syariah.....	149
4.6. Kesimpulan.....	150

BAB LIMA

KESIMPULAN, SARAN DAN PENUTUP

5.1.	Kesimpulan Kajian.....	152
5.1.1.	Penilaian Terhadap Pelaksanaan Kad Kredit Syariah (Dirham Card).....	154
5.1.2.	Prospek dan Permasalahan Kad Kredit Syariah.....	157
5.2.	Saranan dan Cadangan.....	160
5.2.1.	Kepada Institusi Kewangan dan Perbankan Islam.....	160
5.2.2.	Kepada Pihak Bank Danamon Syariah.....	161
5.2.3.	Kepada Institusi Agama dan Para Ilmuwan Islam.....	162
5.2.4.	Kepada Penyelidik Yang Akan Datang.....	163
5.3.	Penutup.....	163
	BIBLIOGRAFI.....	165
	LAMPIRAN.....	174

PANDUAN TRANSLITERASI

1. KONSONAN

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ء	a, '(hamzah)	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	هـ	h
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh		
ر	r	ف	f		

2. VOKAL

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	ā	الكبرى / الباب	al-Bāb / al-Kubrā
ي	ī	الخميس	al-Khamīs
و	ū	المسلمون	al-Muslimūn

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَ (fathah)	a	قَنَات	Qanata
ـِ (kasrah)	i	تِهَامَة	Tihamah
ـُ (dammah)	u	جُعِيل	Ju‘ila

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	الْحَوْلُ	al-Ḥawl / al-Ḥawl
اَيَّ	ay	حَيْثُمَا	Ḥaithumā / Ḥaythumā
اُوَّ	uww	قُوَّةٌ	Quwwah
اَيَّ	iy/ i	عَرَبِيٌّ	‘Arabiy/ ī

Sumber: Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi

INDEKS

RAJAH

Rajah 2.1	Hubungan Empat Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit.....	57
Rajah 2.2	Hubungan Tiga Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit.....	58
Rajah 2.3	Hubungan Dua Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit.....	59
Rajah 2.4	Aliran Transaksi Kad Kredit Secara Am.....	60
Rajah 2.5	Aliran Transaksi Kad Kredit Dua Pihak.....	62
Rajah 3.1	Sejarah Perkembangan Bank Danamon.....	88
Rajah 3.2	Aliran Transaksi Dirham Card.....	97
Rajah 3.3	Contoh Transaksi.....	109
Rajah 4.1	Aliran Transaksi Skim <i>Ijārah</i> dengan Objek Perkhidmatan.....	127
Rajah 4.2	Skim Transaksi <i>Kafālah</i>	133
Rajah 4.3	Skim Transaksi <i>Qard al-Ḥasan</i>	140
Rajah 4.4	Skim Alur Transaksi Penggunaan Dirham Card.....	142

JADUAL

Jadual 2	Perbezaan Kad Caj dengan Kad Kredit.....	51
Jadual 3.1	Produk Bank Danamon Syariah.....	92
Jadual 3.2	Jenis Dirham Card dan Had Pendapatan Minimum Pemohon.....	99
Jadual 3.3	Syarat-Syarat Untuk Permohonan Dirham Card.....	100
Jadual 3.4	Had Kredit dan Yuran Keahlian Setiap Bulan Dirham Card.....	106
Jadual 3.5	Contoh Pembayaran Kos Keahlian Setiap Bulan.....	110
Jadual 3.6	Yuran Keahlian Tahunan.....	111
Jadual 3.7	Perbezaan Kad Kredit Konvensional dengan Dirham Card.....	120

CARTA

Carta 3.1	Perkembangan Pelanggan Dirham Card.....	116
Carta 3.2	Pengguna Dirham Card dari Green, Gold, Platinum Card.....	117

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Di Indonesia, sistem perbankan yang digunakan pada peringkat awal hanyalah menggunakan sistem perbankan konvensional. Namun, dengan penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) pada 1 November 1991, Indonesia mulai menggunakan dualisme sistem perbankan, iaitu sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan syariah. BMI sebagai pelopor wujudnya perbankan yang berasaskan sistem syariah ini menjadikan masyarakat Indonesia pun mula mengenal Bank Syariah.¹ Kini orang-orang tidak lagi ragu dan bimbang akan sistem operasionalnya bank syariah, dan mulai berurus niaga dengan institusi perbankan syariah. Perkembangan ekonomi syariah di Indonesia pun telah menunjukkan angka kemajuan yang membuat orang-orang kagum.²

Kehadiran bank syariah di tengah-tengah perbankan konvensional iaitu untuk memberikan sistem perbankan alternatif bagi umat Islam yang memerlukan atau ingin memperoleh perkhidmatan perbankan yang bebas dari bunga (riba bank). Aktiviti yang dimaksudkan iaitu aktiviti yang bersifat spekulatif yang serupa dengan perjudian (*maysīr*), ketidakjelasan (*gharār*), dan pelanggaran prinsip keadilan dalam transaksi.³

Kuatnya cabaran perbankan nasional di Indonesia yang menggunakan sistem bunga tidak menjadikan perbankan syariah mengalami penurunan, bahkan ianya tampil lebih maju dan berkembang lagi. Hal ini terbukti dengan beroperasinya beberapa bank dan institusi kewangan di Indonesia dengan menggunakan sistem perbankan syariah.

¹ Bank Muamalat Indonesia, <http://www.muamalatbank.com>, 10 Jun 2009.

² Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *Bunga Bank Haram? Menyikapi Fatwa MUI, Menuntaskan Kegamangan Umat*. Jakarta: Darul Haq, h. vii-viii.

³ R. Maulana Ibrahim (2004), *Laporan Perkembangan Perbankan Syari'ah Tahun 2004*. Direktorat Perbankan Syari'ah Bank Indonesia. h. 32.

Meningkatnya kesadaran masyarakat Muslim di Indonesia akan pentingnya kehadiran perbankan syariah dan ramai yang menjadi pelanggan bank syariah adalah merupakan bukti dari kesadaran umat terhadap hukum Islam. Kesedaran ini berasal dari keprihatinan umat terhadap riba yang semakin menguasai dunia kewangan dan perbankan nasional. Masyarakat mulai sedar bahawa bunga bank sangat serupa dengan riba, sehingga harum riba juga berlaku untuk bunga bank.⁴

Secara umum, bank adalah pedagang wang; ertinya, bank meminjam wang dengan bunga dan meminjamkan kembali dengan bunga yang lebih besar. Boleh dikatakan, bank sebagai penyelaras pertumbuhan ekonomi suatu negara, yang melakukan pengumpulan dana dari pihak yang mempunyai kelebihan dana (*surplus*) dan melakukan penyaluran dana kepada pihak yang memerlukan dana (*minus*) secara seimbang sesuai dengan ketetapan yang berlaku. Maka dilancarkanlah berbagai produk perbankan, sama ada produk perbankan konvensional mahupun produk perbankan syariah. Tujuannya untuk memberikan kemudahan dalam bertransaksi dan berurusaniaga. Salah satu produk perbankan tersebut iaitu kad kredit.⁵

Kad kredit atau *credit card* merupakan sebuah fenomena yang terjadi pada masa kini dan sudah sehati dengan cara hidup masyarakat sejagat. Kad kredit telah menjadi satu budaya popular dalam masyarakat untuk tampak mewah dan berkemampuan.⁶ Namun, kad kredit hanya merupakan sebuah pilihan, sama ada untuk menerima atau menolak penggunaan kad kredit. Bagi sebahagian orang kad kredit harus dimiliki untuk

⁴ Sunarto Zulkifli (2007), *Panduan Praktis Transaksi Perbankan Syariah*, Jakarta Timur: Zikrul Hakim, h. iv.

⁵ Kenici Ueda (2006), "Banks as Coordinators of Economic Growth", (IMF Working Paper. International Monetary Fund, WP/06/264. h. 5).

Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi, (2004), *Bunga Bank Haram? Menyikapi Fatwa MUI, Menuntaskan Kegamangan Umat*. Jakarta: Darul Haq, h. 28.

⁶ Helvi Indrawan, (2008), *Siasat Cerdik Menggunakan Kartu Kredit*, Yogyakarta: CV. Diana Primamitra Media, h. 1-3.

dijadikan alat pembayaran dalam masa kecemasan. Misalnya, ketika harus pergi ke hospital pada malam hari, saat tidak menemukan mesin ATM, saat tidak memiliki wang tunai dan lainnya.⁷ Kad kredit ini boleh mengatur corak hidup seseorang menjadi lebih jimat dan dapat pula menjurus ke arah pemborosan (*konsumerisme*).⁸

Di Indonesia, bermula pada tahun 1980-an, seiring dengan dikeluarkan Surat Keputusan Menteri Kewangan Republik Indonesia No.1251/KMK.013/1988 tanggal 20 Disember 1988, penggunaan kad kredit sebagai pengganti alat pembayaran tunai yang lebih praktis semakin popular, terutamanya oleh golongan yang berkemampuan dan ke atas.⁹ Pada masa itu, hanya kad kredit konvensional sahaja yang ada di Indonesia. Sampailah pada tahun 2007, muncul kad kredit yang berasaskan prinsip-prinsip syariah.¹⁰ Antara bank yang mengeluarkan produk kad kredit syariah pertama kali di Indonesia ialah Bank Danamon. Bank Danamon bekerjasama dengan MasterCard menerbitkan kad kredit syariah, yang diberi nama *Dirham Card*. Dirham Card dilancarkan berdasarkan fatwa No. 54/DSN-MUI/X/2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) dan surat Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007.¹¹

Pengarah Syariah Bank Danamon, Hendarin Sukarmadji mengatakan, keunggulan Dirham Card berasaskan pada kontrak (akad). Skim transaksi yang digunakan dalam Dirham Card berupa: *ijārah*, *kafālah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*. Pada akad atau skim transaksi *Ijārah*, penerbit kad (*card issuer*) adalah penyedia perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan terhadap pemegang kad (*card holder*). Atas

⁷ *Ibid.*

⁸ Johanness Ibrahim (2004), *Kartu Kredit Dilematis Antara Kontrak dan Kejahatan*. Bandung: PT. Refika Aditama. h. 1.

⁹ *Ibid.* hal. 13.

¹⁰ Siaran Pers/ Press Release (15 Ogos 2007), "Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa, No.21/VIII/Humas-BDI/2007", Jakarta, h. 2.

¹¹ *Ibid.*

penyediaan perkhidmatan *ijārah* ini, pemegang kad dikenakan yuran keahlian. Untuk skim *kafālah*, Bank Danamon Syariah sebagai penerbit kad (*card issuer*) menjadi penjamin bagi pemegang kad (*card holder*) terhadap peniaga (*merchant*) atas semua kewajipan pembayaran yang ada selepas transaksi. Atas pemberian *kafālah*, penerbit kad dapat menerima imbalan perkhidmatan atau *fee*. Manakala untuk akad *Qard*, penerbit kad adalah pemberi pinjaman kepada pemegang kad melalui penarikan tunai dari bank atau ATM bank penerbit kad. Pemegang kad harus mengembalikkan sejumlah dana yang ditarik pada waktunya.¹²

1.2. Permasalahan Kajian

Dengan dikeluarkannya Fatwa No 54/DSN-MUI/X/2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI), kad kredit syariah dibolehkan dengan syarat-syarat antaranya; tidak menimbulkan riba, digunakan untuk transaksi yang dibolehkan syariah, ditetapkan batas maksimum pemakaian untuk mengelakkan pengeluaran yang berlebihan (*isrāf*), pemegang kad utama harus memiliki kemampuan kewangan (*financial*) sehingga ianya boleh melunaskan pinjaman tepat pada waktunya, tidak memberikan kemudahan yang bertentangan dengan syariah.¹³ Selain daripada itu, disokong dengan adanya Surat Bank Indonesia nomor 9/IB3/DPbS/2007 tentang persetujuan Danamon Syariah Card, menjadikan asas kewujudan kad kredit yang berprinsip syariah ini.¹⁴

Ramai ulasan ulama fiqh yang berkenaan dengan kad kredit syariah, terutamanya yang berkenaan dengan hukum-hukum syariat. *Majma' al-Fiqh al-Islāmi* dalam muktamarnya di Jeddah memberikan perhatian yang sangat besar terhadap

¹² *Ibid.* Hal. 2-3.

¹³ Majelis Ulama Indonesia, <http://www.mui.or.id/konten/fatwa-mui/fatwa-dewan-syariah-nasional-dsn-mui>, 10 Jun 2009.

¹⁴ Bank Indonesia, <http://www.bi.go.id/web/id>, 10 Jun 2009.

permasalahan kad kredit syariah.¹⁵ Dengan kewujudan kad kredit syariah ini muncul beberapa kemusykilan menurut ajaran syariat Islam. Sementara itu, masalah secara global yang terjadi dan paling mendekati hakikat dari kad kredit tersebut ialah bahawa kad kredit syariah secara am wujud dari berbagai transaksi. Antaranya, transaksi yang mengaitkan antara pihak pengeluar kad dengan pihak pemegang kad, dan transaksi antara pengeluar kad dengan pihak-pihak lainnya dalam usaha dan niaga.¹⁶

Para ulama berbeza pendapat tentang hukum syariat daripada kad kredit ini berasaskan kepada kesan daripada syarat riba atau syarat rosak terhadap sahnya suatu transaksi. Kerana pada amnya, transaksi pengeluaran kad ini mengandungi persetujuan atau akad berbau riba yang mengharuskan pelanggan membayar bunga riba atau denda kewangan akibat dari lambat dalam melunaskan pembayaran tagihan hutangnya setiap bulan. Sebahagian ulama berpandangan bahawa kad kredit ini dibolehkan, namun syarat-syarat tersebut dianggap tidak sah. Ada juga ulama yang melarang penggunaan kad tersebut kerana adanya syarat-syarat di atas.¹⁷

Diantara permasalahan yang muncul iaitu berkenaan dengan hukum asas *ḍaman* (pemberi) jaminan. Dalam mazhab Syafi'iyah ialah apabila seseorang melakukan *ḍaman* dengan *fee*, maka hal ini tidak dibolehkan kerana *fee* tersebut batal. *Ḍaman* walaupun disyaratkan adanya *fee* maka akadnya menjadi *fāsid*. Berbeza dengan pandangan Ishaq bin Tahawaih, *fee* hanya boleh diambil sebagai upah (*ujrah*) kerja, adapun *ḍaman* bukanlah amal sehingga tidaklah boleh ada *fee* dalam *ḍaman*.¹⁸

¹⁵ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *Banking Cards Syariah Kartu Kredit Dan Debit Dalam Perspektif Fiqih*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 176-180.

¹⁶ Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *op.cit.*, h. 83.

¹⁷ Shalah ash-Shawi, Abdullah al-Mushlih (2008). *Fikih Ekonomi Keuangan Islam*. c. 2. Jakarta: Darul Haq, h. 321.

¹⁸ Lihat *Syarah al-Syarqani 'ala Mukhtashar Khalil*, j. 6, Bairut: Dar al-Fikr, h. 33.

Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *Banking Cards Syariah Kartu Kredit Dan Debit Dalam Perspektif Fiqih*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 156-157.

Abu Bakar bin al-Mundzir mengatakan, “Para ulama yang kami ikuti telah sepakat bahawa *himalah* (*ḍaman*) dengan *fee* yang diambil oleh pihak yang menanggung tidak halal dan tidak diperbolehkan.”¹⁹

Manakala Abdul Sattar Abu Ghidah berpandangan, dalam kad kredit konvensional terdapat jaminan (*ḍaman*) pihak *issuer card* kepada *card holder*. Kad ini juga boleh menjadi kad kredit syariah tetapi dalam bank syariah hal tersebut menjadi *qarḍ al-ḥasan*.²⁰ Maka pada asas hukumnya, ketentuan akad *ḍaman* secara syariah daripada pihak yang menanggung dalam akad kad kredit tidak boleh mewajibkan *fee* terhadap *ḍaman*, samaada dari *card holder*, *merchant* atau pihak lainnya yang terlibat dalam urus niaga kad kredit syariah.²¹

Namun perbahasan yang diungkapkan oleh para ulama fiqah berkenaan kad kredit syariah masih terfokus pada hukumnya sahaja, sama ada yang mengizinkan mahupun yang mengharamkan penggunaannya, sesuai dengan model fiqah dan mazhab yang digunapakai oleh mereka. Para ulama fiqah pun belum memberikan penjelasan yang menyeluruh berkenaan dengan pelaksanaan kad kredit syariah, hanya ada beberapa ulasan berkenaan dengan praktik dari sistem kad kredit syariah ini. Oleh kerana demikian, kajian ini hadir kerana belum semua perkara yang berkenaan dengan pelaksanaan kad kredit syariah telah dilihat dan dikaji, terutamanya berkenaan dengan pelaksanaan kad kredit syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.

¹⁹ Muhammad bin Ibrahim Ibn al-Mundzir al-Naisabury (1414 H), *al-Isyraf ‘ala Madzahib Ahl al-Ilm*, j. 1, c. 2. Ditahqīq oleh Muhammad Nujāib Siraj al Din, Wizārah al-Auqaf wa al-Su’un al-Islāmiyyah, Qathar, h. 120.

²⁰ Majalah Majma’ al Fiqh al-Islāmi di Jeddah, pertemuan ke-7, no.7. hal.657-674.

²¹ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *op.cit.*

1.3. Persoalan Kajian

Rumusan masalah dalam penelitian ini adalah seperti berikut :

1. Bagaimana pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia?
2. Bagaimana prestasi Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia?

1.4. Objektif Kajian

Pada umumnya, terdapat objektif utama dalam kajian ini, iaitu untuk:

1. Mengkaji pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.
2. Mengkaji prestasi Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.
3. Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini sangatlah penting dijalankan, dan hasilnya boleh dilaksanakan bagi pihak pentadbir bank-bank syariah lainnya, kerana kad kredit syariah memiliki sistem dan operasional yang berbeza dengan kad kredit konvensional. Maka, kad kredit syariah perlu kiranya mengkaji semula setakat dalam pelaksanaan yang berlaku pada kad kredit konvensional, kerana sebab terciptanya kad kredit syariah adalah berdasarkan dari kewujudan kad kredit konvensional. Selagi ia tidak melanggar hukum dan syariat Islam, boleh diambil kira untuk kemaslahatan bersama.

Maka setelah kajian ini dibuat, diharapkan dapat memantafkan penjelasan tentang kad kredit syariah, juga membetulkan suatu fahaman dengan pengetahuan dan maklumat tentang pelaksanaan kad kredit syariah untuk menjadi satu alternatif yang baru kepada masyarakat Indonesia khususnya dan masyarakat dunia umumnya dalam menjalankan perniagaan dan perekonomian, kerana *mu'āmalah* dalam kehidupan ini terbahagi kepada dua bahagian; *mu'āmalah* dengan manusia dan *mu'āmalah* dengan sang Pencipta. Dengan mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh syariah Islam serta dapat memberi keyakinan kepada para pengguna kad kredit konvensional agar menghindarkan diri daripada terus terlibat di dalam penggunaan kad kredit yang jelas pengharamannya dan bertukar kepada penggunaan kad kredit yang sesuai dengan prinsip-prinsip syariah Islam.

1.6. Skop Kajian

Dalam kajian ini yang bertajuk: *Kajian Pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah, Indonesia* akan mengkaji berkisar tentang pelaksanaan Kad Kredit Syariah yang merangkumi mekanisme, transaksi, perakaunan dan strategi yang dilakukan serta prestasi dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak bank berkaitan dengan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.

Lokasi kajian yang dipilih iaitu Bank Danamon Syariah di Jakarta Indonesia, kerana Bank Danamon Syariah adalah bank yang pertama yang mengeluarkan produk kad kredit syariah di Indonesia. Manakala lokasi Jakarta dipilih oleh penyelidik kerana pejabat pusat Bank Danamon Syariah bertempat di Jakarta, Indonesia.

1.7. Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan bahagian penting dalam suatu penyelidikan, manfaat dari definisi operasional ialah agar penyelidikan tepat kepada objektif dan efektif. Adapun beberapa definisi operasional di sini ialah:

1.7.1. Penjelasan Tajuk

1.7.1.1. Pendahuluan

Kad kredit merupakan salah satu aspek dalam kehidupan masyarakat moden sebagai pengganti alat pembayaran tunai yang memiliki prestij tersendiri. Kad kredit wujud dari evolusi institusi kewangan. Tidak dapat dinafikan lagi, penggunaan kad kredit membawa kebaikan kepada pengguna, umpamanya dapat digunakan bila-bila masa sahaja. Kita tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ketika membeli belah. Namun begitu, penggunaan kad kredit juga mempunyai beberapa keburukan seperti pengguna berkecenderungan membeli secara tidak terancang atau berbelanja berlebihan.²²

1.7.1.2. Definisi Secara Bahasa

Perkataan kredit bukan berasal dari khazanah bahasa Melayu. Perkataan kredit telah lazim digunakan pada urusan perbankan dalam pemberian pelbagai kemudahan yang berkaitan dengan pinjaman. Pengertian kredit berasal dari bahasa Rumawi “*credere*” yang bererti percaya atau “*credo*” atau “*creditum*” yang bererti saya percaya.²³

²² Helvi Indrawan (2008), *op.cit.*

²³ Dewan Bahasa dan Pustaka (2001), *Ensiklopedia Dunia*, j. 10. Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn. Bhd., h. 204.

Manakala perkataan kad atau dalam bahasa Arab بطاقة secara bahasa digunakan untuk potongan kertas kecil atau dari bahan lain, di atasnya ditulis penjelasan yang berkaitan dengannya. Sementara kata ائتمان secara bahasa ertinya ialah keadaan yang aman dan saling percaya.²⁴ Dalam Fiqah Muamalah kalimat ini biasa disebut *biṭāqah isti'mān* bukan *biṭāqah i'timān*. Ertinya adalah memberikan hak kepada orang lain terhadap hartanya dengan ikatan kepercayaan, sehingga orang tersebut tidak bertanggungjawab kecuali bila ia melakukan kecuaiian atau kesalahan. Transaksi itu sendiri menurut para ulama fiqah adalah transaksi bebas bukan penyerahan hak.²⁵

Biasanya dalam aktiviti kewangan, kata *i'timān* diertikan sebagai *qiraḍ*, atau pinjaman yang diberikan bank kepada seseorang.²⁶

Black Law Dictionary memberi erti bahawa kredit adalah: “*The ability of a businessman to borrow money, or obtain goods on time, in consequence of the favourable opinion held by the particular lender, as to his solvency and reliability.*”²⁷ Yang ertinya: keupayaan pengusaha untuk meminjam wang, atau memperoleh barang tepat pada waktunya, sebagai akibat konsekuensi dari alasan yang menguntungkan oleh pemberi pinjaman, seperti kebolehpercayaan dan kemampuan membayar.²⁸

1.7.1.3. Definisi Secara Istilah

Pengertian kad kredit menurut A.F. Elly Erawaty dan J.S. Badudu menjelaskan pengertiannya iaitu: kad yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan lain yang

²⁴ Shalah ash-Shawi. Abdullah al-Mushlih (2008), *op.cit*, h. 299.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Umar Husain (1399/ 1979), *Mausu'ah al-Musthalaha al-Iqtishad*, c. 3. Jeddah: Dar al Syuruq, h. 7.

²⁷ Henry Campbell Black's (1990), *Black Law Dictionary*. Sixth Edition. St. Paul Minn: West Publishing Co.

²⁸ Diterjemahkan oleh penulis kajian.

diterbitkan dengan tujuan untuk mendapatkan wang, barang atau perkhidmatan secara kredit”.²⁹

Sementara Kamus Ekonomi Arab menjelaskan, pengertian kad kredit ialah “sejenis kad khas yang dikeluarkan oleh pihak bank (sebagai pengeluar kad), dimana jumlahnya akan dibayar kemudian. Pihak bank akan memberikan kepada pelanggannya penyata yang dihantar setiap bulan untuk dibayar, atau untuk langsung ditolak dari akaunnya yang masih berlaku”.³⁰

Menurut definisi *al-majma' al-fiqh al-Islami* iaitu, sejenis resit yang diberikan oleh pihak yang berkuasa untuk orang biasa atau orang tertentu sesuai dengan transaksi yang mereka sepakati, sehingga membolehkannya membeli barang-barang atau perkhidmatan dari pihak yang mengakui fungsi kad tersebut tanpa membayar secara tunai, kerana sudah ada komitmen bahawa pihak pengeluar kad akan membayarnya.³¹

Dalam *Dictionary of Economics* diuraikan pengertian “*credit card*” sebagai berikut: “*Plastic card or token used to finance the purchase of product by gaining point of sale credit. Credit card are issued by commercial banks, hotel chains, and larger retailer*”.³² Yang penulis terjemahkan: kad plastik atau sejenis kad yang digunakan untuk membiayai pembelian produk secara kredit. Kad kredit ini dikeluarkan oleh bank-bank komersil, hotel berangkai, dan peruncit yang lebih besar.

Dari makna dan definisi kad kredit di atas, penyelidik akan melakukan perbincangan yang lebih mendalam lagi pada bab-bab seterusnya yang berhubung kait

²⁹ A.F. Elly Eraway dan J.S. Badudu (1996), *Kamus Hukum Ekonomi*. Jakarta: ELIPS. h. 27.

³⁰ Ahmad Zaki Badwi (1984), *Mu'jam al-Musthalahāt at-Tijariyyah at-Ta'awuniyyah Arab-Inggris-Perancis*. Beirut: Dār an-Nadhāh al-Ārabiyyah, h. 62.

³¹ Lihat majalah *Majma' al-Fiqh al-Islamiy* (1412H dan 1992M), ed. 7, h. 717.

³² Collins (1988), *Dictionary of Economics*. Cambridge: Collins Reference, h. 105.

dengan pelaksanaan kad kredit terutama kad kredit syariah. Dengan begitu, kajian ini diarahkan untuk mengenal pasti pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia dengan landasan teori kepada fatwa No 54/DSN-MUI/X/2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) dan surat BI no 9/IB3/DPbS/2007.

1.8. Kajian Lepas

Sebenarnya telah banyak kajian dan penulisan mengenai kad kredit syariah yang dilakukan oleh penulis dan pengkaji lainnya. Ulama Islam pun telah banyak melakukan penelitian, tetapi tidak ada bukti yang jelas dalam buku-buku untuk menjelaskan makna kad kredit dari perspektif hukum Islam. Tetapi, penyelidik berusaha untuk meninjau beberapa penyelidikan tentang Islam pada masa lalu dan sekarang berkenaan dengan kad kredit, yang akan dijelaskan dalam bab-bab selanjutnya. Selain itu, ada banyak artikel yang berfokus pada kad kredit syariah. Antara buku dan tulisan bebas yang menjadi rujukan penyelidik dalam melakukan kajiannya dibahagikan kepada beberapa perbincangan utama, antaranya ialah:

1.8.1. Kad Kredit Konvensional

1.8.1.1. Sejarah dan Pelaksanaan

Dalam sejarah dan pelaksanaan kad kredit konvensional, telah banyak karya penulisan yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan diantaranya, buku yang ditulis oleh Munir Fuady (2002), Johannes Ibrahim (2004), juga buku yang ditulis oleh Rivai, Veithzal, Andria Permata Veithzal dan Ferry N. Idroes (2007).

Munir Fuady (2002), menulis tentang perkembangan sejarah kad kredit konvensional, juga menjelaskan makna kad kredit dan klasifikasi kad kredit

konvensional. Pada bahagian terakhir dari bukunya, beliau menjelaskan tentang kad kredit dari perspektif hukum Indonesia dan sifatnya.³³

Begitu pula dengan Johanes Ibrahim (2004), beliau menjelaskan tentang sejarah kad kredit, carta aliran transaksi kad kredit, hubungan antara pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi kad kredit dan jenis kad kredit konvensional. Selain itu, di bahagian terakhir dari bukunya dijelaskan tentang penipuan kad kredit dan isu-isu hukum mengenai kad kredit.³⁴

Sedangkan buku yang disusun oleh Rivai, Veithzal, Andria Permata Veithzal dan Ferry N. Idroes (2007). Telah dianalisis dan dijelaskan dalam buku mereka mengenai kad kredit konvensional. Mereka menulis tentang perkembangan sejarah kad kredit konvensional khususnya di Indonesia. Buku mereka juga menjelaskan makna kad kredit dan klasifikasi kad kredit konvensional. Buku ini juga berisi carta aliran transaksi kad kredit, pihak kontraktor dan tanggung jawab mereka, jenis dan sifat kad kredit turut dijelaskannya. Selain itu, bahagian terakhir dari bukunya dijelaskan tentang penipuan kad kredit dan isu-isu hukum mengenai kad kredit. Tetapi, dari buku-buku mereka tidak menyentuh tentang kad kredit dari perspektif hukum Islam.³⁵

Joseph T. Plummer (1971), dalam tulisannya mengatakan bahawa dua kajian yang dilakukan oleh Mathews dan Slocum (1970),³⁶ telah menemui sejumlah bukti yang

³³ Munir Fuady (2002), *Hukum Tentang Pembiayaan Dalam Teori Dan Praktek*. Bandung: PT Citra Aditya Bakti.

³⁴ Johannes Ibrahim (2004), *Kartu Kredit Dilematis Antara Kontrak Dan Kejahatan*. Bandung: PT Refika Aditama.

³⁵ Rivai, Veithzal, Andria Permata Veithzal and Ferry N. Idroes (2007). *Bank and Financial Institution Management*. Jakarta : PT Raja Grafindo Persada.

³⁶ H. Lee Mathews and John W. Slocum, Jr. (January, 1969), *Social Class and Commercial Bank Credit Card Usage*, *Journal of Marketing*, vol. 33, h. 71-78.
Social Class and Income as Indicators of Consumer Credit Behavior, *Journal of Marketing*, vol. 34 (April, 1970), h. 69-74.

menarik dan berguna berkenaan dengan hubung kait antara kelas sosial, pendapatan dan pengguna kad kredit. Misalnya, kajian mereka menemukan bahawa masyarakat yang berada pada kelas sosial yang rendah selalu menggunakan kad kreditnya untuk mengansur keperluan-keperluan asas, manakala kelas sosial yang tinggi menggunakan kad kreditnya untuk kenyamanan dalam hidup.³⁷ Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa semua pengguna mempunyai pandangan yang sama terhadap kad kredit, namun pengguna lebih kerap menggunakan kad kredit mereka untuk ansuran. Penyelidikan mereka juga menunjukkan bahawa kelas atasan umumnya menggunakan kad kredit untuk membeli barang-barang mewah, dan kelas bawahan cenderung menggunakan kad kreditnya untuk barang-barang keperluan (*necessity goods*) dan barang yang tahan lama (*durable goods*).³⁸ Dengan begitu, apa yang ada dalam perbincangan yang telah dipaparkan oleh pengkaji dapat dijadikan acuan dalam melengkapkan kajian berkenaan dengan kad kredit antara kebajikannya dan keburukannya.³⁹

1.8.1.2. Model Kad Kredit

Asas dari penciptaan kad kredit iaitu sebagai alat identifikasi peribadi yang digunakan untuk menunda pembayaran atas transaksi yang telah dilakukan, sama ada untuk barangan mahupun perkhidmatan. Seperti yang dijelaskan Johanes Ibrahim (2004) dalam bukunya, tujuan penciptaan kad kredit adalah untuk memperoleh kredit atas transaksi yang dilakukan dan pembayarannya dapat diansur ataupun ditunda pada waktu yang telah ditentukan. Model kad kredit konvensional yang dicipta oleh masing-masing institusi pun secara am tidak ada perbezaan, ianya hanya wujud pada biaya-biaya (*fees*), seperti biaya bunga (*interest fee*), yuran tahunan (*annual fee*), biaya keterlambatan (*late fee*), biaya melebihi had kredit (*overlimit fee*), dan biaya lainnya.

³⁷ Joseph T. Plummer (1971), *Life Style Patterns and Commercial Bank Credit Card Usage*. The Journal of Marketing, vol. 35, no.2. American Marketing Association, h. 35-41.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

Setiap institusi pengeluar kad kredit akan bersaing dalam memberikan penawaran yang lebih baik dari institusi lainnya, ianya akan memberikan suatu model-model yang baru, sama ada pengurangan biaya-biaya (*fees*) mahupun peniadaan biaya-biaya tersebut.⁴⁰

Manakala artikel yang ditulis oleh Sujit Chakravorti (2003), ianya mengatakan bahawa banyak para pembuat peraturan (*policy maker*) berprihatin terhadap kesan dari peraturan yang telah ditetapkan oleh penyedia jejaring pembayaran (*payment networks*) kepada para pelanggan (*consumer*) dan peniaga (*merchant*). Mereka berpendapat bahawa alat pembayaran yang paling murah harus ditingkatkan. Namun, kenyataan di pasaran saat ini yang terjadi adalah penggunaan instrumen pembayaran yang lebih mahal. Para pemikir ekonomi pun mula mempelajari kesan daripada beberapa amalan umum rangkaian kad kredit ini kepada pelanggan, peniaga, pengeluar kad dan *acquirers*. Model yang dijadikan kajiannya pada pasaran kad kredit iaitu model hubungan kebaikan dua hala. Hubungan baik ini terdapat dua sisi: yang pertama sisi pelanggan, pelanggan merasakan manfaat daripada penggunaan kad kredit dengan banyaknya jumlah peniaga (*merchant*) yang menerima kad kredit yang dimilikinya, dan yang kedua iaitu sisi peniaga (*merchant*), peniaga merasakan manfaat dari penerimaan kad kredit ini berkaitan dengan jumlah pemegang kad, semakin ramai pelanggannya menggunakan kad kredit, maka semakin banyak pula keuntungan yang didapatkan oleh peniaga.⁴¹

1.8.1.3. Strategi Pemasaran Kad Kredit

Dalam bukunya Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), diterangkan bahawa institusi yang menerbitkan berbagai jenis kad untuk transaksi kewangan

⁴⁰ Johannes Ibrahim (2004), *op.cit.*

⁴¹ Sujit Chakravorti (2003), "Theory of Credit Card Networks: A Survey of the Literature", Review of Network Economics, vol.2. Federal Reserve Bank of Chicago.

misalnya kad kredit, berhak mendapatkan keuntungan yang tinggi dari hasil pemikiran dan kreativitinya dalam sistem pembayaran barangan dan perkhidmatan hanya menggunakan kad sebagai pengganti dari wang tunai.

1.8.2. Kad Kredit Islam

1.8.2.1. Sejarah dan Pelaksanaan

Dalam sejarah dan pelaksanaan kad kredit Islam, masih kurangnya karya penulisan yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan diantaranya, Salihou Aboubacar Kanté (2006).

Salihou Aboubacar Kanté (2006), dalam tulisannya menjelaskan mengenai konsep, perkembangan sejarah dan sifat kad kredit. Selain itu, beliau menghuraikan isu-isu syariah berkenaan dengan kad kredit syariah dan revolusi kad kredit Islam di Malaysia. Bukunya telah menjelaskan secara komprehensif tentang kontrak kad kredit dari perspektif Islam dan telah memberikan penyelesaian dan bagaimana kontrak-kontrak ini harus diterapkan pada pelaksanaan kad kredit syariah di Malaysia.⁴²

Oleh itu, penyelidik boleh memberikan pandangan berkenaan dengan tulisan diatas, jenis kontrak ini dapat juga berlaku untuk kad kredit yang dikeluarkan oleh bank syariah di Indonesia. Buku ini juga dapat digunakan sebagai bahan rujukan oleh para penyelidik terutamanya yang mengkaji tentang pelaksanaan kad kredit syariah, kerana didalamnya dibahas dan dianalisa secara komprehensif isu-isu pelaksanaan kad kredit dari sudut pandangan Islam.

⁴² Aboubacar Salihou Kante. (2006). *Credit Cards From the Islamic Legal Perspective*. Kuala Lumpur: Ilmiah publisher.

Manakala tulisan daripada Alla 'Eddin (2004), Muhammad Obaidullah (2005), serta Muhammad Ayub (2007), di dalam buku-buku mereka menjelaskan makna kontrak dan makna kontrak dari sudut pandangan Islam. Dalam bukunya, Alla 'Eddin (2004), membahaskan mengenai asas-asas, syarat-syarat untuk sah dan dampak kontrak dari perspektif hukum Islam. Beliau juga menuliskan tentang klasifikasi dari kontrak penjualan.⁴³

Sementara itu, Muhammad Obaidullah (2005), di dalam bukunya menuliskan sama halnya dengan Alla 'Eddin (2004), iaitu tentang segala jenis kontrak, yang relevan dengan transaksi dalam perbankan Islam. Bukunya juga menghuraikan sistem kewangan Islam, pengelolaan dana, pelaburan di perbankan dan insurans. Bezanya, terdapat sedikit perbahasan yang berhubung kait dengan kad kredit Islam. Ianya menuliskan tentang kad kredit syariah berasaskan kontrak (akad) *Bay al-Inah*, *Tawaruk*, dan kad kredit syariah yang diterapkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Buku ini dapat menjadi rujukan bagi penyelidik untuk kajian perbandingan mengenai kad kredit syariah di negara-negara lain.⁴⁴

Begitu juga dengan buku yang ditulis oleh Muhammad Ayub (2007). Buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, asas kontrak kewangan Islam, produk kewangan Islam dan prosedur pelaksanaannya. Perbahasan terakhir adalah berkaitan dengan penerapan sistem pembiayaan dan amalannya. Ianya juga menuliskan berkenaan dengan kad kredit Islam yang dikeluarkan oleh Emirates Islamic Bank, kad kredit Bank Islam Malaysia Berhad, Al Taslif Card yang dikeluarkan oleh AmBank Berhad, Al Tayseer Credit Card dari Kuwait Finance House, dan Ijarah Card yang dikeluarkan oleh Kuwait Finance House (Bahrain). Buku ini dapat digunakan sebagai panduan bagi para

⁴³ Alla' Eddin (2004), *Transactions in Islamic Law*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

⁴⁴ Mohammed Obaidullah (2005), *Islamic Finance and Services*. Jeddah: King Abdulaziz University.

penyelidik yang mengambil kira terhadap kad kredit Islam dan kewangan Islam. Selain itu, dapat digunakan sebagai landasan untuk mengkaji kad kredit syariah terutamanya di Indonesia. Namun, buku ini tidak menjelaskan hubungan kontrak antara pihak dalam transaksi kad kredit syariah.⁴⁵

Artikel lainnya yang ditulis oleh Wahbah Mustafa Al-Zuhayli (2004), objektif dari artikelnya adalah untuk memberikan pengenalan dan makna kad kredit, keperluan kepada kad kredit, jenis kad kredit dan pandangan syariah terhadap produk kad kredit yang diperkenalkan oleh beberapa bank Islam. Beliau memberikan pendapatnya bahawa kad kredit *revolving* diharamkan di dalam Islam, kerana itu dilaksanakan di bawah kontrak ribawi (*'aqd iqrād al-ribawī*). Hubungan antara bank syariah dan penerbit kad kredit dibenarkan, terkecuali jika mereka mengelakkan semua prinsip-prinsip syariah. Dalam pandangan syariah, bank-bank Islam hanya boleh memperkenalkan kad debit dan kad charge, yang tidak didasarkan kepada sistem bunga. Kad kredit revolving ini tidak dibenarkan sama sekali. Beliau banyak menghuraikan beberapa kontrak dalam melaksanakan transaksi kad kredit antaranya dengan *'aqd iqrād* dan *'aqd hiwālah* (antara penerbit kad dan pemegang kad), *'aqd tijāriah* dan *al-wakālah bi al-ujr* (antara penerbit kad dan peniaga), dan *'aqd bay* dan *shīra* antara merchat dan pemegang kad. Beliau menyarankan beberapa alternatif yang diperkenalkan oleh Ar-Rajhi Bank dan Bank Islam di Bahrain. Namun, beliau tidak memberikan penjelasan berkenaan kad kredit Islam yang menggunakan kontrak *kafālah*, *qarḍ al-hasan* dan *ijārah* seperti yang digunakan dalam kad kredit syariah di Indonesia.⁴⁶

⁴⁵ Muhammad Ayub. (2007). *Understanding Islamic Finance*. West Sussex: John Willey & Sons Ltd.

⁴⁶ Wahbah Mustafa Al-Zuhayli, (2004), *Biṭāqat al-i'timān*, Syria: Dar al Fikr, www.zuhayli.net/credit.htm. 30 Disember 2009.

1.8.2.2. Model Kad Kredit

Manakala untuk model kad kredit Islam, terdapat beberapa kajian diantaranya tulisan-tulisan daripada Azharina HJ Sulaiman (2002), Fadillah Mansor (2003), Adil Manzoor Bakhsi (2006), yang menjelaskan tentang beberapa aspek dari kad kredit konvensional dalam memberikan hutang untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Selain itu, Azharina (2002), dalam disertasinya ini memberikan beberapa penyelesaian untuk kepentingan transaksi berasaskan kad kredit Islam dan membuat perbandingan antara kad kredit Islam dan kad kredit konvensional dari perspektif ekonomi. Juga menjelaskan berkenaan dengan sejarah kad kredit, peranan daripada ahli, aliran dari transaksi kad akreditasi dan jenis kad kredit konvensional. Beliau juga menjelaskan kad kredit Islam yang dikeluarkan oleh Ambank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad bersama dengan perbandingan operasi bank di antara mereka. Pada bahagian terakhir dari tulisannya, menyimpulkan bahawa usaha serius dan komitmen yang ditunjukkan oleh Bank Negara Malaysia dalam mempromosikan perbankan Islam di Malaysia akan meminimumkan segala rintangan yang ada.⁴⁷

Berbeza dengan disertasi Adil Manzoor Bakhsi (2006), ianya mencuba untuk mengembangkan model kewangan dalam kad kredit Islam untuk Islamic Bank of Britain di Inggeris. Dengan menggunakan model kewangan kad kredit Islam yang ada di Malaysia, ianya mencuba untuk mengembangkan model ini sehingga boleh diguna pakai untuk pasaran Inggeris. Beliau juga telah memberikan dua model struktur yang dapat dijadikan asas di setiap bank Islam Britain, sehingga dapat mengembangkan kad kredit untuk pasaran Inggeris dan menawarkan kepada para pelanggan sebuah perkhidmatan yang memungkinkan mereka untuk menggunakan kaedah pembayaran yang sesuai dengan keyakinan agama mereka iaitu Islam. Adil memberikan usul

⁴⁷ Azharina HJ Sulaiman (2002), "Conventional and Islamic Credit Card: A Comparative Analysis" (Disertasi, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur).

beberapa konsep kontrak kad kredit yang boleh diguna pakai oleh bank Islam di Britain, antaranya: pertama, berdasarkan model kafalah dan model kedua adalah kombinasi dari kontrak *tawarruq* dan *wadi'ah*. Namun, penulis tidak menawarkan penyelesaian yang lengkap berkenaan model yang diusulkannya, tetapi ini sudah boleh dianggap sebagai pekerjaan penting yang dapat digabungkan dengan penyelidikan-penyelidikan yang sudah dilakukan, ianya juga boleh memberikan idea kepada para penyelidik baru untuk mengembangkan penyelidikannya.⁴⁸

Kajian lainnya yang dijalankan oleh Fadillah Mansor (2003) sama halnya dengan kajian yang dilakukan Adil dan Azharina. Tulisan ini menyetengahkan secara terperinci mengenai kad kredit Islam; dari operasi, aplikasi, hinggalah instrumen yang berkaitan dengan kad kredit Islam. Bezanya, kajian ini dilaksanakan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Dalam kesimpulan kajiannya, beliau telah mengemukakan bahawa kad kredit Islam adalah kompetitif dan setanding dengan kad kredit konvensional dari segi operasi, ciri-ciri instrumen dan manfaatnya kepada pemegang kad. Malah, terdapat ciri-ciri tertentu seperti tiadanya elemen *ribā* dan *gharār*, di samping caj perkhidmatan yang rendah menjadikan kad kredit Islam adalah lebih baik dari kad kredit konvensional. Tiga model syariah yang diguna pakai dalam kad kredit di bank ini ialah *bay al-Īnah*, *al Wādi'ah* dan *qarḍ al-Ḥasān* yang diaplikasikan ke dalam kad kredit Islam. Berbeza pula dengan kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik, penyelidik mengambil tempat kajian di Indonesia yang berbeza pula sistem kewangan

⁴⁸ Adil Manzoor Bakhsi (2006), "Developing a Financial Model for Islamic Credit Card for the UK" (University of Salford, England).
http://www.islamicmortgages.co.uk/fileadmin/template/islamic_mortgages/pdf_files/uk_islamic_credit_card.pdf, 29 Mac 2009.

dan perbankan serta model syariah yang diguna pakai dalam pelaksanaan kad kredit di Indonesia.⁴⁹

1.8.2.3. Strategi Pemasaran dan Prinsip Syariah

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zam Zariah Omar (2003), Nurfahiratul Azlina Binti Ahmad (2005), dan Redzuan Muhammad (2001). Kajian mereka berbeza, namun terdapat persamaan dalam perbincangan terutamanya banyak membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan sejarah perkembangan kad kredit, bagaimana pemasaran kad kredit syariah serta strategi bagi meningkatkan permintaan kad kredit Islam dengan menggunakan pelbagai langkah dan cara yang diambil oleh pihak bank bekerjasama dengan syarikat-syarikat dan institusi-institusi yang ada di Malaysia.⁵⁰ Juga dihuraikan berkenaan sejauh mana masyarakat Islam memahami pelaksanaan kad kredit Islam sebagai kad alternatif yang bebas dari unsur ribā.⁵¹ Dinyatakan pula bahawa prinsip syariah yang diguna pakai dalam kad kredit Islam di Malaysia, pada peringkat awal menggunakan prinsip *bay biṭhaman ājil* tetapi kad ini selepas beberapa masa ditukarkan prinsipnya kepada *bay al Inah* setelah muncul beberapa masalah yang berkaitan dengan *bay biṭhaman ājil*. Pandangan-pandangan para ulama semasa ataupun yang berkenaan dengan kad kredit Islam sangatlah ringkas.⁵²

Kajian lain yang dijalankan oleh Norziati Bt. Mohamed (2002), ianya memberikan bahasan mengenai konsep kad kredit secara umum dan penggunaannya

⁴⁹ Fadillah Mansor (2003). "The Practices of Shariah Principles in Instrument of Islamic Financial System: An Overvie" (Prosiding Seminar Kewangan Islam, Kuala Lumpur, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁵⁰ Zam Zariah Omar (2003), "Strategi Pemasaran Kad Kredit Islam: Kajian di Bank Islam" (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁵¹ Nurfahiratul Azlina Binti Ahmad (2005), "Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Kad Kredit Islam: Kajian di Lembah Pantai, Kuala Lumpur", (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁵² Redzuan Muhammad (2001), "Kad Kredit Islam: Satu Kajian di Arab Malaysian Bank Berhad" (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

untuk membuat penilaian secara perbandingan antara kad kredit konvensional dengan kad kredit secara Islam. Juga membahas mengenai sejarah serta perkembangan kad kredit secara Islam di Malaysia ini. Kesimpulan dari hasil kajiannya ialah bahawa kad kredit secara Islam menurutnya bukan sahaja bebas daripada riba, malah yang lebih penting ialah ia dicipta berasaskan kontrak syariah. Penulis menambahkan bahawa pemakaian prinsip syariah dalam penciptaan sesuatu produk adalah penting sebagai bukti keharusannya dalam perundangan Islam. Oleh itu, penyelidik merasakan bahawa penggunaan konsep syariah dalam penerbitan sesuatu produk perlu dikaji dan dinilai dengan lebih teliti lagi agar sistem kewangan Islam yang berteraskan falsafah tauhid kepada Allah SWT tetap terpelihara.⁵³

Selain daripada tesis, disertasi dan latihan ilmiah lainnya, terdapat juga penulisan dalam bentuk artikel sama ada hasil daripada persidangan, seminar, jurnal dan banyak lagi. Misalnya artikel yang ditulis oleh Joni Tamkin Bin Borhan (2001). Ianya memberikan perbincangan berkenaan dengan penggunaan prinsip BBA (*al-Bay Bithaman Ājil*) dalam penggunaan kad kredit Islam.⁵⁴ Demikian pula artikel yang ditulis oleh Jamiyah Mohamad Nor (2002), dalam tulisannya Jamiyah memberikan pengenalan tentang kad kredit Islam.⁵⁵ Manakala Siti Haniza Abdul Rahman (2002) mengulas dan mengkaji berkenaan dengan kad kredit Islam bahawa ia suatu alternatif baru dari kad kredit.⁵⁶ Oleh kerana itu, penyelidik boleh memberikan ulasan dari penulisan-penulisan artikel yang telah disebutkan diatas, banyak mengkaji dan mengulas tentang prinsip-prinsip dan aplikasinya dalam kehidupan didalam masyarakat Malaysia, dan ini boleh

⁵³ Norziati Bt. Mohamed (2002), "Prinsip Syariah Dalam Penciptaan Kad Kredit Secara Islam: Suatu Perkembangan Terkini di Malaysia", (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁵⁴ Dr. Joni Tamkin Bin Borhan (2001), "Pelaksanaan Prinsip al-Bay' Bithaman Ajil Dalam Penggunaan Kad Kredit Islam: Suatu Kajian di Arab-Malaysian Berhad", (Jurnal Syariah. Jil. 9. Bil. 2, Julai 2001).

⁵⁵ Jamiyah Mohamad Nor (2002), "Kad Kredit Islam: Satu Pengenalan" (Kertas Kerja Seminar Kewangan Islam di Universiti Malaya, 18 Jun 2002).

⁵⁶ Siti Haniza Abdul Rahman. (2002), "Alternative Baru Kad Kredit" (Massa, Bil. 370, 23-29 November 2002).

dijadikan sebagai kajian perbandingan pada penyelidikan yang akan dilakukan oleh penyelidik di Indonesia.

Sedangkan artikel daripada Norudin Mansor dan Azman Che Mat (2009), kajian ini meneliti tentang hubungan antara faktor-faktor demografi dan penggunaan kad kredit Islam, sama ada faktor-faktor tersebut memberikan dampak yang kuat sebagaimana faktor-faktor tersebut memberikan dampak kepada penggunaan kad kredit konvensional dan menunjukkan saling bergantung antara faktor demografis dan penggunaan kad kredit. Hasil kajiannya didapati bahawa pendapatan adalah alat ukur yang baik untuk melihat bagaimana penggunaan kad kredit. Penyelidikan ini telah membandingkan terhadap pengguna kad kredit Islam dan kad kredit konvensional, atau mereka yang menggunakan kedua-duanya. Berdasarkan penemuan, dinyatakan bahawa ada hubungan positif antara tahap penggunaan dan pendapatan. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa sebahagian besar penerbit kad kredit biasanya memberikan had kredit yang lebih tinggi kepada kumpulan pendapatan yang lebih tinggi. Akhirnya, dinyatakan bahawa pelanggan yang berpendapatan lebih tinggi merupakan sasaran utama bagi penerbit kad kredit. Namun kajian yang dilakukan mereka berdua ini hanyalah setakat mengkaji faktor-faktor demografi yang memberikan kesan baik atau buruk terhadap penggunaan kad kredit Islam, tiada penjelasan berkenaan dengan skim transaksi yang digunakan oleh kad kredit, begitu juga model bagaimana yang sesuai untuk digunakan dalam kad kredit Islam.⁵⁷

Manakala kajian yang dijalankan oleh Sook Yee Choo (2005) terhadap respondennya, terdapat dua objektif yang berbeza, yang pertama; apakah akan menggunakan kad kredit atau tidak, dan yang kedua; adakah pemegang kad kredit lebih

⁵⁷ Norudin Mansor dan Azman Che Mat (December 2009), *Islamic Credit Card: Are Demographic Factors a Good Indicator?* Asean Social Science, vol. 5, no. 12, h. 17-22.

memilih kad kredit berasaskan Islam atau tidak. Kajian ini mendapati bahawa responden yang bekerja pada kakitangan kerajaan memiliki frekuensi lebih tinggi dalam memilih kad kredit yang berasaskan prinsip Islam berbanding dengan kakitangan sektor swasta. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa frekuensi penggunaan kad kredit untuk pembelian secara *online* meningkat secara nyata. Kekkerapan pemilihan kad kredit Islam pun lebih tinggi daripada kad kredit konvensional. Namun, hasil itu tidak meningkatkan kemungkinan memiliki kad kredit. Hasil kajiannya juga menunjukkan bahawa kad kredit yang berasaskan Islam mungkin mempunyai ciri-ciri yang lebih menarik pelanggan dalam melakukan pembelian secara online.⁵⁸

Lantaran itu, kajian yang akan dibuat oleh penulis ini diharapkan sebagai penyambung dari kajian-kajian yang telah dilakukan serta untuk melengkapkan kajian-kajian sebelumnya, kerana masih kurangnya perbincangan yang berkenaan dengan pelaksanaan kad kredit syariah, khususnya di Indonesia. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini merupakan suatu landasan dan panduan yang amat berharga dan akan membantu penulis untuk melakukan kajian ini.

1.9. Metodologi Kajian

Bentuk kajian ini adalah kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Dalam menyelenggarakan kajian ini, penulis membahagikan rangkanya kepada dua peringkat, iaitu peringkat pengumpulan data dan peringkat analisis data.

⁵⁸ Sook Yee Choo (2005), "The Consumer Choice of Islamic-based Credit Card: An Analysis of Bivariate Probit Model", (Kertas Projek, Universiti Utara Malaysia).
Lihat Nuradli Ridzwan Shah Bin Mohd Dali dan Hanifah Abdul Hamid (2007), "A Study on Islamic Credit Cards Holders" (Kertas kerja seminar untuk National Conference on Islamic Finance, NciF. Faculty of Business Management and Accountancy, Universiti Darul Iman Malaysia 27 – 28 November 2007).

1.9.1 Pengumpulan Data

Kaedah ini diguna pakai di dalam mengumpulkan dan mencari data-data yang diperlukan dalam penyelidikan. Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu data primer dan data sekunder.

1.9.1.1 Data Primer

Untuk mendapatkan data primer, penyelidikan dilakukan secara langsung ke atas tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Bagi mendapatkan data-data dan juga maklumat, kunjungan dilakukan ke institusi yang berkaitan khususnya Bank Danamon Syariah Indonesia di Jakarta. Dalam kajian ini, tiga metod telah digunakan untuk mengumpulkan data primer yang dikira sesuai untuk mengkaji, mengupas data-data yang diperlukan di dalam penyelidikan ini, metod ini ialah:

1.9.1.1.1 Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi ini lebih tertumpu kepada data yang ada di lapangan, terutamanya data-data yang tidak diterbitkan yang terdapat dalam objek yang dikaji. Bentuk pengumpulan data seperti ini sangat diperlukan untuk memenuhi tujuan kajian ini, bagi membolehkan data-data yang terbaru dan belum diterbitkan dan juga data-data yang memang tidak diterbitkan boleh diperolehi oleh sasaran yang dikaji berkaitan dengan kajian ini. Sama ada dari laporan kewangan bank, buku panduan pelanggan, *syariah sales kit*, ataupun dokumentasi lainnya yang berhubungan dengan tajuk kajian.

1.9.1.1.2 Metod Temubual (*Interview*)

Metod ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden dengan temubual (*interview*) responden tersebut. Dengan menggunakan metod ini, ia boleh mendatangkan manfaat di dalam memberikan

kefahaman yang lebih jelas tentang Pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia. Temubual yang dimaksudkan ialah menemubual individu-individu tertentu terutama yang berautoriti di dalam satu-satu bidang dalam penelitian ini, temubual dilakukan dengan Pengurusan Pemasaran Bank Danamon Syariah Indonesia di Jakarta. Manakala temubual dengan pengguna Dirham Card diambil seramai enam orang mengikut kategori kad⁵⁹ yang dilakukan secara *purposive sampling* iaitu sampel yang diambil dengan maksud atau tujuan tertentu. Seseorang atau sesuatu diambil sebagai sampel kerana penyelidik menganggap bahwa seseorang atau sesuatu tersebut memiliki informasi yang diperlukan bagi kajiannya.⁶⁰ Sedangkan temubual dengan *merchants* yang menerima transaksi dengan menggunakan Dirham Card diambil seramai lima kedai di pusat membeli belah ITC Cempaka Mas yang dilakukan secara *convenience sampling*.⁶¹

1.9.1.2 Data Sekunder

Bagi mendapatkan data-data ini, penulis menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) untuk memperoleh serta mengumpul bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Kaedah ini digunakan sebagai kaedah yang pertama dalam pengumpulan maklumat, bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, akhbar dan data-data yang berkaitan dengan rujukan dan tajuk kajian. Dalam penggunaan sumber rujukan, penulis mengutamakan kepada sumber asal, manakala buku-buku kontemporari turut digunakan bagi memperoleh pandangan yang lebih mengena dengan kajian.

⁵⁹ Pengguna Dirham Card Green seramai 2 orang, pengguna Dirham Card Gold seramai 2 orang, pengguna Dirham Card Platinum seramai 2 orang.

Lihat lampiran 4. Soalan temubual.

⁶⁰ Metod ini boleh dirujuk, misalnya: Josep, A. Maxwell (1996), *Qualitatif Research: Design An Interview Approach*, California: Saga Publication, h.81-83 dan Jane F. Gilgun (ed) (1996), *Qualitative Methods in Family Research*. London: Saga Publication, h.43-45.

⁶¹ *Ibid.*

1.9.2 Analisis Data

Kaedah ini digunakan di dalam penghuraian masalah kajian yang dibuat. Kaedah analisis data ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu induktif dan deduktif.

1.9.2.2 Induktif dan Deduktif Metod

Penyelidikan ini menggunakan metod induktif dan metod deduktif. Metod induktif digunakan untuk menganalisis tajuk, kemudian dikembangkan melalui kajian yang dilakukan. Ia bererti satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum. Antara kajian yang digunakan dengan cara ini adalah mengkaji dan meneliti pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah Indonesia.

Manakala metod deduktif menghuraian permasalahan yang didapati dengan cara melibatkan prinsip umum yang dapat dikutip dan diterjemahkan ke dalam hipotesis dan diuji dengan empirik untuk cadangan yang tepat dan khusus. Kaedah ini akan digunakan dalam menganalisis data-data yang diperoleh sama ada melalui temu bual, dokumentasi, laporan-laporan serta sumber-sumber lain yang berkaitan. Seterusnya, data dari temubual dan dokumentasi ini dianalisis dengan membuat suatu transkrip perbualan menjadi senarai soalan dan jawapan yang dikategorikan mengikut perbincangan bab-bab dan topik pada kajian ini dan dilengkapi dengan menggunakan analisis jadual-jadual dan analisis deskriptif secara manual.

1.10. Sistematika Penulisan

Penyelidikan ini akan dibahaskan dalam lima bab yang akan dipaparkan secara berurutan. Bab I adalah pendahuluan yang mengandungi tentang latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian,

definisi operasional, kajian lepas, metodologi kajian, dan sistematik penulisan yang berfungsi sebagai landasan teoretikal dalam penyelidikan ini.

Seterusnya, pada Bab II akan menjelaskan tentang kad plastik, kad kredit, pandangan Islam terhadap penggunaan kad kredit serta kebaikan dan keburukan dari kad kredit. Penjelasan ini akan mendatangkan manfaat untuk mengetahui jenis-jenis kad plastik, pengertian kredit dan kad kredit, sejarah penciptaan dan konsep kad kredit secara am, sama ada kad kredit konvensional mahupun kad kredit Islam.

Dalam Bab III akan mengkaji mengenai Bank Danamon Syariah Indonesia. Sejarah, visi, misi, tujuan, lembaga pengurusan, produk dan perkhidmatan dari Bank Danamon Syariah. Seterusnya perbincangan akan lebih mendalam lagi mengenai pelaksanaan Dirham Card, dengan prospek, permasalahan serta prestasinya.

Pada Bab IV akan memaparkan tentang prinsip syariah dalam pelaksanaan dan transaksi kad kredit yang terdiri daripada fatwa dan peraturan serta pembuat dasar pelaksanaan kad kredit syariah. Bab ini juga akan mendedahkan dan menganalisis tentang pelbagai prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam Dirham Card. Seperti *Ijārah*, *Kafālah*, dan *Qard al-Ḥasan* dengan definisi, konsep dan aplikasinya dalam Dirham Card.

Daripada perbincangan beberapa bab sebelumnya, maka akan dilakukan langkah akhir dengan melakukan suatu penilaian dalam bentuk kesimpulan pada keseluruhan kajian ini. Hal ini akan menghasilkan bab tersendiri, iaitu Bab V yang terdiri daripada kesimpulan, saranan dan penutup.

1.11. Kesimpulan

Berasaskan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No. 54/DSN-MUI/X/2006, dan disokong dengan adanya Surat Edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007, produk kad kredit syariah mulai dikeluarkan di Indonesia. Antara bank syariah yang pertama menerbitkan kad kredit syariah di Indonesia iaitu Bank Danamon Syariah dengan kad kredit syariah yang diberi nama *Dirham Card*.

Dalam proses perkembangan dan pelaksanaan *Dirham Card* di Indonesia, banyak cabaran dan permasalahan yang datang dari pelbagai pihak terutamanya dari perbankan konvensional. Oleh kerana itu, penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengetahui lebih jauh mengenai *Dirham Card*; dari mekanisme, transaksi, prestasi, prospek dan permasalahannya. Maka, penyelidik berhasrat ingin meneliti hal-hal tersebut dengan tajuk "*Kajian Pelaksanaan Kad Kredit Syariah di Bank Danamon Syariah, Indonesia*".

BAB DUA

KAD PLASTIK DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA

2.1. Pengenalan

Zaman sekarang segalanya mudah, dengan teknologi yang semakin maju banyak membantu manusia menjalankan segala urusan dengan cepat, contohnya dalam hal perniagaan dan perekonomian, kuasa wang boleh ditukarkan dengan sekeping kad.⁶² Tiada wang tunai di tangan sudah menjadi fenomena biasa pada masa kini, tiada wang tunai bukan bermakna tidak berwang. Tetapi, dengan penggunaan kad kredit, kad caj, kad debit membolehkan seseorang itu berbelanja dan ianya sudah menjadi budaya popular di kalangan remaja mahupun orang dewasa.⁶³ Dengan adanya “kad atau wang plastik” seseorang tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ketika membeli-belah atau melancong.⁶⁴ Kad ini laksana alat kewangan yang membolehkan pemegangnya memenuhi kehendaknya untuk mendapatkan barangan ataupun perkhidmatan.⁶⁵

Kad plastik merupakan alat berbentuk kad yang diterbitkan oleh suatu institusi kewangan dan dapat digunakan untuk pelbagai jenis transaksi kewangan. Perkembangan penggunaan kad plastik dalam berbagai bentuknya menunjukkan bahawa alat ini tidak hanya digunakan sebagai alat pembayaran, tetapi juga untuk tujuan lain seperti penarikan wang tunai. Kad plastik ini boleh dibawa kemana sahaja, dapat digunakan bila-bila masa, dan digunakan untuk pelbagai jenis transaksi kewangan.⁶⁶

⁶² Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman, (2006), *Banking Card Syariah Kartu Kredit dan Debit Dalam Perspektif Fiqih*, PT. RajaGrafindo Persada. Jakarta, hal. XII.

⁶³ *Ibid*

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*

2.1.1. Jenis Kad Plastik

Terdapat pelbagai jenis kad plastik dan kegunaannya yang berbeza antara setiap satu dengan yang lainnya. Kad plastik dapat digunakan sebagai alat transaksi kewangan. Skop geografi penggunaan kad ini ada yang domestik dan ada juga yang internasional. Kad dengan skop internasional bererti kad tersebut tidak diterhadkan penggunaannya dalam satu negara sahaja, tetapi dapat juga digunakan di negara lain.⁶⁷

Berdasarkan fungsinya, kad plastik digolongkan kepada dua golongan; iaitu kad yang boleh digunakan untuk transaksi kewangan, dan kad yang tidak boleh digunakan untuk transaksi kewangan. Antara kad plastik yang boleh digunakan untuk transaksi kewangan adalah: kad tunai (*cash card*), kad caj (*charge card*), kad kredit (*credit card*), kad debit (*debit card*), kad smart (*smart card*), dan kad tanda persendirian (*private label card*). Manakala kad plastik yang tidak boleh digunakan untuk transaksi kewangan antaranya ialah: kad ahli (*member card*), dan kad diskaun (*discount card*).⁶⁸

2.1.1.1. Kad Untuk Transaksi Kewangan

a. Kad Tunai (*Cash Card*)

Kad Tunai boleh disebut juga dengan kad ATM (*Automated Teller Machine*) untuk jenis simpanan atau simpanan semasa.⁶⁹ Kad tunai merupakan alat berbentuk kad yang dikeluarkan oleh suatu institusi kewangan dan dapat digunakan sebagai alat penarikan wang tunai secara manual melalui kaunter bank atau melalui ATM. Hanya pemilik akaun sahaja yang boleh memohonnya. Selain daripada buku akaun, pemilik akan memperoleh kad ini apabila ia memohon, fungsinya untuk mengambil atau menyimpan wang melalui mesin ATM atau CDM (*Cash Deposit Machine*) bank

⁶⁷ *Ibid*, h. 43.

⁶⁸ Johanes Ibrahim (2004), *op.cit.*, h. 13.

⁶⁹ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *op.cit.*

penerbit kad ini mahupun ATM dan CDM bank bukan penerbit kad.⁷⁰ Penjelasan tersebut menjelaskan bahawa terdapat dua cara mengambil dan menyimpan wang tunai dengan kad tunai, iaitu: sama ada melalui petugas/ kaunter pada mana-mana cawangan bank penerbit kad, mahupun melalui ATM dan CDM yang terdapat pada berbagai tempat.⁷¹

Pihak bank (penerbit kad) biasanya sudah menetapkan had atau batas jumlah penarikan maksimum per-hari atau per-minggu yang dapat dilakukan dengan menggunakan kad tunai. Cara penarikan wang dengan menggunakan ATM adalah sangat mudah, dan dapat dilakukan di banyak tempat yang telah disediakan, tanpa harus ada pengesahan atau berhubung dengan petugas bank. Untuk melakukan antisipasi kemungkinan adanya kerosakan pada peranti ATM, maka batas penarikan ini ditetapkan. Dengan adanya batasan tersebut, jumlah penarikan yang dilakukan dengan setiap kad dapat dikendalikan dengan lebih baik. Batasan jumlah pengambilan ini juga dilakukan untuk berjaga-jaga penyediaan wang tunai dalam ATM yang terhad.⁷²

b. Kad Caj (*Charge Card*)

Kad caj atau *charge card* merupakan alat yang berbentuk kad yang dikeluarkan oleh suatu institusi kewangan dan dapat digunakan sebagai alat pembayaran transaksi pembelian barang dan perkhidmatan yang pembayarannya harus dilakukan oleh pembeli secara sekali pada tempoh masa tertentu setelah kad tersebut digunakan sebagai alat pembayaran.⁷³ Kad caj tiada had kredit, semua bil perlu dibayar dalam tempoh 30 hari.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Johanes Ibrahim (2004), *op.cit.*, h. 15.

⁷³ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *op.cit.*

Apabila pemegang kad tidak mampu membayar bil pada masanya, denda (caj) perkhidmatan dikenakan dengan kadar faedah tertentu.⁷⁴

Pembayaran dilakukan pada akhir bulan yang sama dengan tanggal transaksi atau pada bulan berikutnya dengan disertai bayaran tambahan. Terdapat penerbit kad yang menetapkan bayaran tambahan dan ada juga yang tidak, sehingga pelunasan yang dibayar oleh pemilik kad ada yang terdiri dari pokok pinjaman ditambah dengan bayaran tambahan dan ada pula yang hanya berupa pokok pinjaman saja.⁷⁵

Contoh: seorang yang bernama Muhammad (sebagai pemilik kad) mempunyai *charge card* dengan nama “ABC Card” yang diperoleh melalui pejabat cawangan bank ABC di Jalan Mataram, Jakarta (sebagai *issuer*). Pada tanggal 22 Julai 2009, Muhammad melakukan transaksi pembelian kasut di Matahari Mall, Atrium Plaza Senen (sebagai *merchant*) berharga Rp.200,000 dengan menggunakan ABC Card. Sesuai dengan syarat yang telah ditetapkan oleh penerbit kad (*issuer*), tempoh masa pembayaran adalah pada tanggal 1 bulan berikutnya, dimana Muhammad harus melunaskan bayaran paling lambat pada tanggal 1 Ogos 2009. Pada tanggal 1 Ogos 2009, Muhammad melakukan pembayaran atas tuntutan dari penerbit ABC Card melalui pejabat cawangan bank ABC di Jalan Mataram sebanyak Rp.200,000. Pembayaran tersebut dapat disertai dengan bayaran lain terpulang pada syarat yang telah ditetapkan oleh penerbit kad.⁷⁶

⁷⁴ Aboubacar Salihou Kante (2006), *Credit Cards From the Islamic Legal Perspective*. Kuala Lumpur: Ilmiah publisher, h. 15.

⁷⁵ *Ibid.* h. 15.

⁷⁶ Lihat John P. Caskey dan Gordon H. Sellon, Jr. (1994), *Is The Debit Card Revolution Finally Here?* Federal Reserve Bank of Kansas City, Economic Review, h. 81-82.

c. Kad Kredit (*Credit Card*)

Kad kredit merupakan alat berbentuk kad yang diterbitkan oleh suatu institusi kewangan dan dapat digunakan sebagai alat pembayaran transaksi pembelian barang dan perkhidmatan yang pembayarannya dapat dilakukan oleh pembeli secara sekali atau ansuran pada tempoh masa tertentu setelah kad digunakan sebagai alat pembayaran.⁷⁷ Dengan kad kredit, seseorang dapat melakukan pembelian barang dan perkhidmatan pada tempat-tempat khusus yang menjalin kerja sama dengan perusahaan kad kredit yang bersangkutan tanpa harus menggunakan wang tunai.⁷⁸

Kad kredit ini terbuka kepada mereka yang berkelayakan dari segi keupayaan kewangan dan disahkan oleh pengeluar kad. Syarikat pengeluar kad akan menetapkan had kredit bagi setiap pemohon berdasarkan tahap pendapatannya dan faktor lainnya. Kad ini boleh digunakan di tempat yang menerima kad. Satu bil akan dihantar kepada pemegang kad setiap hujung bulan dan pengguna perlu membayar pada atau sebelum tarikh yang ditentukan. Jika terlambat bayar, mereka akan didenda mengikut kadar tertentu berdasarkan jumlah yang digunakan. Kad kredit juga boleh digunakan sebagai kad tunai. Pengeluaran boleh dibuat di mesin ATM atau CDM tertentu.⁷⁹

Pembayaran untuk suatu transaksi pembelian dilakukan dengan cara menggesek kad kredit pada peranti atau suatu alat khas yang sudah disediakan oleh penjual barang dan perkhidmatan, sehingga transaksi pembelian tersebut tercatat pada alat tersebut dan dapat dikesan. Pembayaran atau ansuran oleh pemilik kad diberikan secara langsung kepada perusahaan kad kredit atau melalui pihak lain yang ditunjuk.⁸⁰

⁷⁷ Helvi Indrawan (2008), *Siasat Cerdik Menggunakan Kartu Kredit*. Yogyakarta: Bale Siasat, h. 16.

⁷⁸ Johanes Ibrahim. (2004), *op.cit.*, h. 14.

⁷⁹ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman, (2006), *op.cit.*

⁸⁰ Johanes Ibrahim (2004), *op.cit.*

d. Kad Debit (*Debit Card*)

Kad debit (*debit card*) merupakan suatu alat berbentuk kad yang diterbitkan oleh suatu institusi kewangan (*issuer*) dan dapat digunakan sebagai alat pembayaran dalam pembelian barang ataupun perkhidmatan dengan cara menolak baki akaun simpanan pemilik kad (*card holder*) serta pada saat yang sama menambah baki akaun penjual (*merchant*) sebanyak mana nilai transaksi barang atau perkhidmatan yang dibeli. Terdapat sistem penggunaan kad debit yang menggunakan aplikasi dalam talian (*on-line*) dan ada juga yang menggunakan aplikasi di luar talian (*off-line*). Sistem yang menggunakan aplikasi di luar talian bererti bahawa apabila pemilik kad menggunakan kadnya untuk berbelanja maka transaksi debit dari akaun simpanan pemilik kad tidak secara automatik terjadi bersamaan.⁸¹

Proses debit akaun pemilik kad dan proses kredit akaun penjual pada bank pengelola kad hanya akan dilakukan setelah merchant menyerahkan bukti penggunaan kad (pembayaran dengan kad debit) pada kedai atau tempat perniagaannya. Sistem ini boleh memberikan risiko bahawa baki dalam akaun simpanan pemilik kad tidak mencukupi untuk menutup transaksi pembelian yang telah dilakukan. Apabila sistem ini telah *on-line*, maka saat pemilik kad menggunakan kadnya untuk berbelanja, pada masa itu pula *merchant* dapat melihat baki akaun simpanan pemilik kad debit pada bank pengelola. Dengan cara ini *merchant* dapat menentukan apakah kad tersebut masih cukup untuk menutup nilai transaksi yang akan dilakukan atau tidak. Pada masa yang bersama, mesin atau peralatan yang ada pada *merchant* dapat melakukan proses debit terhadap akaun simpanan pemilik kad debit dan melakukan kredit terhadap akaun *merchant*. Dengan demikian, setiap kali pemilik kad menggunakan kad debitnya untuk

⁸¹ Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *Bunga Bank Haram? Menyikapi Fatwa MUI, Menuntaskan Kegamangan Umat*. Jakarta: Darul Haq, h. 82.

bertransaksi, maka pada masa yang sama juga, baki akaun dalam simpanannya akan berkurang.⁸²

e. Kad Pintar (*Smart Card*)

Kad pintar, kad cip, atau *integrated circuit card* (ICC), adalah kad yang bersaiz saku dengan padanya terdapat cip yang boleh memproses data. Ini bererti bahawa hal itu boleh menerima (*input*) dan menyampaikan (*output*) data yang diproses dengan cara aplikasi ICC. Kad diperbuat dari plastik, umumnya PVC, tetapi ada juga yang menggunakan bahan ABS. Kad ini biasanya dilengkapi dengan sebuah hologram untuk mengelakkan dari pemalsuan.⁸³ Kad pintar juga berfungsi sebagai akaun bersepadu, kad ini dapat dihubungkan dengan akaun peribadi, dapat menyimpan dan memperbaharui data dalam *microchip*, dimana pemegang kad dapat mengetahui keadaan akaunnya.⁸⁴

Kad pintar juga mempunyai ciri-ciri seperti berikut: biasanya berukuran seperti kad kredit. Dalam ID-1 dari ISO/IEC 7810⁸⁵ menyatakan standard saiz untuk kad 85,60 H 53,98 mm. Saiz popular lain adalah sesuai standard ID-000⁸⁶ adalah 25 H 15 mm (biasa digunakan dalam SIM card). Keduanya setebal 0,76 mm. Ia mengandungi sistem keselamatan dengan *tamper-resistant properties* (misalnya *secure cryptoprocessor*, *secure file system*, *human-readable features*) dan mampu menyediakan perkhidmatan keselamatan (misalnya menyimpan segala maklumat dalam memori). Kad pintar boleh

⁸² Johannes Ibrahim (2004), *op.cit.*, h. 15.

⁸³ Charles J. Woelfel (1994), *Encyclopedia of Banking and Finance*, Tenth Edition, A Bankline Publication, h. 1059.

⁸⁴ Johannes Ibrahim (2004), *op.cit.*

⁸⁵ ISO/IEC 7810:2003 adalah standard antarabangsa yang menentukan ciri fizikal untuk identiti atau kad pengenalan. ID-1 menetapkan saiz 85,60 mm × 53,98 mm (3,370 × 2,125 in). Hal ini biasanya digunakan untuk kad perbankan (kad ATM, kad kredit, kad debit, dll). Sekarang juga digunakan untuk SIM (surat izin mengemudi) di banyak negara (termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Norway, Poland, Belanda dan negara-negara Eropah). Format ini juga digunakan sebagai kad identiti peribadi di beberapa negara-negara lain seperti Belgium, Chile, Pakistan, Peru, Poland atau Switzerland. Di Amerika Syarikat kad passport juga menggunakan format ID-1.

⁸⁶ ISO/IEC 7810:2003 ID-000 berukuran 25 mm × 15 mm. Format ini biasa digunakan SIM cards.

digunakan untuk pengenalan, pengesahan, dan *data storage*. Kad pintar juga menyediakan perkhidmatan untuk mengurus perniagaan secara fleksibel, aman, standard dengan mencampurkan dua fungsi antara debit kad dan kredit kad. Kad pintar pun boleh memberikan suatu kebenaran yang kuat untuk *single sign-on*⁸⁷ pada komputer, laptop, dan data storage.⁸⁸

f. Kad Tanda Persendirian (*Private Label Card*).

Kad ini bukan dikeluarkan oleh bank, tetapi dikeluarkan oleh peniaga, pusat beli-belah, syarikat minyak, hotel dan lainnya. Kegunaannya terhad kepada pembelian barangan tertentu di mana-mana cawangan pengeluar kad. Ia boleh digunakan sebagai kad caj atau kad kredit. Kelebihannya, pemegang kad boleh membeli barangan pada harga istimewa sebelum sesuatu jualan besar-besaran diadakan.⁸⁹

2.1.1.2. Kad Bukan Untuk Transaksi Kewangan

a. Kad Ahli (*Member Card*)

Kad ahli ini seperti kad yang lain, kebiasaannya berbentuk ATM dengan saiz yang sama dan diperbuat dari bahan yang sama. Ianya dikeluarkan oleh institusi, kelab, sekolah, universiti, pejabat, pusat beli-belah, pusat hiburan dan syarikat lainnya. Dalam kad ahli dituliskan butiran yang menerangkan identiti pemilik kad. Fungsi kad ini hanyalah sebagai tanda bahawa pemegang kad tersebut adalah ahli suatu kumpulan, institusi, pusat hiburan atau sekolah pengeluar kad. Oleh itu, ia akan memudahkan urusan pemegang kad ahli dengan kumpulannya.⁹⁰

⁸⁷ Proses pengesahan kod laluan (*pass code*) dengan *infra red* pada peranti komputer, laptop dan lainnya.

⁸⁸ A Pelanduk Paperback (1992), *Dictionary of Malaysian Business*. Malaysia: Pelanduk Paperback (M) Sdn. Bhd. Selangor, h. 329-331.

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *Ibid.*

b. Kad Diskaun (*Discount Card*)

Kad ini biasanya dikeluarkan oleh peniaga, pusat beli-belah, syarikat minyak, syarikat penerbangan dan lainnya untuk memberi potongan harga bagi barangan atau perkhidmatan yang dibeli. Ia bukan digunakan untuk transaksi kewangan atau membolehkan pemegangnya membayar melalui kad ini. Sama halnya dengan kad ahli, kegunaannya juga adalah terhad.⁹¹

2.2. Kad Kredit

2.2.1. Pengenalan

Sejarah telah membuktikan akan kemajuan kehidupan dan tamadun manusia. Dari masa ke semasa, manusia telah mengubah cara hidup mereka, termasuklah kemajuan dalam bidang perekonomian dan perniagaan. Manusia terus melakukan ubahsuai, terutama dalam penggunaan alat tukar. Bermula dengan menggunakan sistem barter,⁹² kemudian penciptaan mata wang bagi menggantikan sistem barter yang terdapat banyak kekurangan dan masalah dalam pelaksanaannya sehinggalah melangkah ke tahap yang lebih maju, daripada menggunakan wang sebagai medium pertukaran kepada menggunakan cek yang lebih memudahkan penggunanya menjalankan urusan niaga.⁹³

Sehinggalah pada masa di mana manusia merasakan bahawa penggunaan mata wang dan cek sebagai alat pertukaran tidak lagi memberi kemudahan dalam urusan mereka terutamanya dalam hal keselamatan, manusia mula mencari alternatif lain yang boleh memberi suatu kemudahan kepada mereka tanpa perlu membawa sejumlah wang

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Abu Sufian Abu Bakar, Shazida Jan Mohd Khan, Ahmad Zafarullah Abdul Jalil, Hussin Abdullah, Asan Ali Golam Hassan (2007), *Urusan Wang, Perbankan dan Kewangan: Analisis Mikroekonomi*, Universiti Utara Malaysia, h. 2.

⁹³ Lystyaningsih (2009), "Penggunaan Kartu Kredit Dalam Perjanjian Jual Beli Barang Ditinjau Dari Aspek Hukum Perbankan", (Thesis, Fakultas Hukum, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia), h. 2.

tunai yang banyak. Akhirnya, dibuatlah suatu “kad plastik” yang dapat menggantikan posisi wang dalam alat pertukaran masa kini.⁹⁴

Dalam urusan kewangan di peringkat global pada masa sekarang, hampir semua orang telah menggunakan kad plastik. Salah satu produk kad plastik itu adalah kad kredit (*credit card*). Kad kredit merupakan kad hutang dengan konsep asas: “membeli sekarang, membayar kemudian”. Kini penggunaan kad kredit telah menjadi suatu budaya di dalam kehidupan manusia moden, mereka menggunakan kad kredit bukan sahaja untuk perniagaan atau perdagangan, tetapi juga digunakan untuk urusan peribadi.⁹⁵

2.2.1.1. Pengertian Kad, Kredit dan Kad Kredit

Pengertian kad, kredit dan kad kredit seperti yang telah dituliskan dalam bab sebelumnya, namun belum begitu mendalam. Maka, pada bahagian ini penulis akan memberikan pengertian ini lebih dalam lagi.

Kad didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai kertas yang agak tebal dan keras (biasanya berbentuk empat segi)⁹⁶. Manakala kata kad dalam bahasa Arab iaitu بطاقة secara bahasa digunakan untuk potongan kertas kecil atau dari bahan lain, di atasnya ditulis penjelasan yang berkaitan dengannya. Sementara kata ائتمان secara bahasa ertinya ialah keadaan yang aman dan saling percaya.⁹⁷

⁹⁴ *Ibid.* Hal.3.

⁹⁵ Lystyaningsih (2009), *op.cit.*, h. 5-7.

⁹⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 711.

⁹⁷ Shalah ash-Shawi. Abdullah al-Mushlih (2008), *Fikih Ekonomi Keuangan Islam*, cet. 2. Jakarta: Darul Haq, h. 299.

Dalam Fiqah Muamalah kalimat ini biasa disebut *biḥāqah isti'mān* bukan *bithāqah i'timān*. Ertinya adalah memberikan hak kepada orang lain terhadap hartanya dengan ikatan kepercayaan, sehingga orang tersebut tidak bertanggungjawab kecuali bila ia melakukan kecuaiian atau kesalahan. Transaksi itu sendiri menurut para ulama fiqah adalah transaksi bebas bukan penyerahan hak.⁹⁸

Kredit merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Latin iaitu "*credo*", dalam bahasa Romawi "*credere*" atau "*credo*" atau "*creditum*" yang ertinya saya percaya. Dengan perkataan lain, iaitu kepercayaan kepada kemampuan seseorang untuk membayar. Jadi, kredit ada kalanya dinyatakan sebagai janji untuk membayar wang atau sebagai izin bagi menggunakan modal yang lain.⁹⁹

Perkataan kredit lazim digunakan pada amalan perbankan dalam pemberian pelbagai kemudahan yang berkaitan dengan pinjaman. Perkataan yang sama turut didapati dalam pengeluaran kad yang dikeluarkan oleh institusi kewangan, sama ada bank mahupun institusi kewangan bukan bank secara sendirian mahupun usaha bersama.

Didalam Kamus Dewan Bahasa edisi ketiga pula, kredit dimaksudkan kemudahan membayar selepas memperoleh barang, iaitu penangguhan pembayaran (bagi barang yang dibeli). Dalam definisi lain, ia dikatakan sebagai kebolehan memperolehi barangan, perkhidmatan atau wang pada masa sekarang dengan pertukaran janji untuk membayar pada masa hadapan.¹⁰⁰

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2001), *op.cit.*

¹⁰⁰ Ammer, Christine, Dean S. Ammer (1984), *Dictionary of Business and Economics*. New York: The Free Press, h. 112.

Black Law Dictionary memberi erti bahawa kredit adalah: “*The ability of a businessman to borrow money, or obtain goods on time, in consequence of the favourable opinion held by the particular lender, as to his solvency and reliability*”.¹⁰¹

Yang ertinya: keupayaan pengusaha untuk meminjam wang, atau memperoleh barang tepat pada waktunya, sebagai akibat dari alasan yang menguntungkan oleh pemberi pinjaman, seperti kebolehpercayaan dan kemampuan membayar.¹⁰²

Oleh kerana itu, hasil cantuman dua perkataan ini maka lahirlah terma kad kredit yang ditakrifkan dengan berbagai definisi. Antaranya, kad kredit adalah sejenis kad yang dapat digunakan sebagai alat pembayaran pengganti wang tunai atau cek.¹⁰³

Menurut A.F. Elly Erawaty dan J.S. Badudu kad kredit ialah, “kad yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan lain yang diterbitkan dengan tujuan untuk mendapatkan wang, barangan atau perkhidmatan secara kredit”.¹⁰⁴

Sementara itu Kamus Ekonomi Arab menjelaskan, erti daripada kad kredit ialah “sejenis kad khas yang dikeluarkan oleh pihak bank (sebagai pengeluar kad), lalu jumlahnya akan dibayar kemudian. Pihak bank akan memberikan kepada pelanggannya penyata yang dihantar setiap bulan untuk dibayar, atau ditolak terus dari akaunnya yang masih sah”.¹⁰⁵

¹⁰¹ Henry Campbell Black’s (1990), *Black Law Dictionary*. Sixth Edition. St. Paul Minn: West Publishing Co.

¹⁰² Diterjemahkan oleh penyelidik.

¹⁰³ Nana Supriatna, Mamat Ruhimat, Kosim (2006), *Ilmu Pengetahuan Sosial (Geografi, Sejarah, Sosiologi, Ekonomi)*, Untuk Kelas IX Sekolah Menengah Pertama. Jakarta: Grafindo Media Pratama. Indonesia. h.126.

¹⁰⁴ A.F. Elly Erawaty dan J.S. Badudu (1996), *Kamus Hukum Ekonomi*, Jakarta: ELIPS, h. 27.

¹⁰⁵ Ahmad Zaki Badwi (1984), *Mu’jam al-Musthalahāt at-Tijariyyah at-Ta’awuniyyah* Arab-Inggris-Perancis. Beirut: Dār an-Naḍāh al-Ārabiyyah, h. 62.

Manakala Takrifan yang dikeluarkan oleh Ketetapan Majlis Kesatuan Fiqah Islam Sedunia (*Majma' Fiqh Islami*) bagi kad kredit adalah:

*“Satu bentuk penyata sandaran (penyata keterangan) yang diiktiraf, diberikan oleh pengeluar kepada mana-mana individu atau pihak yang diiktiraf melalui kontrak di antara kedua-dua belah pihak, ia membolehkan pemegangnya membuat pembelian barangan atau perkhidmatan dari semua pihak yang mengiktiraf penyataan sandaran (kad kredit) tadi, tanpa perlu membuat pembayaran tunai (segara), kerana ia mengandungi jaminan pembayaran dari pihak pengeluar”.*¹⁰⁶

Dalam *Dictionary of Economics* dihuraikan pengertian *credit card* sebagai berikut: *“Plastic card or token used to finance the purchase of product by gaining point of sale credit. Credit card are issued by commercial banks, hotel chains, and larger retailer”.*¹⁰⁷ Maknanya, kad plastik atau sejenis kad yang digunakan untuk membiayai pembelian produk secara kredit. Kad kredit ini dikeluarkan oleh bank-bank komersil, hotel berangkai, dan peruncit yang lebih besar.¹⁰⁸

Dalam *Encyclopedic Dictionary of Finance* dikatakan bahawa kad kredit: *“The credit card is a variable repayment card which offers a line of credit to the cardholder who can spend up to a pre-arranged ceiling level. The extended credit must be settled within a given period, or else interest will be charged on the remaining balance”.*¹⁰⁹ Maknanya, kad kredit adalah kad bayaran pembolehkan yang menawarkan khidmat kredit kepada pemegang kad dan boleh digunakan sehingga ke tahap maksimum yang ditetapkan. Bil kredit harus diselesaikan dalam tempoh tertentu, atau faedah (bunga) lain akan dikenakan pada baki bil.¹¹⁰

¹⁰⁶ Lihat majalah *Majma' al-Fiqh al-Islami* (1412H dan 1992M), Edisi 7, h. 717.

¹⁰⁷ Collins (1988), *Dictionary of Economics*. Cambridge: Collins Reference. h. 105.

¹⁰⁸ Diterjemahkan oleh penyelidik

¹⁰⁹ Paxson, D., & Wood, D. (1998), *Encyclopedic Dictionary of Finance*. Oxford: Blackwell.

¹¹⁰ Diterjemahkan oleh penyelidik.

Selain itu, kad kredit juga membawa erti instrumen pembayaran yang menyenangkan, kerana ia boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja untuk membuat pembelian.¹¹¹

Dalam seksyen 14 (1) Akta Kredit Pelanggan (*Consumer Credit Act 1974*) definisi kad kredit ialah kad, cek, baucar, kupon, setem, buku kecil atau dokumen atau barang lain yang diberikan kepada seseorang (pemegang kad) dan dengan perkara-perkara di atas pemegang kad ini mempunyai kuasa untuk mendapatkan tunai, barangan, atau perkhidmatan secara kredit. Pihak yang memberikan kemudahan kredit ini akan mendapat pembayaran daripada pihak pengeluar kad yang sebelumnya telah membuat perjanjian dengan pihak pemegang kad.¹¹²

Daripada definisi-definisi di atas, penulis boleh membuat kesimpulan bahawa kad kredit ialah sejenis kad yang di buat dari bahan plastik, yang dikeluarkan oleh bank, institusi kewangan, syarikat dagang, peniaga ataupun peruncit lainnya, pada kad tersebut terdapat nama pemegang, nombor akaun, dan nama syarikat pengeluar kad yang membolehkan pemegang kad ini memperoleh kredit atas transaksi dan urusan niaga yang dilakukannya dalam membeli segala keperluan barang-barang ataupun perkhidmatan tertentu secara hutang.

2.2.1.2. Sejarah Penciptaan Kad Kredit

Dalam sejarah penciptaan kad kredit, penulis membahagikan kepada beberapa peringkat waktu, antaranya: peringkat awal penciptaan dan pada masa kini.

¹¹¹ Banking Info, Info Perbankan. www.bankinginfo.com.my. 20 Jun 2009.

¹¹² G. Hanson, Derrick (1985), *Dictionary of Banking and Finance*. London; Pitman Publishing Ltd, h. 169.

a. Peringkat Awal Penciptaan Kad Kredit

Sejarah awal mula penciptaan kad kredit di muka bumi ini berbeza-beza. Penulis dalam kajian ini cuba memberikan beberapa rekod mengenai permulaan kad kredit diperkenalkan sehingga ke hari ini. Kad kredit pertama di dunia telah diperkenalkan oleh Provident Clothing Company (kini dikenali sebagai Provident Financial Group) di England pada tahun 1880-an. Ia adalah skim cek perdagangan terawal. Dalam operasinya pelanggan akan diberi baucar yang boleh digunakan di kedai-kedai yang telah di senaraikan menerima baucar yang diterbitkan oleh *issuer*. Ia merupakan kad kredit perintis dalam dua hubungan, bayaran akan dibuat dengan menggunakan baucar dan pelanggan akan menikmati kelebihan menggunakan cara kredit.¹¹³

Pada awal 1900-an, syarikat-syarikat minyak mengeluarkan kad milik mereka sendiri, mengikut tulisan yang dibuat oleh Stan Sienkiewicz, yang bertajuk "*Credit Cards and Payment Efficiency*" Kad ini hanya diterima pada perniagaan yang mengeluarkan kad dan di lokasi yang terhad. Sementara kad kredit moden terutamanya yang digunakan untuk keselesaan, kad pendahulunya ini dikembangkan sebagai alat untuk menjamin kesetiaan pelanggan dan meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.¹¹⁴

Menurut MasterCard, kad bank pertama yang dicipta bernama "*Charge-It*", yang diperkenalkan pada tahun 1946 oleh John Biggins, seorang juru bank di Brooklyn. Apabila seorang pelanggan menggunakannya untuk pembelian, bil dari transaksi itu dihantar terus ke bank yang bersangkutan. Pedagang memperoleh bayaran daripada pelanggan dengan perantara bank. Tetapi pembelian hanya boleh dibuat secara

¹¹³ *Ibid.* h. 169.

¹¹⁴ Stan Sienkiewicz (Ogos 2001), "Credit Cards and Payment Efficiency", (a paper for the Philadelphia Federal Reserve).

tempatan, dan pemegang kad *Charge-It* perlu mempunyai akaun di Biggins Bank. Pada tahun 1951, kad kredit bank pertama muncul di New York, oleh *Franklin National Bank* untuk pinjaman pelanggan. Ini pula hanya boleh digunakan oleh pemegang akaun bank sahaja.¹¹⁵

Manakala menurut *The Diners Club*, penciptaan kad kredit bermula dari suatu peristiwa yang terjadi pada tahun 1949 ketika seorang lelaki bernama Frank McNamara menghadiri jamuan makan malam di New York Captain's Cabin Grill. Ketika hendak membayar bil makan, Frank menyedari bahawa beliau terlupa membawa dompetnya. Beliau berjaya mencari jalan keluar dari masalah itu dengan memberikan kad nama miliknya sebagai jaminan. Selepas itu beliau mula berfikir dan memutuskan bahawa harus ada suatu alternatif lain sebagai pengganti wang tunai. McNamara dan rakannya, Ralph Schneider akhirnya menciptakan Diners Club Card yang digunakan terutamanya untuk perjalanan dan tujuan hiburan.¹¹⁶

Pada tahun 1951, *Franklin National Bank* merupakan bank pertama yang mengeluarkan kad bank kepada selain daripada pendepositnya dan di luar kawasan tempatan.¹¹⁷ Pada tahun yang sama juga, terdapat 20,000 pemegang kad Diners Club. Pelaksanaan Diners Club Card dilakukan secara kredit, tetapi secara teknikalnya ia menggunakan transaksi sama seperti kad caj, dimana bil harus dibayar secara penuh pada akhir setiap bulan.¹¹⁸

¹¹⁵ Laman web MasterCard, <http://www.creditcards.com/Mastercard.php>. 12 September 2009.

¹¹⁶ Lindsey (1980), Credit Card Franchisee Services. *Report on the Supply of Credit Card Franchise Services in the United Kingdom*. London: Her Majesty's Stationery Office. h. 7.

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ Newman, Peter, Murray Milgate, John (Eds) (1992), *The New Palgrave Dictionary of Money and Finance*, vol. 2, London: The Macmillan Press Limited, h. 519-520.

Dalam rangkaian kad kredit antarabangsa dan tempatan, yang paling dominan telah dibentuk pada tahun 1966, sewaktu Bank Amerika mula mengembangkan cawangan BankAmericard (kini dikenali sebagai Visa), beberapa bank besar telah membentuk sistem persaingan kedua dengan menerbitkan Interbank Card Association (kini dikenali sebagai mastercard).¹¹⁹

b. Kad Kredit Pada Masa Kini

Kad kredit yang pada awalnya menggunakan bahan kertas,¹²⁰ kini ditukar menggunakan bahan plastik. Ianya untuk memberi kemudahan dan supaya ia tidak mudah rosak. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis kad kredit yang ditawarkan oleh penerbit kad kredit, antaranya *Visa*, *MasterCard*, *Diners Club*, *American Express*, dan sebagainya. *Barclay* tersebar di Timur Tengah dalam jumlah yang besar dengan anggaran satu juta pada tahun 2001. Menurut Pusat MasterCard Dubai, dengan memperkenalkan *Affinity*, *Gold & Business Cards* mereka memenuhi 40% keperluan kad kredit di kawasan Teluk.¹²¹

Pusat kajian MasterCard di Amerika memainkan peranan penting dalam penyelidikan tentang pemasaran kad, pengembangan dan latihan pekerja. Visa juga mendakwa bahawa kehadiran mereka dengan Visa Elektron, Classic, dan Gold serta Business Card di Teluk memenuhi 70% keperluan kad kredit. Pada bulan September 1990, ada 1 bilion kad Visa di dunia, yang diterima oleh 18 juta pedagang di lebih 20,000 tempat. Pemegang kad boleh mengambil wang tunai di lebih 55,400 ATM dengan 120 mata wang berbeza, manakala lebih 21,000 pusat-pusat perdagangan juga

¹¹⁹ Newman, Peter, Murray Milgate, John (Eds) (1992), *op.cit.*, hlm. 520.

¹²⁰ Kad kredit pada awal dicipta menggunakan bahan dari kertas, bentuknya serupa dengan kad kredit pada masa sekarang, bezanya hanya pada bahan yang digunakan sahaja.

¹²¹ Newman, Peter, Murray Milgate, John (Eds) (1992), *op.cit.*

menerima kad ini.¹²² Ini merupakan perkembangan yang sangat positif terutamanya selepas perang dunia kedua. Perbagai syarikat yang mempunyai kepentingan seperti syarikat minyak, rangkaian hotel dan syarikat menyewa kereta mengeluarkan kad untuk memberi kuasa kepada pemegangnya membuat pinjaman kredit daripada syarikat-syarikat mereka.¹²³

Sepuluh tahun yang lalu, kad kredit dipandang sebagai lambang status. Hanya mereka yang berpendapatan tinggi sahaja yang akan dipertimbangkan untuk mendapatkan kad kredit. Walau bagaimanapun senario itu sudah berbeza. Zaman sekarang, Kad kredit bukan lagi sesuatu yang eksklusif atau simbol kemewahan tetapi ia sudah menjadi keperluan bagi sesiapa sahaja. Masalah yang timbul sekarang adalah berkaitan dengan budaya kad kredit atau wang plastik yang merosakkan cara hidup penggunanya. Kini, kerani, guru, pegawai kerajaan, eksekutif, para profesional, usahawan, malah pemandu teksi dan peniaga pasar runcit juga memiliki kad kredit. Penggunaan kad kredit di Indonesia mulai ramai setelah dikeluarkan Surat Keputusan Menteri Kewangan Nombor 1251/KMK.013/1988 tanggal 20 Disember 1988. Dalam surat keputusan ini perniagaan kad kredit digolongkan ke dalam kumpulan usaha perkhidmatan dalam pembiayaan perbankan. Penerbit kad kredit antarabangsa yang mengembangkan jaringan di Indonesia antara lain ialah; *VisaCard International* dan *MasterCard International*. Untuk merebut peluang dan kesempatan pasaran perbankan Indonesia, penerbit kad kredit antarabangsa ini bekerjasama dengan bank-bank tempatan di Indonesia.¹²⁴ Penggunaan kad kredit sebagai pengganti alat pembayaran yang lebih praktikal semakin diminati, terutamanya oleh golongan menengah ke atas.

¹²² About.com: Credit/ Debt Managemen. <http://credit.about.com/od/creditcardbasics/tp/credit-card-types.htm>. 29 September 2009.

¹²³ J. Woelfel, Charles (1994), *Encyclopedia of Banking and Finance*. Ed, 10, Chicago: Probus Publishing Company, h. 267.

¹²⁴ Johanes Ibrahim (2004), *op.cit.*, h. 13.

Bank Duta dan Citibank adalah bank pelopor pertama yang berperan mengembangkan dan mengenalkan kad plastik kepada masyarakat di Indonesia.¹²⁵

2.2.1.3. Konsep Kad Kredit Secara Am

Secara am, operasi kad kredit adalah melibatkan tiga komponen utama, iaitu: pemegang kad (*card holder*), peniaga (*merchant*) dan pengeluar kad (*issuer*). Pemegang kad adalah sesiapa sahaja yang memenuhi syarat yang harus dipenuhi yang boleh menjadikan mereka sebagai pemegang kad kredit. Oleh kerana itu, pemegang kad akan memperolehi kemudahan-kemudahan dari kad kredit ini, antaranya sebagai pengganti pembayaran tunai dan cek.¹²⁶

Pihak lain yang terlibat dalam operasi kad kredit ialah peniaga atau penjual barangan mahupun perkhidmatann (*merchant*), pihak ini akan terlibat secara langsung dalam transaksi kad kredit. Mereka akan menerima pembayaran atas barang atau perkhidmatan jualan mereka dengan menggunakan kad kredit dari pemegang kad (*card holder*).¹²⁷

Pihak lain yang terlibat ialah pengeluar kad kredit (*issuer*). Pengeluar kad kredit ini terdiri dari mana-mana syarikat, bank ataupun institusi kewangan. Pengeluar kad atau lebih dikenali sebagai pengeluar kad akan memperoleh pendapatan melalui caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan kad kreditnya. Keuntungan pengeluar kad juga diperoleh daripada bayaran bunga atau faedah yang ditetapkan kepada

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ G. Hanson, Derrick (1985), *op.cit.*, h. 169.

¹²⁷ Johanes Ibrahim (2004), *op.cit.* h. 22-23.

pelanggan apabila tidak dapat melunaskan bilnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan pihak pengeluar kad kredit.¹²⁸

Konsep dasar daripada kad kredit iaitu sebagai alat pengenalan peribadi yang digunakan untuk menanggungkan pembayaran atas transaksi jual-beli barang atau perkhidmatan. Di beberapa negara, perusahaan penerbit kad kredit harus patuh terhadap undang-undang yang mengaturnya. Di Inggeris, diatur dalam *consumer credit act 1974*, dimana perusahaan kad harus mengikuti aturan-aturan dalam undang-undang yang telah ditetapkan, di samping ketetapan perbankan dan perjanjian pada amnya. Secara am tujuan perusahaan penerbit kad kredit adalah untuk:

- a. Menerima sebanyak-banyaknya pelanggan yang memiliki kelayakan kredit
- b. Menerima *merchant* yang boleh dipercayai
- c. Mendorong penggunaan maksimum kemudahan *credit line*
- d. Memberikan had dan mengurangkan masalah hutang
- e. Memaksimumkan nilai purata setiap transaksi kad (sehingga mengurangkan jumlah baucar yang nilainya kecil).¹²⁹

2.2.2. Kad Kredit Konvensional

2.2.2.1. Pengenalan

Dalam sejarah dan perkembangan kad kredit, kad kredit konvensional adalah kad yang paling utama dan pertama dibuat bertujuan untuk menawarkan perkhidmatan pengganti wang tunai sebagai medium pertukaran yang lebih praktikal, senang dan aman. Pada pertengahan tahun 1990-an, terhasillah kad kredit dengan prinsip syariah.

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Dahlan Siamat (1999), *Manajemen Lembaga Keuangan*. Jakarta: Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia. h. 353.

Lebih kurang 60 tahun, kad kredit dengan prinsip syariah tertinggal jauh dari kad kredit konvensional.¹³⁰

2.2.2.2. Klasifikasi Kad Kredit

Oleh kerana setiap manusia mempunyai keperluan kewangan yang berbeza, maka terdapat pelbagai klasifikasi kad kredit. Oleh kerana itu, sebelum kita memohon kad kredit, adalah lebih baik untuk kita mengambil tahu pelbagai jenis kad kredit tersebut untuk memastikan kad kredit mana yang sesuai dengan keperluan kita.¹³¹ Antara klasifikasi kad kredit yang ada pada saat ini antaranya ialah:

a. Kad Kredit Standard

Kad kredit standard ini merupakan kad kredit yang paling umum dan membolehkan pemilik kad mendapatkan kemudahan kewangan sehingga had kredit tertentu. Kad kredit digunakan ketika melakukan pembelian dan pembayaran. Kos atau biaya kewangan tambahan selalunya akan ditsertakan pada bill of credit di akhir setiap bulan. Kad kredit standard mempunyai bayaran minimum yang perlu dibayar oleh pemiliknya pada suatu tarikh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan hukuman dikenakan di atas kelewatan melunaskan bil.¹³²

b. Kad Kredit Premium

Kad ini menawarkan insentif dan manfaat yang lebih banyak lagi dari kad kredit standard, misalnya: Kad Kredit Premium, Kad Kredit Gold dan Kad Kredit Platinum. Ia memberikan pelbagai kemudahan untuk dinikmati oleh pelanggan yang berupa jaminan

¹³⁰ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman, (2006), *op.cit.*

¹³¹ Helvi Indrawan, (2008), *Siasat Cerdik Menggunakan Kartu Kredit*. Bale Siasat, Yogyakarta, Indonesia. Hal. 54-55.

¹³² A Pemanduk Paperback, (1992), *op.cit*

Lihat juga LaToya Irby (2010), *Types of Credit Cards*. About.com. Credit/ Debit Management. The New York Times Company. Hal.1. <http://credit.about.com/od/creditcardbasics/tp/credit-card-types.htm>. 13 Januari 2010.

wang kembali, ganjaran mata, dan kemudahan-kemudahan lain. Kad Kredit Premium mempunyai kos yang lebih tinggi.¹³³

c. Kad Caj

Ia merupakan sejenis kad kredit yang mewajibkan pemegangnya membayar bil penggunaannya setiap bulan. Kad caj tidak memiliki batas kredit. Baki pada kad kredit perlu dibayar sepenuhnya pada akhir setiap bulan. Biasanya kad caj tidak mempunyai kos kewangan atau bayaran minimum, kerana baki dan bil yang ada akan dibayar secara penuh. Kelewatan pembayaran akan dikenakan bayaran, caj sekatan, atau pembatalan kad bergantung pada kelulusan kad dan perjanjian dengan pelanggan.¹³⁴

Jadual. 2. Perbezaan Kad Caj dengan Kad Kredit

No.	Kad Caj	Kad Kredit
1.	Tidak ada ketentuan batasan penggunaan dalam melakukan transaksi	Ada ketentuan batasan maksimum kredit kepada setiap pelanggan sesuai dengan macam kad kredit pengguna (<i>Classic, Gold, atau Premium</i>)
2.	Pembayaran penuh atas semua bil sebelum kad digunakan untuk transaksi berikutnya	Pembayaran minimum 10% – 20% atas semua bil dan boleh dijelaskan selambat-lambatnya pada habis masa tempoh penagihan yang ditentukan setiap bulan
3.	Apabila pembayaran tidak dilakukan secara penuh dari tagihan akan dikenakan denda keterlambatan (<i>late charge</i>) sebesar persentase tertentu.	Terlambat melakukan pembayaran (selepas habis masa tempoh) akan dikenakan denda (<i>late charge</i>) sebesar persentase tertentu dari pembayaran minimum atau sejumlah tertentu yang sudah ditentukan oleh bank
4.	Tidak dikenakan tingkat bunga atas setiap pembayaran tagihan	Tingkat bunga dikenakan atas saldo kredit, besarnya sesuai tingkat bunga pasaran

Sumber: Aboubacar Salihou Kante (2006). Diubah suai oleh penulis.

¹³³ *Ibid*

¹³⁴ A Pelanduk Paperback (1992), *op.cit.*, h. 329-331.

Antaranya jenis kad caj ialah: *American Express, Diners Club* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kad caj memiliki ciri yang membezakan ia dengan kad kredit yang lain seperti yang di terangkan dalam jadual 2. Dalam kad caj tidak disyaratkan pemegangnya membuka akaun simpanan di bank penerbit kad atau pihak pengeluar kad, tidak ada ketentuan batasan penggunaan kad caj dalam melakukan transaksi, tetapi pengguna kad caj harus melakukan pembayaran penuh atas semua bil sebelum kad caj tersebut digunakan untuk transaksi berikutnya.¹³⁵

Selain itu, pemegang kad caj diberi had tertentu (*Credit Line and Limit*), lalu ia boleh menikmati seluruh hak hutang piutang (bayaran tangguh) dalam satu jangka masa izin penangguhan jangka pendek yang telah ditentukan, iaitu tempoh antara waktu pembelian dan waktu wajib melangsaikan bil. Biasanya dalam 55-60 hari, ketika itu, pemegang akan dibekalkan dengan penyata bulanan yang tertulis di dalamnya senarai transaksi urus niaga yang telah dilakukan. Jika pemegang lewat melangsaikan kos penggunaannya dari waktu yang ditetapkan, maka pengeluar akan mengenakan hukuman (denda) akibat kelewatan tersebut yang telah ditetapkan di dalam kontrak perjanjian. Mungkin juga akan ditarik balik kad, dibuang dari keahlian dan sebagainya.¹³⁶

d. Kad Kredit Terhad

Kad kredit terhad hanya boleh digunakan pada lokasi tertentu dan dengan barangan tertentu sahaja. Misalnya, kad kredit yang dikeluarkan oleh syarikat petrol,

¹³⁵ Aboubacar Salihou Kante (2006), *Credit Cards From the Islamic Legal Perspective*. Kuala Lumpur: Ilmiah publisher, h. 15.

¹³⁶ Zaharuddin Abd Rahman (2007), *Penggunaan Kad Kredit Menurut Neraca Shariah*. <http://ittutor.net/forums/index.php?showtopic=33880>. 30 September 2009.

kedai runcit dan pusat beli-belah yang lain. Kad kredit ini hanya boleh digunakan di tempat penerbit kad kredit tersebut.¹³⁷

e. Kad Kredit Prabayar

Sementara itu, kad kredit prabayar (*prepaid credit card*) menghendaki pemegang kad kredit untuk menyimpan wang ke dalam akaun kad kreditnya sebelum kad kredit tersebut digunakan. Had kredit tidak akan di tambah sehinggalah pemegang kad menyimpan banyak wang ke dalam akaun kad kreditnya.¹³⁸ Kad prabayar tidak mempunyai kos kewangan atau bayaran minimum kerana ditarik dari *balance* akaun pemegang kad kredit prabayar. Kad kredit prabayar adalah sama dengan kad debit.¹³⁹

f. Kad Kredit Perniagaan

Kad kredit ini direka khusus untuk kegunaan perniagaan. Pengeluar kad kredit memberi pemilik perniagaan suatu kaedah yang mudah dengan pelbagai kemudahan-kemudahan untuk transaksi. Pelanggan kad kredit perniagaan menggunakan kad kreditnya untuk menjaga transaksi perniagaan dan transaksi peribadi berasingan. Ada yang menggunakan kad kredit perniagaan standard dan ada juga yang menggunakan kad caj untuk perniagaan.¹⁴⁰

2.2.2.3. Fungsi Dan Ciri Kad Kredit

Banyak fungsi yang dapat kita perolehi daripada penggunaan kad kredit, antaranya ialah:

¹³⁷ A Pelanduk Paperback (1992), *op.cit.*

¹³⁸ Batasan kredit dari kad kredit prabayar ini mengikut jumlah simpanan yang ada dalam akaun kad kredit tiap-tiap pelanggan. Misalnya, di dalam akaun kad kredit prabayar terdapat RM1,000.00 maka had maksimum kredit pelanggan adalah RM1,000.00. Tidak melebihi *balance* yang ada dalam akaun.

¹³⁹ A Pelanduk Paperback (1992), *op.cit.*

¹⁴⁰ *Ibid.*

a. Pembayaran Secara Kredit

Secara umum kad kredit digunakan untuk pelbagai transaksi pembelian dan transaksi kewangan lainnya yang pembayarannya dilakukan secara kredit, sama ada untuk transaksi yang berupa barang mahupun berupa perkhidmatan. Mekanisme pembayarannya dilakukan setiap bulan untuk setiap transaksi.¹⁴¹

b. Penarikan Wang Tunai

Selain digunakan untuk pembayaran barang ataupun perkhidmatan, pemegang kad kredit juga boleh menggunakan kad kreditnya untuk penarikan wang tunai melalui mesin-mesin ATM dengan batasan tertentu sesuai dengan kemudahan kad kreditnya.¹⁴²

c. *Check Warranty Card*

Sebuah *check warranty card* biasanya dikenal dengan sebutan *letter of credit* yang diberikan pihak bank kepada pelanggannya yang berkelulusan. Ketika pemegang kad membayar nilai pembeliannya dengan cek dan peniaga menulis nombor kad di bahagian belakang cek, cek ditandatangani oleh peniaga, dan peniaga melakukan pengesahan dengan meminta tanda tangan pada cek tersebut dari pemegang kad, maka cek tidak boleh dibatalkan dan bank harus membayarnya. Perlu diketahui bahawa penarikan cek ini hanya berfungsi terhad kepada bank yang mengeluarkan kad sahaja.¹⁴³

Semua kad kredit menawarkan pelbagai ciri. Mengetahui dan memahami ciri-ciri ini akan membantu kita menentukan kad kredit mana yang tepat untuk kita. Antaranya ciri-ciri dari kad kredit ialah:¹⁴⁴

¹⁴¹ Veithzal Rivai, Andria Permata Veithzal and Ferry N. Idroes (2007), *Bank and Financial Institution Management*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 1366.

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ The Free Dictionary. <http://encyclopedia.thefreedictionary.com/check+guarantee+card>. 29 September 2009.

¹⁴⁴ http://www.web-source.net/web_development/credit_card_features.htm. 29 September 2009.

a. Kos atau Biaya

Kebanyakan kad kredit mengenakan biaya untuk berbagai hal, dan ini penting untuk mengetahui apa kos ini dan bagaimana untuk menghindarinya.¹⁴⁵

b. Kos Tahunan

Sebahagian syarikat kad kredit hanya mengenakan kos tahunan sahaja dalam menggunakan kad kredit syarikatnya. Oleh kerana persaingan yang sangat sengit, setiap syarikat pengeluar kad kredit akan saling bersaing dalam mencari pelanggan.¹⁴⁶

c. *Cash Advance Fee*

Sebahagian besar syarikat kad kredit akan meminta anda bayaran untuk wang muka (*cash advance*). Kos ini mungkin berbeza mengikut kad kredit yang dimiliki oleh pemegang kad, tapi biasanya kos ini cukup membebankan. Bukan sahaja mereka (pengeluar kad) akan menuntut pemegang kad satu kali bayaran, tetapi bunga untuk kos ini juga akan berada pada tahap yang lebih tinggi. Seterusnya, tidak seperti pembelian biasa, di mana bunga dikenakan bermula selepas beberapa tenggang waktu berlalu, bayaran bunga akan dibebankan dari hari pertama transaksi.¹⁴⁷

d. Kos-Kos Lain

Kos-kos lain seperti lambat membayar bil (*late payment fees*), melebihi had kredit (*over the credit limit fees*),¹⁴⁸ bayaran pengubah suaian (*set up fees*), dan bayaran pengembalian barang (*return item fees*). Semua ini biasa terjadi dan menghabiskan

¹⁴⁵ Adil Manzoor Bakhsi (2006), *Developing a Financial Model for Islamic Credit Card for the UK*. University of Salford, England, h. 14.

¹⁴⁶ *Ibid.*

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 15.

¹⁴⁸ Had kredit adalah jumlah maksimum yang boleh digunakan pada kad kredit. Ini termasuk pembelian, pemindahan baki, penarikan wang tunai, kos kewangan, dan kos lainnya. Jika melebihi dari had maksimum kredit, pemegang kad akan dikenakan bayaran yang dikenal dengan sebutan *over the credit limit fees*.

jumlah wang yang cukup banyak dari pelanggan jika pelanggan atau pemegang kad kredit tidak dapat mengawal penggunaan kad kreditnya.¹⁴⁹

e. Insentif

Kerana terdapat begitu banyak syarikat pengeluar kad kredit, menjadikan persaingan semakin kuat. Akhirnya, dengan menawarkan insentif kepada pelanggan adalah salah satu cara popular yang dilakukan oleh para syarikat pengeluar kad kredit yang menguntungkan kedua pihak (pengeluar dan pemegang kad). Insentif seperti potongan harga dalam pembelian (*rebates on purchase*), dipanjangkan jaminan dalam pembelian (*extended warranties on purchases*) dan banyak bonus lain yang ditawarkan. Pengeluar kad kredit juga akan menambah insentif yang lain seperti insuran perjalanan untuk keselesaan pelanggannya. Sudah pasti, insentif ini diberikan dengan harapan bahawa dalam setiap berurus niaga, pemegang kad menggunakan kad kredit yang dikeluarkannya.¹⁵⁰

f. Ganjaran

Hanya dengan menggunakan kad kredit, pemegang kad boleh mengumpul mata ganjaran yang pada waktunya akan memberi mereka hadiah. Hadiah ataupun ganjaran yang diberikan adalah bergantung pada jumlah mata yang dapat dikumpulkan oleh pemegang kad kredit. Semakin kerap pemegang kad kredit menggunakan kad kreditnya untuk berurus niaga, semakin banyak pula ganjaran atau mata yang diperolehnya.¹⁵¹

¹⁴⁹ Adil Manzoor Bakhsi (2006), *op.cit*, h. 15.

¹⁵⁰ *Ibid.*


¹⁵¹ <http://credit.about.com/od/creditcardbasics/tp/credit-card-types.htm>. 29 September 2009.

2.2.2.4. Hubungan Kontrak Beberapa Bahagian Dalam Transaksi Kad Kredit

Hubungan kontrak antara beberapa pihak adalah salah satu aspek yang paling penting dalam transaksi kad kredit. Terdapat beberapa jenis transaksi kad kredit yang berhubung kait dengan pihak-pihak yang terlibat dalam urusan niaga mereka, antaranya ialah:¹⁵²

1. Hubungan empat pihak (*Four-Party Credit Card*), yang terdiri daripada pembekal kad antarabangsa, penerbit kad tempatan, pemegang kad dan peniaga.

Rajah 2.1: Hubungan Empat Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit



Sumber: Aboubacar Salihou Kante (2006).


Dalam hubungan empat pihak, penerbit kad tempatan menggunakan perkhidmatan pembekal kad antarabangsa dalam penyediaan infrastruktur kad. Ia adalah untuk memberi kemudahan kepada pemegang kad kredit yang dikeluarkan oleh penerbit

¹⁵² Muhammad ‘Abdul al-Halīm ‘Umar (1997), *Al-Jawānib al-Shar‘iyyah wa al-Maṣrafiyyah wa al-Muḥāsabīyyah Libiṭāqāt al-I’timān*. Egypt: ‘Itrāk, Cairo, h. 27-28.

kad tempatan untuk melakukan transaksi barangan mahupun perkhidmatan dengan skala antarabangsa. Sebelum menjadi pemegang kad kredit, pelanggan akan melakukan permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan kad kredit dan seterusnya akan melakukan perjanjian kredit sekiranya pelanggan telah memenuhi segala syarat-syarat untuk memohon dan dianggap layak untuk mendapatkannya. Setelah pelanggan sah menjadi pemegang kad kredit, bolehlah pemegang kad tersebut menggunakan kadnya untuk transaksi dengan peniaga.¹⁵³

2. Hubungan tiga pihak (*Three-Party Credit Card*), yang terdiri daripada penerbit kad tempatan, pemegang kad dan peniaga.

Rajah 2.2 : Hubungan Tiga Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit



Sumber: Aboubacar Salihou Kante (2006).


Manakala hubungan transaksi kad kredit yang melibatkan tiga pihak, pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi ini sama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam

¹⁵³ Aboubacar Salihou Kante (2006), *Credit Cards From the Islamic Legal Perspective*. Kuala Lumpur: Ilmiah publisher, h. 27.

hubungan empat pihak, bezanya ialah ia tidak melibatkan pembekal kad antarabangsa. Maknanya, kad kredit ini tidak boleh digunakan dalam peringkat antarabangsa, atau terhad untuk kegunaan dalam negara sahaja di mana pengeluaran kad itu berada. Skim transaksinya juga tidak berbeza dengan skim hubungan transaksi kad kredit empat pihak.¹⁵⁴

3. Hubungan dua pihak (*Two-Party Credit Card*), kadang-kadang pihak yang terlibat dalam transaksi ini hanya terhad kepada dua pihak sahaja, misalnya pemegang kad dan peniaga, dalam kes seperti pusat membeli-belah atau pasar raya mengeluarkan kad kredit yang hanya boleh digunakan di kedai mereka.

Rajah 2.3 : Hubungan Dua Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit



Sumber: Aboubacar Salihou Kante (2006).


Sementara dalam hubungan transaksi dengan dua pihak, ianya melibatkan peruncit atau peniaga yang berperanan sebagai pengeluaran kad kredit. Peniaga akan memiliki dua peranan, iaitu sebagai pengeluaran kad kredit dan sebagai penyedia barangan atau perkhidmatan yang di perlukan oleh pelanggan. Biasanya, kad kredit seperti ini

¹⁵⁴ Aboubacar Salihou Kante, (2006). *op.cit.*, h. 28.

hanya boleh digunakan pada lokasi tertentu dan dengan barangan yang tertentu. Misalnya, kad kredit yang hanya boleh digunakan di stesen minyak, kedai barangan runcit, dan pusat membeli-belah.¹⁵⁵

Secara am, transaksi kad kredit yang selalu digunapakai dalam urus niaga boleh digambarkan dengan rajah berikut.¹⁵⁶

Rajah 2.4 : Aliran Transaksi Kad Kredit Secara Am



Sumber: Stan Sienkiewicz (2001).

Rajah diatas merupakan aliran maklumat ketika seorang pelanggan menggunakan kad kredit dalam transaksi, penjelasannya:

1. Kad kredit digunakan oleh pemegang kad di tempat pedagang yang menyediakan perkhidmatan penggunaan kad kredit.

¹⁵⁵ Aboubacar Salihou Kante (2006), *op.cit.*, h. 27.


¹⁵⁶ Stan Sienkiewicz (Ogos 2001), *Credit Cards and Payment Efficiency*. Federal Reserve Bank of Philadelphia. Discussion Papper, h. 5.

2. Jumlah bil daripada transaksi dan data-data pemegang kad akan dihantarkan oleh peniaga kepada bank (*acquirer*) dengan sebuah mesin.
3. Transaksi diteruskan melalui sebuah mesin atau *switch*, kemudahan yang disediakan oleh jaringan kumpulan kad kredit, misalnya MasterCard atau Visa.
4. Jika mesin (*switch*) tidak menerima proses pengesahan transaksi kad kredit pelanggan, proses ini akan berhenti sampai tahap ini. Mesin (*switch*) akan menghantar mesej transaksi kepada peniaga (*merchant*) berjaya atau tidak.
5. Apabila proses pengesahan mesin (*switch*) berjaya, bank peniaga (*acquirer*) memberikan kebenaran kepada peniaga untuk meneruskan transaksi dengan pemegang kad kredit.
6. Peniaga meminta tanda tangan pelanggan pada baucar atau resit transaksi, kemudian peniaga akan membandingkan tanda tangan pada kad kredit dengan tanda tangan yang ada pada baucar atau resit, dan transaksi selesai.
7. Bank pengeluar kad kredit melakukan penagihan sejumlah nilai kredit yang telah dilakukan oleh pelanggannya dari transaksi pembelian mahupun penarikan wang tunai.
8. Pemegang kad kredit melakukan kewajibannya kepada bank dengan melangsaikan bilnya pada tempoh masa yang telah diberikan oleh pihak bank.¹⁵⁷

¹⁵⁷ Stan Sienkiewicz (Ogos 2001), *op.cit.*, h. 5.

Manakala aliran maklumat transaksi kad kredit ketika digunakan pelanggan yang hanya melibatkan hubungan dua pihak sahaja iaitu: ¹⁵⁸

Rajah 2.5 : Aliran Transaksi Kad Kredit Dua Pihak



Sumber: Stan Sienkiewicz (2001). Diubah suai oleh penulis.

Aliran transaksi kad kredit yang melibatkan dua pihak sahaja biasanya hanya digunakan pada lokasi tertentu dan dengan barangan yang tertentu. Misalnya pada stesen minyak, kedai barangan runcit, dan pusat membeli-belah. Penjelasannya iaitu:

1. Kad kredit digunakan oleh pemegang kad (*card holder*) di tempat peruncit atau peniaga pengeluar kad kredit (*issuer* dan *merchants*) yang menyediakan perkhidmatan penggunaan kad kredit.
2. Transaksi diteruskan melalui sebuah mesin atau *switch*, kemudahan yang disediakan oleh peruncit atau peniaga.
3. Mesin (*switch*) akan menghantar mesej transaksi kepada peniaga (*issuer* dan *merchant*) berjaya atau tidak.

¹⁵⁸ Lihat rajah 2.3. Hubungan Dua Pihak Dalam Perjanjian Kad Kredit.

4. Apabila proses pengesahan mesin (*switch*) berjaya, peniaga meneruskan transaksi dengan pemegang kad kredit dengan meminta tanda tangan pelanggan pada baucar atau resit transaksi, kemudian peniaga akan membandingkan tanda tangan pada kad kredit dengan tanda tangan yang ada pada baucar atau resit, dan transaksi selesai.
5. Pemegang kad kredit melakukan kewajibannya kepada peniaga dengan melangsaikan bilnya pada tempoh masa yang telah diberikan oleh pihak peniaga.¹⁵⁹

2.2.2.5. Operasi Kad Kredit

Kad kredit akan dikeluarkan selepas permohonan diluluskan oleh pembekal atau pengeluar kad kredit, selepas itu pemegang kad boleh menggunakannya untuk melakukan pembelian di mana-mana peniaga yang menerima kad itu. Apabila pembelian dilakukan, pemilik kad kredit bersetuju untuk membayar kepada pengeluar kad. Pemegang kad kemudian menandatangani tanda terima dengan catatan butiran kad dan menunjukkan jumlah yang akan dibayar atau dengan memasukkan nombor pengenalan peribadi (PIN). Seterusnya, pengeluar kad kredit akan membayar bil tersebut kepada peniaga. Selain itu, kebanyakan peniaga sekarang menerima transaksi atau kebenaran secara lisan melalui telefon ataupun menggunakan internet, yang dikenali sebagai transaksi tanpa dihadiri oleh pemegang kad atau *Cardholder Not Present (CNP)*.¹⁶⁰

Sistem pengesahan elektronik membolehkan peniaga mengesahkan bahawa kad adalah sah dan pelanggan kad kredit mempunyai kredit yang cukup untuk membayar bil

¹⁵⁹ Stan Sienkiewicz (Ogos 2001), *op.cit.*, h. 5. Diubah suai oleh penulis.

¹⁶⁰ Aboubacar Salihou Kante (2006), *op.cit.*, h. 14.

Lihat Muhammad Ghifari, *Rancangan Protokol Modifikasi Transaksi Belanja Online dengan Kartu Kredit Secara CNP (Card Not Present)*, Studi Teknik Elektro dan Informatika, Program Studi Informatika Institut Teknologi Bandung, h. 1-2,

pembelian dalam masa beberapa detik, sehingga pengesahan berlaku pada saat pembelian. Pengesahan dilakukan dengan menggunakan mesin pembayaran kad kredit atau *Point of Sale* (POS) iaitu sistem komunikasi dengan jaringan ke bank peniaga yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Data dari kad kredit diperoleh daripada magnet atau cip yang ada pada kad kredit.¹⁶¹

Jenis lain sistem pengesahan yang digunakan oleh peniaga (*merchant*) ialah dengan menggunakan *eCommerce*. Untuk memastikan sama ada akaun pengguna kad kredit adalah sah dan boleh menerima pembayaran, kebiasaanya pemegang kad harus memberikan maklumat tambahan, seperti kod keselamatan yang tercetak di bahagian belakang kad, atau alamat pemegang kad.¹⁶²

Setiap bulan, sebuah pernyataan atau bil yang menunjukkan senarai pembelian yang dilakukan dengan menggunakan kad kredit, bayaran yang perlu dijelaskan, dan jumlah keseluruhan hutang kad kredit akan dihantar kepada pengguna kad kredit. Selepas menerima kenyataan, pemegang kad boleh membuat aduan sekiranya di dalam senarai pernyataan hutang tersebut terdapat bayaran atau bil yang dianggap tidak benar. Jika tidak ada kesalahan dalam pernyataan hutang, pemegang kad kredit harus membayar jumlah minimum pembayaran sesuai dengan bil dan tarikh akhir yang telah ditetapkan. Penerbit kad kredit biasanya akan mengenakan bunga atas jumlah hutang sekiranya baki tidak dibayar penuh. Terdapat beberapa institusi kewangan yang memberikan perkhidmatan pembayaran automatik yang akan dipotong daripada akaun

¹⁶¹ Aboubacar Salihou Kante, (2006), *Ibid*.

¹⁶² *Electronic Commerce*, yang dikenali sebagai pemasaran elektronik. *e-commerce* atau *eCommerce*, terdiri daripada pembelian dan penjualan barang atau perkhidmatan melalui sistem elektronik seperti internet dan rangkaian komputer lainnya.

bank pengguna kad kredit, dengan demikian boleh mengelakkan kelewatan pembayaran selagimana pemegang kad mempunyai dana yang cukup dalam akaunnya.¹⁶³

2.2.3. Kad Kredit Islam

2.2.3.1. Pengenalan

Wujudnya kad kredit yang berasaskan prinsip-prinsip syariah Islam memang masih baru lagi jika dibandingkan dengan penciptaan kad kredit konvensional. Daya saing yang kuat datang dari pelbagai pihak berkenaan dengan penciptaan kad kredit Islam ini, sama ada yang menyokong mahupun mereka yang berusaha untuk menenggelamkan perkembangan kad kredit Islam ini, terutamanya dari para pelaku ekonomi konvensional. Penciptaan kad kredit Islam telah membuktikan bahawa sistem kewangan Islam mampu bersaing dengan sistem kewangan konvensional. Tujuan penciptaan kad kredit secara Islam ini tidak lain adalah untuk menjadi kad alternatif agar dapat menghindari aktiviti-aktiviti ribā terutamanya dalam urusan perbankan dan perniagaan.¹⁶⁴

Walaupun pada pelaksanaannya masih ada persamaan dengan kad kredit konvensional, namun kad kredit Islam ini terdapat ciri-ciri khusus yang membezakannya dengan kad kredit konvensional. Di Malaysia, pengeluar kad kredit syariah pertama kali dilakukan oleh AmBank pada Disember 2001. Bank ini melancarkan *Al Taslif Credit Card* menggunakan akad *Bai' Al-Īnah*. Dan pada Julai 2002, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) juga menerbitkan kad kredit syariah yang diaku sebagai kad kredit murni syariah pertama. Produk BIMB ini menggunakan tiga

¹⁶³ Aboubacar Salihou Kante (2006), *op.cit*, h. 14.

¹⁶⁴ *Ibid.*

akad berbeza, iaitu: *bay al-‘īnah*, *wadi‘ah* (simpanan), dan *qarḍ al-ḥasan* (pinjaman kebajikan).¹⁶⁵

Di Indonesia, penerbitan kad kredit syariah pertama oleh Bank Danamon Syariah, berdasarkan fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN MUI). Berdasarkan fatwa tersebut, bank atau institusi kewangan dibolehkan untuk menerbitkan kad kredit syariah dengan menggunakan tiga akad berbeza. Akad tersebut ialah: *kafālah*, *qarḍ al-ḥasan*, dan *ijārah*.¹⁶⁶

2.2.3.2. Konsep Kad Kredit Islam Secara Am

Dalam perbincangan sebelumnya, penulis telah memberikan huraian mengenai konsep kad kredit secara am, dari huraian tersebut telah, ianya merangkumi pelaksanaan kad kredit konvensional dan juga kad kredit Islam. Tujuan penciptaan kad kredit, sama ada secara konvensional mahupun secara Islam adalah untuk memberikan kemudahan urus niaga tanpa menggunakan wang tunai dan juga membolehkan pemegang kad (*card holder*) melakukan pembelian barangan atau perkhidmatan walaupun tidak mempunyai wang.

Oleh kerana itu, kad kredit Islam boleh didefinisikan dengan definisi yang sama daripada kad kredit konvensional iaitu sejenis kad yang diperbuat dari plastik yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan lainnya yang tertera pada kad tersebut nama pemegang, nombor akaun, dan nama syarikat pengeluar kad yang memungkinkan pemegang kad ini memperoleh kredit atas transaksi yang dilakukannya dalam membeli segala keperluannya sama ada barang-barang atau perkhidmatan tertentu secara hutang.

¹⁶⁵ *Ibid.* hal.74-75.

¹⁶⁶ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007, Jakarta, h. 2.

Bezanya, penciptaan dan pelaksanaan kad kredit Islam berlandaskan prinsip-prinsip syariah Islam yang mengelakkan penggunaanya daripada terlibat dalam hal-hal yang mempunyai unsur riba.

Dalam konsep perjanjian dan pembayaran, pihak-pihak yang terlibat dalam kad kredit Islam juga menggunakan skim yang sama dengan kad kredit konvensional. Dalam kad kredit Islam terdapat perjanjian yang melibatkan empat pihak, tiga pihak, dan dua pihak. Dalam kad kredit Islam juga terdapat penerbit kad (*issuer*), pemegang kad (*card holder*), dan peniaga (*merchant*). Walaupun urusan pelaksanaan kad kredit ini sama, namun penciptaan dan pelaksanaan kad kredit Islam berlandaskan pada prinsip syariah Islam dan terbebas daripada unsur riba yang diharamkan agama Islam.¹⁶⁷

2.2.3.3. Ciri-Ciri Kad Kredit Islam

Tentu saja, kad kredit syariah bebas dari penggunaan istilah bunga. Merujuk kepada fatwa DSN-MUI nombor 54/DSN-MUI/X/2006 tentang kad kredit syariah, ada beberapa bayaran yang dikenakan oleh pihak penerbit kad (*muṣḍīr al-biṭāqah*) kepada pemegang kad (*hāmil al-biṭāqah*). Penerbit kad berhak menerima bayaran keahlian (*membership fee* atau *rusūm al-'uḍwiyah*) termasuk bayaran memanjangkan tempoh keahlian pemegang kad sebagai imbalan (*ujrah*) penggunaan kemudahan kad kredit. Dalam hal bayaran peniaga (*merchant fee*), penerbit kad boleh menerima bayaran yang diambil daripada harga objek transaksi atau perkhidmatan sebagai upah (*ujrah*) atas perantara (*samsārah*), pemasaran (*taswīq*) dan penagihan hutang (*taḥṣīl al-dayn*). Bayaran terhadap penarikan wang tunai (*rusūm ṣāhib al-nuqūd*) sebagai bayaran atas penggunaan kemudahan, tetapi besar jumlahnya bayaran tidak dikira dari jumlah penarikan wang. Selain itu penerbit kad boleh menerima bayaran dari

¹⁶⁷ Aboubacar Salihou Kante (2006), *op.cit.*, h. 27-28.

pemegang kad atas pemberian *kafālah*. Semua bentuk bayaran ditetapkan pada saat akad aplikasi kad kredit secara jelas dan tetap, kecuali untuk bayaran kepada peniaga (*merchant*).¹⁶⁸

Untuk mengurangkan budaya kepenggunaan (konsumerisme)¹⁶⁹ pemakaian kad kredit syariah, maka diberikan ketentuan bahawa bank hanya mengeluarkan kad kredit bagi pelanggan yang memiliki akaun simpanan di bank yang berkaitan, sebagai dana cadangan (*safe deposit*) minimum dana cadangan sejumlah sepuluh peratus dari had maksimum dana kredit pelanggan kad kredit syariah.¹⁷⁰

2.3. Pandangan Islam Terhadap Penggunaan Kad Kredit

2.3.1. Kad Kredit Konvensional

Kad kredit konvensional ini dikeluarkan oleh beberapa bank konvensional atau juga oleh institusi kewangan konvensional yang lain. Setiap bank konvensional memiliki syarat-syarat tertentu bagi seseorang yang ingin memohon dan memiliki kad kredit. Umumnya kad kredit dimiliki oleh orang yang memiliki pendapatan besar iaitu masyarakat golongan menengah ke atas. Pelaksanaan dan penggunaan kad kredit konvensional tidak bebas daripada bunga. Walaupun tujuan utama kad kredit dicipta adalah untuk memudahkan pelanggan dalam urusan niaga, kerana tidak perlu membawa wang tunai, tetapi dengan adanya bunga pelanggan akan merasa terbeban bahkan akan merasa tidak tenang dan terjerumus ke dalam dosa yang besar. Bank akan menetapkan bunga dalam angka tertentu dimana pemegang kad kredit harus membayar bunga

¹⁶⁸ Dewan Syariah Nasional - Majelis Ulama Indonesia (2006), *Fatwa Dewan Syariah Nasional No. 54/DSN-MUI/X/2006.*, Bab. Ketentuan Umum, hal. 1.

¹⁶⁹ Penggunaan kad kredit yang berlebihan, tidak sesuai dengan keperluan dan digolongkan kepada budaya membazir.

¹⁷⁰ Dewan Syariah Nasional - Majelis Ulama Indonesia (2006), *Op.cit.*

tersebut sebagai imbalan kepada perkhidmatan kad kredit yang diberikan bank kepada pelanggannya.¹⁷¹

Dalam pandangan Islam, kad kredit konvensional ini jelas haram hukumnya. Bukan sahaja kerana kad kredit menjadikan seseorang sangat boros dalam pembelian barangan ataupun perkhidmatan, tetapi juga kerana ia mengandungi unsur *riba nasi'ah*,¹⁷² kerana terdapat wang tambahan pada kad kredit yang sudah ditentukan di awal transaksi, yang diambil oleh pihak pemberi pinjaman (*card issuer*) dari orang yang menerima pinjaman (*card holder*) sebagai imbalan dari pembayarannya tertunda. Selain itu, pihak pengeluar kad kredit juga menentukan lebih atau tambahan dari modal kredit yang berlipat-lipat kepada pelanggannya bilamana pelanggan terlambat melangsaikan hutang dari tempoh masa yang telah ditetapkan. Lebih modal yang berlipat-lipat ini termasuk pada *riba nasi'ah* yang diharamkan oleh Al-Qur'an.¹⁷³

Riba Nasi'ah adalah kelebihan dari modal asal yang diberikan oleh orang yang berhutang kepada pemilik modal pada tempoh masa perjanjian yang telah habis. Apabila tempoh masa tersebut telah habis dan orang yang berhutang tidak mampu membayar hutang beserta kelebihannya, maka waktunya dapat diperpanjang dan jumlah hutang semakin bertambah. Dalam jual beli barter, sama ada yang sejenis mahupun tidak sejenis boleh terjadi, iaitu dengan jalan jual beli barangan sejenis dengan melibahkan jumlah atau kadar salah satu barangannya dengan pembayaran yang ditunda. Contohnya dalam barter barangan sejenis, membeli 1 Kg gula dengan 2 Kg gula yang akan dibayarkan pada 1 bulan yang hadapan. Ataupun barter dalam barangan tidak

¹⁷¹ Joseph T. Plummer, (April 1971), *Life Style Patterns and Commercial Bank Credit Card Usage*, The Journal of Marketing, American Marketing Association. Vol. 35. No. 2. Hal.35.

¹⁷² Nasrun Haroen *et.al.* (2006), *Ensiklopedi Hukum Islam*, cet. 7. Jakarta: PT. Ichtiar Baru van Hoeve, h. 1498.

¹⁷³ Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *Bunga Bank Haram? Menyikapi Fatwa MUI, Menuntaskan Kegamangan Umat*. Jakarta: Darul Haq, h. 91.

sejenis, membeli 1 Kg beras dengan 2 Kg gula yang akan dibayarkan 2 bulan di hadapan. Kelebihan barang yang sejenis ataupun tidak sejenis ini dan disertai dengan penundaan masa pembayaran kepada waktu tertentu termasuk *riba nasi'ah*.¹⁷⁴

Berikut adalah dalil-dalil yang menjadi sandaran para ulama dalam mengharamkan penggunaan kad kredit konvensional:

a. Al Qur'an

Dalam Al-Qur'an diterangkan perkara larangan riba:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا الرِّبٰوَ اَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٣٠﴾

Surah Ali Imrān (3) 130

Yang maksudnya: “Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu Berjaya”.

Demikian pula dalam ayat lainnya pada surat Al-Baqārah dijelaskan bahawa Allah SWT menghalalkan jual beli, yang bunyinya:

وَأَحَلَّ اللّٰهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبٰوَ ۗ... ﴿٢٧٥﴾

Surah Al-Baqārah (2) 275

Ertinya: “dan Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”.

¹⁷⁴ Nasrun Haroen *et.al.* (2006), *op.cit.*, h. 1498.

Pada ayat lainnya dari surah Al-Baqārah diterangkan perintah Allah SWT untuk meninggalkan riba:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَئِمَّ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Surah Al-Baqārah (2) 278-279

Yang membawa maksud: “Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

Dalam surat Al-Baqarah juga melalui ayat 276 turut menerangkan bahawa sedekah akan ditumbuhkan dan riba akan dimusnahkan oleh Allah SWT.

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُزِيلُ الصَّدَقَاتِ ... ﴿٢٧٦﴾

Surah Al-Baqārah (2) 276

“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta Yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya”.

Selain itu, dalam surat Al-Isra ayat 27, menerangkan bahawa sikap boros atau tidak berjimat dalam berbelanja itu adalah termasuk saudara syaitan.

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ... ﴿٢٧﴾

Surah Al-Isra (17) 27

Yang maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan...*”.

b. Hadīth Nabi

Hadīth yang diriwayatkan oleh Imam Muslim memberikan penjelasan bahawa Rasulullah SAW sangat membenci orang-orang yang terlibat dalam amalan riba. Dari Jabir Ibn Abdillah bahawa ia menceritakan:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلِ الرِّبَا وَمُؤْكَلَهُ

وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ؟ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

“*Dari Jabir r.a bahawa Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, orang yang memberi makan dengan riba, penulisnya serta kedua saksinya, beliau berkata, ‘Semuanya sama sahaja’*”.¹⁷⁵

¹⁷⁵ Mūsa Syāhīn Lā Syīn (1429), *Fath al-Mun‘im Syarh Ṣaḥīḥ Muslim*, no hadīth 3603, j. 6. Dār al-Syurūq, h. 316.

Menurut Tafsir Ibnu Katsir, beliau menjelaskan bahawa walaupun riba terjadi dengan akad yang sah dan masing-masing rela atau ridha beserta saksi dan penulisnya, oleh kerana niatnya adalah riba maka ia tetap haram dan akad tersebut dianggap batal.¹⁷⁶

Manakala menurut Ibn Qayyim dalam kitab “*I’lām al-Muwāqī’in*” yang dimaksud hadīth diatas adalah *riba nasi’ah*. *Riba nasi’ah* ialah riba yang dilakukan kaum jahiliah pada masa jahiliah. Mereka melewati pembayaran hutang dari waktu yang sebenarnya dengan menambah bayaran dari jumlah asal hutang. Apabila terlambat lagi, maka akan ditambah lagi sehingga hutangnya menjadi semakin banyak.¹⁷⁷

Seterusnya, hadīth dari Abu Hurairah r.a. dari Rasulullah SAW, beliau bersabda, untuk menjauhi tujuh perkara yang mendatangkan kehancuran.

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَبَقَاتِ. قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا هِيَ؟ قَالَ: الشُّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ
الْمُحْصَنَاتِ الْعَافِيَّاتِ الْمُؤْمِنَاتِ.

Maksudnya: “*Jauhilah tujuh perkara mubiqat (yang mendatangkan kebinasaan)*”. Para Sahabat bertanya, “*Apakah ketujuh perkara itu, wahai Rasulullah?*” Rasulullah SAW menjawab, “*Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang dibenarkan syari’at, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari medan pertempuran, melontarkan tuduhan zina terhadap wanita-wanita baik-baik yang lengah lagi beriman*”.¹⁷⁸

¹⁷⁶ Isma’il bin ‘Umar bin Katsir al-Qorosy Abu al-Fidā ‘imād al-Dīn, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Adzīm (tafsīr ibnu katsīr)*, Muassasah Qurtubah, Maktabah Aulād asy-Syaikh li at-Turāth, al-Bayān, j. 1, h. 544.

¹⁷⁷ Ibn Qayyim (1996), *I’lām al-Muwāqī’in ‘an Rabb al-‘ālamīn*, jilid 4. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 821.

¹⁷⁸ Ibn Hajar al-‘Asqālani, *Fath al-Bārī Syarh ṣāhih al-Bukhārī*, no. 2766. Maktab imām asy Syāfi’i.

Hadīth lainnya yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitab sahihnya bahawa Rasulullah SAW melarang menerima wang dari hasil transaksi darah, anjing dan kasab budak perempuan. Baginda juga melaknat para pembuat gambar:

عَنْ عَوْنِ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ قَالَ رَأَيْتُ أَبِي إِشْتَرَى عَبْدًا حَجَّامًا فَأَمَرَ بِمَحَاجِمِهِ فُكِّسِرَتْ
فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ تَمَنِ الْكَلْبِ وَتَمَنِ الدَّمِ وَنَهَى عَنِ الْوَأَشْمَةِ
وَالْمَوْشُومَةِ وَآكِلِ الرِّبَا وَمُؤَكِّلِهِ وَلَعَنَ الْمُصَوِّرَ.

Maksudnya: *Diriwayatkan oleh Aun bin Abi Juhaifa, ayahku membeli seorang budak yang pekerjaannya membekam (mengeluarkan darah kotor dari kepala). Ayahku kemudainnya memusnahkan peralatan bekam si budak tersebut. Aku bertanya kepadanya, mengapa ayah melakukannya. Ayaku menjawab, bahawa Rasulullah SAW melarang untuk menerima wang dari transaksi darah, anjing dan juga melarang para pembuat gambar, pemakan riba, orang yang memberi makan dengan riba, dan melaknat pembuat gambar.*¹⁷⁹

c. Fatwa Para Ulama

Diantara para ulama yang memberikan fatwa adalah ulama-ulama Indonesia yang bersatu dalam kumpulan Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwanya No. 1 tahun 2004 tanggal 16 Disember 2003 yang menyatakan bunga bank merupakan bahagian dari *riba nasi'ah* dan mengharamkan umat Islam untuk melakukan kegiatan transaksi dengan bank konvensional kecuali dalam keadaan darurat dan terpaksa.¹⁸⁰

¹⁷⁹ Lisyaykh al-Imām al-‘Alāmah Badru al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd Ibn Ahmad al-‘Aini (1607), *‘Umdat al-Qārī Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukharī. “Bāb Mūkīl al-Ribā”*, no hadīth 38, j. 6/ 11. Beirut: Dār al-Fikr, h. 202.

¹⁸⁰ Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *op.cit.*

Keputusan lainnya ialah dari Institusi Pengkajian Fiqh yang bersatu dalam kumpulan Organisasi Muktamar Islam. Pada muktamarnya yang kedua di Jeddah tahun 1985 telah menyatakan bahawa keuntungan dan bunga dari hutang yang telah habis tempoh masa pembayaran adalah termasuk dalam bentuk riba yang diharamkan oleh syariat Islam.¹⁸¹

Manakala ulama-ulama yang bersatu dalam kumpulan *Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī* pada muktamar yang kesembilan di Makkah menyatakan bahawa riba termasuk salah satu dari tujuh hal yang merusak dan membinasakan. Selain itu, pada Muktamar Institusi Pengkajian Islam yang diadakan di Kairo tahun 1385 H, yang dihadiri oleh 35 negara-negara Islam memutuskan bahawa semua bentuk bunga pinjaman adalah riba yang diharamkan.¹⁸²

Berdasarkan fakta yang ada dan sumber-sumber dalil yang diterangkan di atas, dapatlah penulis disimpulkan bahawa hukum penggunaan kad kredit konvensional adalah haram. Melihat kepada besarnya dosa orang yang mengamalkan riba dan kerugian yang disebabkan oleh riba, penulis berharap agar setiap orang menghindarkan diri daripada menjalankan transaksi dengan menggunakan kad kredit konvensional.

2.3.2. Kad Kredit Islam

Agama Islam adalah agama yang benar sehingga ke akhir zaman, ia sesuai dengan akal fikiran manusia dari pelbagai zaman, ia datang sebagai rahmat kepada sekalian alam, yang membawa manusia dari zaman kegelapan kepada zaman moden dengan cahaya ilmu pengetahuan, agama yang memberi petunjuk kepada manusia ke arah kebaikan dalam apa pun jua perkara. Islam bukanlah bertujuan memudaratkan

¹⁸¹ *Ibid*, h. 33.

¹⁸² *Ibid*, h. 34-38.

pengikutnya, walhal Allah menginginkan agar hambanya selalu dalam kesenangan dan kebahagiaan. Maka dalam hal ini, terdapat beberapa pandangan berkaitan dengan penggunaan kad kredit.¹⁸³

Jika membahas persoalan kad kredit, kita tidak akan lepas dari urusan jual beli kredit. Dalam bahasa Arab jual beli kredit disebut *bay bit taqsīt*, di mana pengertiannya menurut istilah syariah ialah menjual sesuatu dengan pembayaran yang diansur dengan ansuran tertentu, pada waktu tertentu, dan lebih mahal daripada pembayaran tunai.¹⁸⁴

Jumhur ulama membolehkan urusan jual beli kredit (*bay bit taqsīt*) tanpa bunga, diantaranya adalah Imam Al-Khaṭābi,¹⁸⁵ Syaikhul Islam Ibn Taimiyah,¹⁸⁶ Imam Syaukani,¹⁸⁷ Ibn Qudamah.¹⁸⁸

Selain itu, fatwa muktamar pertama *al-Maṣraf al-Islāmī* di Dubai yang telah dihadiri oleh 59 orang ulama antarabangsa, fatwa Direktorat Jenderal Riset, Dakwah dan Ifta' serta Komisi Fatwa Kementerian Waqaf dan Urusan Agama Islam Kuwait semuanya bersepakat bahwa tidak ada larangan bagi penjual menentukan harga secara kredit lebih tinggi daripada ketentuan harga tunai. Penjual boleh mengambil keuntungan dari penjualan secara kredit dengan ketentuan dan perhitungan yang jelas.¹⁸⁹

¹⁸³ al-Imām al-Ḥaḍor Husain, (1971), *al-Syari'ah al-Islāmiyyah ṣālihah likulli zaman wa makān*, 'udwu al-Majma' al-Lughawi fi al-Qāhirah wa al-Majma' al-ilmi al-'arabi fi Dimasqa.

¹⁸⁴ ad-Duktūr rūhi al-Ba'albaki, (1995), *al-Mawrid qāmūs arabi – inkilizi*, dār al-'ilmi li al-Malayīn, Bairut, Lubnān, h. 345.

¹⁸⁵ Li al-'alāmah al-Muhaqiq asy-Syaikh Muhammad al-Amīr al-Kabīr ṣāhib al-Majmu' wa ghairuhu fi fiqh al-Mālikiyah (t.t), *al-Aklīl syarh mukhtaṣar khalīl*, Maktabah al-Qāhirah, Jilid 4, h. 375.

¹⁸⁶ Syaikh al-Islām taqi al-Dīn Ahmad bin Taimiyah al-Jarabi (t.t), *Majmu'ah al-Fatāwa*, Dār al-Wafā, jilid 29, h. 498-500.

¹⁸⁷ Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syaukānī (t.t), *Nail al-Awṭār Syarh Muntaqa al-Akhyār*, Bait al-Afkār, jilid 5, h. 249-250.

¹⁸⁸ Sa'id 'Abd al-Qādir Bāsyinfir (t.t), *al-Mughni fi Fiqh al-Haj wa al-'Umrah*, jilid 4, h. 259

¹⁸⁹ Majalah asy-Syari'ah Kuwait, (Rajab 1414), h. 264, Majalah al-Iqtisād al-Islami, 1/3 th 1402, h. 35, Majalah al-Buhūth al-Islamiyah, no. 6. Rabi' Tsani, 1403H, h. 270

Berhubung dengan isu kad kredit, pada hakikatnya ia digunakan bagi mempermudah proses jual-beli yang tidak bergantung kepada pembayaran tunai dengan membawa wang tunai yang sangat berisiko. Hukumnya menurut fiqah semasa adalah sebagai objek atau media perkhidmatan *kafālah* (jaminan). Perusahaan perbankan dalam hal ini mengeluarkan kad kredit (bukti *kafālah*) sebagai penjamin (*kāfil*) bagi pengguna kad kredit tersebut dalam transaksi jual beli. Dengan mengutamakan dalil daripada al-Qur’ān, al-Hadīth dan Ijma’ antaranya, para ulama membolehkan sistem dan amalan *kafālah* dalam *mu’amalah*. Disamping itu ketentuan wang perkhidmatan *kafālah* tidak boleh terlalu mahal sehingga memberatkan pihak yang berhutang atau terlalu besar jumlahnya melebihi batas rasional. Agar tujuan asal *kafālah* itu terpelihara, iaitu perkhidmatan memberikan pertolongan berupa jaminan hutang kepada peniaga yang menerima pembayaran dengan kad kredit tertentu.¹⁹⁰

Allah swt berfirman:

وَلَمَن جَاءَ بِهِ حَمْلٌ بَعِيرٌ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

Surah Yusuf (12) 72

“Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan Akulah yang menjamin pemberian itu”.

Ibn Abbas mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan kata “*za’īm*” dalam ayat tersebut adalah “*kāfil*”. Sabda Nabi saw.: “*al-za’īm ghārim*” bermaksud; orang yang menjamin bererti berhutang (sebab jaminan tersebut).¹⁹¹

¹⁹⁰ Lihat Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, vol. V/130-161.

¹⁹¹ Abī Dēwud Sulaimān Ibn al-Asy‘ab al-Sijistānī, *Sunan Abū Dawud*, Kitāb al-Buyū‘, bāb fī al-Tasydīd al-Dayn, no. hadith. 3343. Su‘ūdī: Bayt al-Afkār al-Dauliyah, h. 375.

Dalam kesepakatan para Ulama (*ijma'*) tentang bolehnya amalan *kafālah* kerana ianya lazim diperlukan dalam *muamalah*. *Kafālah* pada dasarnya adalah akad *tabarru'* (suka rela/ *voluntary*) yang merupakan ibadah bagi penjamin kerana termasuk kerjasama dalam kebajikan (*ta'āwun 'alā al-birri*), dan penjamin berhak meminta gantinya kembali kepada yang diberi pinjaman, sepatutnya ia tidak meminta upah atas bantuannya berupa perkhidmatan tersebut, agar selamat dan terhindar daripada ketidakjelasan sesuatu perkara (*syubhat*). Tetapi sekiranya orang yang berhutang itu sendiri memberinya sebagai hadiah atau hibah untuk mengungkapkan rasa terima kasihnya, maka hukumnya boleh dan itu dibolehkan. Namun, jika penjamin sendiri yang mensyaratkan imbalan perkhidmatan (semacam wang pengurusan kad kredit dan sebagainya) dan tidak berniat menjamin secara sukarela, maka dibolehkan juga bagi pengguna perkhidmatan jaminan memenuhi tuntutan tersebut apabila diperlukan seperti keperluan yang lazim dalam transaksi perniagaan, kegiatan sosial, urusan peribadi dan sebagainya.¹⁹²

Secara prinsip, kad kredit tersebut dibolehkan syariah selama mana pelaksanaannya tidak bertransaksi dengan sistem riba iaitu menggunakan sistem bunga apabila hutang yang harus dilunaskan kepada penjamin melebihi tempoh masa pembayaran atau masih ada baki hutang yang belum diselesaikan. Selain itu, ketentuan wang perkhidmatan daripada skim *kafālah* tadi tidak boleh terlalu mahal sehingga memberatkan pihak yang berhutang atau terlalu besar jumlahnya melebihi batas rasional, agar tujuan asal dari *kafālah* itu terpelihara, iaitu perkhidmatan pertolongan berupa jaminan hutang kepada peniaga, penjual barang atau perkhidmatan yang menerima pembayaran dengan kad kredit tertentu.¹⁹³

¹⁹² Ḥāfidz al-Imām Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Subul al-Salām*, j. 3. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyri wa al-Tauzi’, h. 77.

¹⁹³ Lihat Wahbah az-Zuhaili. *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuhu*. Vol. V/130-161.

Oleh hal yang demikian, dibolehkan bagi umat Islam untuk menggunakan perkhidmatan kad kredit (*credit card*) yang tidak melibatkan sistem bunga atau riba. Namun apabila terpaksa atau tuntutan keperluan mengharuskan menggunakan kad kredit biasa (konvensional) yang menggunakan sistem bunga ini, maka demi kemudahan transaksi dibolehkan memakai semua kad kredit dengan penuh keyakinan menurut keadaan kewangan dan ekonominya, dia mampu membayar hutang dan memberi sepenuh komitmen untuk melunaskan hutang tepat pada waktunya sebelum tamat masa yang ditetapkan. Hal ini berdasarkan prinsip fiqh “*Sadd al-darī’ah*”,¹⁹⁴ ertinya sikap dan tindakan pencegahan, untuk mencegah dari perbuatan dosa. Sebab, hukum pemakan dan pemberi wang riba adalah sama-sama haram. Berdasarkan riwayat Ibnu Mas’ud: “Rasulullah SAW melaknat pemakan harta riba, pembayar riba, saksi transaksi riba dan penulisnya”.¹⁹⁵

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ أَكِلَ الرِّبَا وَمُؤَكِّلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ، وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

“Rasulullah melaknat pemakan riba, orang yang memberi makan dengan riba, penulisnya serta kedua saksinya, beliau berkata, ‘Semuanya sama sahaja’”.¹⁹⁶

Ada satu kaedah dalam usūl fiqh:

الأصل في الأشياء الإباحة إلا ما دلَّ الدليل على تحريمها

*“Asal daripada sesuatu perkara itu adalah harus, kecuali sampai ada dalil yang mengharamkannya”*¹⁹⁷

¹⁹⁴ Qismu al-Manāhij al-Islāmy (2009), *Uṣūl al-Fiqh*, j. 2. Gontor: Ma’had Dār as-Salām, h. 19.

¹⁹⁵ Al-Imām Abī al-Husain Muslim Ibn al-Hajjāj al-Qusairī al-Naisabūrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3. Kitāb al-Masāqāh, bāb La’ana Ākilu al-Ribā wa Mu’akiluhu. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 1598.

¹⁹⁶ *Ibid.*

¹⁹⁷ Qismu al-Manāhij al-Islāmy (2006), *Mukhtaṣar Uṣūl al-Fiqh wa Qawā’id al-Fiqhiyah*, Gontor: Ma’had dār as-Salām, h. 65.

Islam berpegang pada kaedah usūl fiqh ini, termasuk dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan *mu'āmalah* terutamanya dalam perkara jual beli. Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Dari dalil-dalil yang telah dibahas diatas, sama ada dalil yang berasal dari al-Qur'ān, Hadīth mahupun Ijma' adalah suatu penjelasan berkaitan dengan perkara yang boleh dan perkara yang dilarang dalam penggunaan dan manfaat perkhidmatan kad kredit yang diberikan oleh bank ataupun institusi kewangan yang lain.

Penulis hanya dapat menyampaikan dan memberitahu kita bahawa, kad kredit yang ada pada masa sekarang, seakan-akan tidak bebas daripada amalan riba dan sekarang ini riba telah menyebar di tengah-tengah masyarakat. Seinggakan orang yang tidak mengamalkannya turut terkena tempiasnya.¹⁹⁸ Sekiranya kita memiliki wang tunai, lebih baik jika kita tidak berhutang, gunakanlah wang tersebut, agar kita terhindar dari amalan-amalan yang boleh mendekatkan kita kepada riba.

2.4. Positif dan Negatif Kad Kredit

Segi positif dan negatif penggunaan kad kredit bergantung kepada pengguna kad tersebut. Pemegang kad kredit hendaklah mengatur dan merancang perbelanjaannya. Sekiranya penggunaan kad kredit ini tidak diatur dan diteliti sebaiknya, maka berkemungkinan besar ia mendorong kita untuk berhutang dan tiada kemampuan untuk membayar. Penggunaan kad kredit secara bijak membolehkan seseorang mengatur aliran kewangannya, antara wang masuk dan wang keluar terdapat keseimbangan, dan

¹⁹⁸ Syaikh Salim bin 'Ied al-Hilali (2006), *Al-Manāhi al-Syar'iyyah fī al-Shahīhi al-Sunnah al-Nabawiyyah*, atau *Ensiklopedi Larangan menurut Al-Qur'an dan As-Sunnah*. Abu Ihsan al-Atsari. Pustaka Imam Syafi'i, h. 285-290.

adalah lebih baik lagi jika jumlah wang yang masuk lebih banyak daripada jumlah wang yang keluar.¹⁹⁹

Memang tidak dapat disangkal, penggunaan kad kredit membawa kebaikan kepada pengguna, umpamanya tidak perlu membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak untuk melakukan urusan niaga, ketika membeli-belah, ataupun ketika melancong. Pengguna kad kredit dapat menikmati layanan atau perkhidmatan daripada hotel, restoran, kelab golf dan lain-lain dengan lebih baik.²⁰⁰

Dengan begitu, pemegang kad kredit tidak perlu bimbang sekiranya kekurangan wang tunai, kerana kad kredit boleh membantu mereka membeli barangan yang diinginkan tanpa perlu menghabiskan masa beratur di bank untuk mengeluarkan wang tunai. Kad kredit juga menawarkan keselamatan tambahan seperti perlindungan insurans perjalanan apabila melakukan pembelian tiket kapal terbang dengan menggunakan kad kredit berkenaan. Pembelian barang dengan menggunakan kad kredit juga memberikan perlindungan daripada kerugian harta benda jika barangan yang dibeli mengalami kerosakan atau hilang.²⁰¹

Namun begitu, salah satu dari segi negatif kad kredit kepada penggunanya, adalah; pengguna kad kredit cenderung membeli barangan secara tidak terancang dan berlebihan, berbelanja sewenang-wenangnya, sehingga menyebabkan diri terikat dengan hutang bayaran bulanan kad kredit. Kad kredit menggalakan pemegang kad kredit untuk berbelanja, cukup sekadar menunjukkan kad kredit kemudian menurunkan tanda tangan,

¹⁹⁹ Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman (2006), *op.cit.*,

²⁰⁰ Farazilla, (15 Februari 2007), *Kad Kredit, perlu @ tidak?*. Majalah Remaja. Bil. 492. Hal.90.

²⁰¹ *Ibid.*

seseorang sudah boleh memperoleh sesuatu barangan, dan hal ini akan menjadi amalan biasa tanpa disedari oleh pengguna kad kredit.²⁰²

Selain itu, pengguna kad kredit akan terperangkap dalam pembayaran bunga atau faedah yang cukup tinggi. Beberapa syarikat pengeluar kad kredit mengenakan faedah sebanyak lima belas peratus, ada juga yang mengenakan faedah lebih tinggi dari itu. Jika setiap bulan pemegang kad kredit terus menerus mempunyai lebih hutang kredit, maka akhirnya nanti dia akan membayar hutang berkenaan lebih lama daripada sepatutnya.²⁰³

Segi negatif lain yang disebabkan oleh penggunaan kad kredit ialah pemalsuan kad kredit. Setiap kali pemegang kad kredit melakukan transaksi dengan menggunakan kad kredit, dia telah meletakkan dirinya sendiri ke dalam risiko yang tidak disedarinya. Hal ini kerana, setiap kali kad kredit digunakan dan dibaca oleh mesin pemrosesan, ketika itulah pemegang kad kredit akan memberikan maklumatnya yang sulit. Sekiranya maklumat itu jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab, boleh digunakan untuk membuat pembelian tanpa kebenaran pemegang kad kredit. Akibatnya, pemegang kad kredit yang sebenar terpaksa menanggung hutang pembelian yang tidak dilakukannya. Apatah lagi pembelian yang dilakukan melalui internet.²⁰⁴

Keputusan untuk menjadi pemegang kad kredit atau tidak, terpulang kepada bagaimana seseorang tersebut menggunakan kemudahan kad kredit secara positif dengan mengkaji dan meneliti kebaikan dan keburukan penggunaan kad kredit tersebut. Tetapi apa yang perlu diingatkan kepada pengguna kad kredit ketika berbelanja

²⁰² *Ibid.*

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ *Ibid.*

menggunakan kad kredit ialah: bayaran harus mengikut masa yang ditetapkan, sebaiknya bayar sepenuhnya bil hutang kad kredit tanpa sebarang baki, sekiranya mempunyai wang tunai sewaktu membeli belah, sebaiknya buatlah pembayaran menggunakan wang tunai dan elakkan daripada menggunakan kad kredit.²⁰⁵

Kesimpulan

Kad kredit mula diperkenalkan sejak 1900-an di Amerika Syarikat. Ketika itu, banyak stesen minyak di negara itu menawarkan penggunaan kad kredit untuk pembelian minyak sahaja. Kemudian, pada tahun 1938 penggunaan kad kian meluas. Hal ini kerana berbagai perusahaan sudah mula menerima pembelian barang keperluan asas dengan kad kredit. Perluasan itu juga terjadi dalam sektor kewangan dan perbankan di pelbagai negara termasuk Indonesia. Kad kredit tercipta ekoran evolusi institusi kewangan. Sangat menarik untuk mengkaji kembali sejarah kad kredit dan memahami bahawa selembat plastik telah dijadikan kaedah pembayaran yang diamalkan di seluruh dunia.

Namun, dalam perkembangannya, kad kredit sempat mengalami pasang surut. Pada tahun 1950-an, orang ramai lebih gemar melakukan pembayaran dengan menggunakan wang tunai untuk kebanyakan produk barangan dan perkhidmatan. Hal ini kerana, bentuk fisik kad kredit membuatkan pelanggan tidak suka dan lokasi penggunaan kad kredit pula hanya terhad kepada kawasan tertentu mengikut tempat pengeluar kad kredit itu berada.

Lima puluh tahun kemudian, kad kredit menjadi sistem utama pembayaran dan diterima hampir di mana sahaja di dunia. Kita bahkan boleh membayar sebahagian

²⁰⁵ Lili Haslina Nasir (Januari 2005), *Kad Kredit; kemudahan yang boleh jadi penyakit*. Majalah Jelita. h. 120.

besar daripada bil bulanan kita. Namun, kad kredit ketika itu masih menggunakan sistem konvensional dimana pemegang kad kredit wajib membayar bunga ansuran dan denda. Sistem ini bertentangan dengan sistem kewangan dan perbankan syariah yang mengharamkan amalan bunga. Hal ini kemudian mendorong pelbagai bank syariah berinovasi dalam mengembangkan produk yang seiring dengan prinsip syariah.

Di Malaysia, perkembangan dan penciptaan kad kredit syariah pertama kali dilakukan oleh AmBank pada Disember 2001. Bank ini melancarkan *Al Taslif Credit Card* menggunakan akad *Bay al-ʿĪnah*. Selepas itu, pada Julai 2002, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) juga turut melancarkan kad kredit syariah. Bank ini menyatakan bahawa produknya sebagai kad kredit murni syariah pertama. Produk BIMB ini menggunakan tiga akad berbeza, iaitu; *bay al-ʿĪnah*, *wadīʿah* (titipan), dan *qarḍ al-ḥasan* (pinjaman kebajikan).

Di Indonesia, penerbitan kad kredit syariah pertama adalah oleh Bank Danamon berdasarkan fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN MUI). Berasaskan fatwa tersebut, bank atau institusi kewangan dibolehkan untuk mengeluarkan kad kredit syariah dengan menggunakan tiga akad yang berbeza. Akad tersebut ialah: *kafālah*, *qarḍ al-ḥasan*, dan *ijārah*. Dengan berasaskan fatwa tersebut, *kafālah* adalah suatu transaksi dimana pengeluar kad kredit merupakan penjamin pemegang kad di atas kewajipan membayar kepada kedai. Oleh kerana itu, pengeluar kad berhak mendapatkan upah atas layanan jaminan yang diberikan. Manakala akad *qarḍ* adalah suatu transaksi dimana penerbit kad merupakan pemberi pinjaman kepada pemegang kad melalui penarikan tunai dari bank atau ATM bank pengeluar kad. Sementara, *ijārah* adalah suatu transaksi dimana penerbit kad merupakan penyedia

perkhidmatan sistem pembayaran dan pemberi khidmat layanan terhadap pemegang kad. Atas perkhidmatan ini, pemegang kad dikenakan bayaran keahlian.

Pelbagai jenis kad plastik yang telah diuraikan di atas oleh penulis adalah berdasarkan kegunaan yang dapat diperolehi daripada sebuah kad plastik. Dalam kenyataannya, pihak pengelola atau pengeluar kad biasanya cenderung memberikan lebih daripada satu fungsi pada sebuah kad yang dikeluarkan. Sebagai contoh, sebuah kad *Dinners Club* berfungsi sebagai *charge card*, dan juga sebagai *debit card*. Pengelola kad tertentu turut menambahkan fungsi transaksi perbankan lain pada sebuah kad plastik yang dikeluarkannya, antara lain fungsi pemindahan dana antara akaun dan informasi baki akaun. Sebagai contoh, sebuah ABC Card dapat digunakan sebagai *cash card*, dapat juga digunakan untuk membayar bil telepon, bil air mahupun bil elektrik.

Walaupun begitu, terdapat banyak manfaat kad kredit dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Namun, terdapat juga keburukan yang disebabkan oleh penggunaan kad kredit. Antaranya ialah, menjadikan pemegang kad kredit berbelanja sewenang-wenangnya, terperangkap dalam faedah atau bunga yang sangat tinggi dan banyak penipuan kad kredit yang telah terjadi.

Saranan penulis, sekiranya kita memiliki wang tunai, mengapa kita harus berhutang. Lebih baik kita tidak berhutang dengan menggunakan kad kredit, tetapi bayarlah menggunakan wang tunai. Hasilnya, kita tidak akan dibimbangkan dengan beban yang berat akibat bil kad kredit yang semakin lama semakin banyak sekiranya tidak dibayar penuh mengikut tempoh masa yang telah ditentukan. Hal ini kerana, agama Islam tidak menganjurkan penganutnya berhutang.

BAB TIGA

BANK DANAMON SYARIAH INDONESIA

3.1. Pengenalan

Penggunaan kad kredit sudah menjadi perkara biasa dalam perbankan konvensional. Dimana pihak bank atau institusi kewangan yang lain gemar memberikan penawaran kad kredit bagi para pelanggannya. Bahkan kebanyakan bank konvensional dapat meningkatkan keuntungannya dengan menerbitkan kad kredit, kerana kad kredit merupakan suatu produk yang dapat memberikan nilai jualan yang cukup tinggi bagi bank. Tetapi penggunaan kad kredit dapat menyebabkan seseorang untuk bertindak berbelanja secara berlebihan, membeli barangan yang tidak begitu diperlukan dan berbelanja sewenang-wenangnya. Hal inilah yang menjadi pertimbangan para ulama Indonesia yang bersatu dalam kumpulan bernama Majelis Ulama Indonesia (MUI) untuk melarang penggunaan kad kredit dalam perbankan syariah. Mereka turut memberi pertimbangan dalam masalah berkaitan bayaran dan amalan bunga yang tergolong kepada ribā di dalam pelaksanaan kad kredit tersebut.²⁰⁶

Selari dengan perkembangan zaman dan teknologi, dimana berlakunya persaingan yang sengit dalam dunia perbankan, bank syariah juga dituntut untuk memberikan layanan yang berkualiti kepada para pelanggannya, salah satunya ialah memberikan kemudahan transaksi dan berurusniaga. Melihat fenomena yang terjadi dalam masyarakat Indonesia, pada tahun 2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN - MUI) memberi cadangan kepada Bank Indonesia (BI)²⁰⁷ untuk mengeluarkan peraturan yang berhubungkait dengan penerbitan Kad Kredit Syariah.

²⁰⁶ Farazilla (15 Februari 2007), *op.cit.*, h. 90.

²⁰⁷ Bank Indonesia adalah bank pusat milik pemerintah Indonesia. Segala perkara perbankan di Indonesia, berada dibawah tanggungjawab Bank Indonesia, sama ada perkara perbankan syariah atau perbankan konvensional.

Maka pada tahun 2006 DSN MUI mengeluarkan fatwa yang membolehkan penggunaan kad kredit syariah, dengan Fatwanya No.54/DSN-MUI/X/2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesi (DSN MUI). Pada tahun 2007 pula Bank Indonesia telah mengeluarkan peraturan tentang kad kredit syariah, iaitu Surat Bank Indonesia No.9/IB3/DPbS/2007. Dengan adanya landasan hukum tersebut, bank syariah mula menerbitkan kad kredit syariah. Bank syariah pertama di Indonesia yang mengeluarkan kad kredit syariah adalah Bank Danamon Syariah pada tanggal 18 Julai 2007, kad kredit tersebut diberi nama *Dirham Card*.²⁰⁸

Perkembangan kad kredit syariah di Indonesia tidaklah begitu pesat, jika dibandingkan dengan perkembangan kad kredit syariah di Malaysia dan Singapura. Hal inilah yang menjadi perhatian para pemikir ekonomi Islam di Indonesia, bukankah penduduk muslim di Indonesia merupakan penduduk muslim terbanyak di dunia, tetapi kenyataannya tidak ramai masyarakat muslim yang berminat dengan kad kredit syariah, bahkan mereka lebih berminat untuk menggunakan kad kredit konvensional yang sudah jelas mengandungi ribā. Apabila hal ini dibiarkan, maka kewujudan kad kredit syariah di Indonesia tidak berkembang, kerana tidak mendapat sambutan berbanding kad kredit konvensional. Ketika ini, cuma terdapat dua bank yang sudah mengeluarkan kad kredit syariah di Indonesia, iaitu Bank Danamon Syariah yang mengeluarkan Dirham Card dan Bank Negara Indonesia Syariah (BNI Syariah) yang mengeluarkan Hasanah Card.²⁰⁹

²⁰⁸ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007. Jakarta, h. 1.

²⁰⁹ Bank Negara Indonesia, <http://www.bni.co.id/Syariah/BNIHasanahCard/BNIHasanahCard/tabid/376/Default.aspx>. 17 Oktober 2009.

3.1.1. Sejarah Penubuhan Bank Danamon Syariah

Pada tahun 1956, Bank Danamon Indonesia ditubuhkan dengan nama PT Bank Kopra Indonesia. Kemudian, pada tahun 1976, namanya telah ditukarkan kepada Bank Danamon sehingga kini. Pada tahun 1976, Bank Danamon menjadi bank devisa swasta pertama di Indonesia, dan pada tahun 1989 Bank Danamon telah dikenali sebagai Bank Perseroan Terbuka (PT).²¹⁰ Namun, pada tahun 1998, akibat krisis kewangan di Asia, Bank Danamon telah mengalami masalah pencairan dana (likuiditas) dan telah diambil alih oleh Badan Penyehatan Perbankan Nasional (BPPN) sebagai Bank Take Over (BTO).²¹¹

Pada tahun 2003, Bank Danamon telah diambil alih oleh Konsorsium Asia Finance Indonesia sebagai pemegang saham utama. Melalui system pengurusan yang baru, Bank Danamon telah menjalani perubahan dan pemulihan selain dirancang untuk dijadikan sebagai bank nasional Indonesia yang terkemuka dan menjadi pelaku ekonomi serantau yang terbaik.²¹²

Rajah 3.1: Sejarah Perkembangan Bank Danamon



Sumber: Bank Danamon Indonesia

²¹⁰ Perseroan Terbuka (PT) adalah suatu perusahaan terbuka yang menjual sahamnya kepada masyarakat melalui pasar modal (*go public*). Jadi sahamnya ditawarkan kepada umum, diperjualbelikan melalui bursa saham dan setiap orang berhak untuk membeli saham perusahaan tersebut.

²¹¹ Bank Danamon Indonesia. <http://www.danamon.co.id>. 17 September 2009.

²¹² *Ibid.*

Sehingga pada tahun 2002, Bank Danamon Syariah telah ditubuhkan dengan Pejabat Cawangan Syariah yang pertama di Ciracas, Jakarta Timur. Bank Danamon Syariah kini disokong oleh tujuh Pejabat Cawangan Syariah (Kantor Cabang Syariah) yang bertapak di bandar besar seperti Jakarta, Bukit Tinggi, Banda Aceh, Surabaya, Martapura, Solo dan Makassar. Manakala tiga Unit Pejabat Cawangan Pembantu Syariah (Kantor Cabang Pembantu Syariah) di Jakarta, tujuh Cawangan Office Channeling di Jakarta, dan lima Cawangan Office Channeling di wilayah Jawa Timur turut menyokong operasional Bank Danamon Syariah.²¹³

3.1.2. Visi, Misi dan Nilai

Bank Danamon dengan visinya iaitu membantu dan menitikberatkan orang ramai memperoleh kesejahteraan, diharapkan mampu merealisasikan misinya untuk menjadi “Institusi Kewangan Terkenal” di Indonesia yang memberikan layanan terbaik kepada pelanggan, memberikan layanan kepada semua elemen masyarakat dengan menawarkan nilai yang unik untuk masing-masing elemen. Dengan mengutamakan keunggulan dalam penjualan dan layanan, serta disokong oleh teknologi bertaraf dunia diharapkan dapat dihormati oleh pelanggan, karyawan, pemegang saham, pembuat peraturan dan masyarakat dimana Bank Danamon bertapak. Walau bagaimana pun nilai-nilai peduli, jujur, mengusahakan yang terbaik, kerjasama, dan profesionalisme yang disiplin tidak dilupakan.²¹⁴

3.1.3. Pengurusan Bank Danamon Syariah

Sebagai perwujudan dari visi Bank Danamon Indonesia untuk menjadi bank pilihan masyarakat (*The Bank of Choice*) yang membantu dan menitikberatkan orang

²¹³ Bank Danamon Syariah (2009), *Formulir Aplikasi Dirham Card*, h. 10.

²¹⁴ Bank Danamon Indonesia. <http://www.danamon.co.id/overview.php?ov=1&lng=1&idCon=193&ntlink=1>. 17 September 2009.

ramai mencapai kesejahteraan, maka pada tarikh 14 Mei 2002, cawangan pertama Bank Danamon Syariah yang berada di Ciracas Jakarta Timur telah dirasmikan.²¹⁵

Sehingga kini, Bank Danamon Syariah sudah memiliki tujuh Pejabat Cawangan Syariah yang berada di seluruh wilayah Indonesia. Dalam menjalankan aktiviti perbankan, Bank Danamon Syariah memiliki Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang berfungsi untuk melakukan pengawasan dan melihat dengan lebih dekat aktiviti Bank Danamon Syariah, supaya bank tersebut sentiasa berjalan mengikut peraturan dan prinsip-prinsip syariah.²¹⁶

Petugas yang bertugas sebagai Dewan Pengawas Syariah (DPS) Bank Danamon Syariah adalah ahli-ahli daripada Dewan Syariah Nasional - Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI), yang terdiri daripada Prof. Dr. Din Syamsuddin, MA (Pengetua), Ir. Adi Warman Karim, MBA (Ahli) dan Drs. Hasanuddin, MAg (Ahli).²¹⁷

Dalam menjalankan perniagaan, Bank Danamon Syariah melaksanakan sistem bagi hasil, jual beli dan simpanan sehingga tidak terpengaruh oleh naik turun (fluktuasi) suku bunga serta dikendalikan oleh sumber daya insani yang memiliki semangat bekerja yang tinggi dengan berlandaskan pada sifat *siddīq* (jujur), *tablīgh* (menyampaikan), *faṭānah* (cerdik), *amānah* (dapat dipercayai) dan *itqān* (profesional). Diharapkan dengan kewujudan Bank Danamon Syariah, maka ia dapat memenuhi keperluan masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan perbankan yang berlandaskan prinsip-prinsip

²¹⁵ Dirasmikan oleh Sekretaris Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (UKM), Chairul Fadjar Sofyan yang mewakili Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil Menengah.

²¹⁶ Heri Sunandar (Desember 2005), *Peran dan Fungsi Dewan Pengawas Syariah (Shari'a Supervisory Board) Dalam Perbankan Syariah di Indonesia*. Hukum Islam. Vol. IV. No. 2.

²¹⁷ Majelis Ulama Indonesia. http://www.mui.or.id/mui_in/product_2/dsn.php?id=74. 18 September 2009.

perniagaan secara islāmi, halāl, dan tidak melibatkan sistem ribā (membungakan wang), *gharār* (ketidakjelasan/ manipulatif) mahupun *maysīr* (spekulasi/ perjudian).²¹⁸

Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat menikmati layanan perbankan yang sesuai dengan syariah Islam dimana hal itu secara rohani akan memberi ketenangan batin, kerana selain dananya akan dilaburkan kembali kepada perniagaan atau hal-hal yang membawa kemaslahatan bagi masyarakat, ia juga dapat memberikan hasil yang insya Allah barakah.

3.1.4. Produk dan Perkhidmatan

Melihat kepada jumlah penduduk Indonesia yang begitu banyak dan majoritinya beragama Islam, tidak dapat dinafikan lagi sasaran pasaran perbankan syariah sangat besar dan luas, ditambah lagi dengan keperluan masyarakat Indonesia yang pelbagai dalam mengurusniaga dengan bank. Bank Danamon Indonesia berusaha untuk memberikan pelayanan yang terbaiknya dengan menyediakan berbagai produk dan perkhidmatan perbankan yang sesuai dengan permintaan pasaran Indonesia.²¹⁹

Dengan sokongan teknologi dan rangkaian (*network*) Bank Danamon Indonesia yang mencakupi hampir 500 cawangan dan lebih kurang 750 ATM Bank Danamon di seluruh provinsi di Indonesia, Bank Danamon Syariah sedia memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan pelbagai produk pembiayaan yang mampu memenuhi keperluan pelanggan dalam perbankan Islam.²²⁰

²¹⁸ Bank Danamon Indonesia. <http://www.danamon.co.id>. 17 September 2009

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ *Ibid.*

Jadual 3.1: Produk Bank Danamon Syariah

No	Jenis Produk	Nama Produk
1.	Pemberian Dana:	
	a. Perbankan Syariah dan Bagi Hasil	1. Tabungan Bagi Hasil (Tabungan <i>Muḍarabah</i>)
		2. Ivestasi Terikat (<i>Muḍarabah Muqayyadah</i>)
		3. Sewa Menyewa (<i>Ijārah</i>)
		4. Gadai Emas Syariah (<i>Rahn</i> ; emas dan berlian)
		5. Pembiayaan Konsumsi
	b. Simpanan dan Pelaburan	1. Pembiayaan Bagi Hasil (<i>Muḍarabah</i> dan <i>Musyārahah</i>)
		2. Tabungan Bagi Hasil
		3. Tabungan Titipan
		4. Tabungan Haji Titipan
		5. Giro Titipan
		6. Deposito Bagi Hasil
		7. Investasi Khusus (<i>Muḍarabah Muqayyadah</i>)
2.	Pemberian Biaya/ Kos:	
	a. Beli Bayar Tangguh (BBT)	1. BBT – Modal Kerja
		2. BBT – Pelaburan
	b. Beli Bayar Ansur (BBA)	1. BBA – Modal Kerja
		2. BBA – Pelaburan
		3. BBA – Rumah
		4. BBA – Renovasi
		5. BBA – Kereta
		6. BBA – Motosikal
		7. BBA – Multiguna
8. BBA – Profesi		
3.	Perkhidmatan Lainnya	
	1. <i>Wakālah</i>	
2. Pembayaran Zakat, <i>Infāq</i> , sedekah		

Sumber: Bank Danamon Syariah. Diubahsuai oleh penulis

Dalam memberikan layanan dan perkhidmatan, Bank Danamon Syariah memberikan kemudahan kepada pelanggannya untuk berurusan dengan Bank

Danamon yang berhampiran dengan kediaman pelanggan, sama ada di Pejabat Cawangan Syariah mahupun di Pejabat Cawangan Konvensional di seluruh Indonesia. Jenis transaksi yang dapat dilakukan adalah; pemindahan akaun dari konvensional ke syariah, pemindahan akaun dari syariah ke konvensional, mencetak (*print out*) buku tabungan, memasukkan wang tunai menggunakan sistem dalam talian (*bank in secara on line*) ke akaun syariah, dan pengambilan tunai tabungan syariah.²²¹

3.2. Dirham Card

3.2.1. Pengenalan

Pada tarikh 18 Julai 2007, dengan kerja sama MasterCard, PT Bank Danamon Indonesia Tbk. (Bank Danamon) telah melancarkan Dirham Card, kad kredit syariah pertama di Indonesia. Dirham Card menawarkan keunikan yang lebih berbanding kad kredit konvensional, sama ada kemudahan penggunaannya mahupun keuntungan bagi pemegang kad.²²²

Dirham Card memiliki akad yang berbeza dengan kad kredit yang lain, terdapat tiga skim transaksi yang digunakannya terdapat tiga, dapat berupa *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qard*. Dirham Card ini diterbitkan berdasarkan Fatwa No. 54/DSN-MUI/X/2006 Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) dan Surat Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007.²²³

3.2.2. Objektif Dirham Card

Sebagai kad kredit syariah pertama di Indonesia, Dirham Card diharapkan mampu bersaing dengan kad kredit konvensional yang lain. Oleh itu Dirham Card boleh

²²¹ *Ibid.*

²²² Antara News: Portal Berita Indonesia, <http://www.antara.co.id/view/?i=1184819105&c=PRW&s=>, 20 Ogos 2009.

²²³ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007. Jakarta, h. 1.

menjadi alternatif bagi para Muslim untuk bertransaksi secara halal dan baik. Sesuai dengan motonya *Joy For Today And Tomorrow*, Dirham Card yang diterbitkan untuk menyeimbangkan dan mempermudah hidup seharian, kerana berfungsi sama seperti kad kredit konvensional untuk masa depan, dan dapat digunakan untuk angsuran umroh dan haji.²²⁴

3.2.3. Ciri-ciri Dirham Card

Dirham Card ini tercipta hasil kerjasama antara Bank Danamon dan MasterCard dengan semua jaringan atau *merchant*-nya di seluruh dunia untuk menyediakan perkhidmatan sistem pembayaran dan layanan kepada pemegang kad. Dengan adanya kerjasama ini, ia diharapkan dapat memberi lebih banyak kemudahan kepada para pemegang Dirham Card ketika di dalam negara mahupun di luar negara.²²⁵

Ciri yang paling utama daripada Dirham Card adalah tidak menerapkan sistem bunga/ tanpa bunga. Maka, jika pelanggan menggunakan Dirham Card, dan pelanggan tersebut tidak melunaskan seluruh bilnya, pelanggan tersebut tidak akan dikenakan bunga sama sekali. Tetapi, pelanggan akan dikenakan bayaran sewa kerana akad dari kad kredit ini adalah *Ijārah* (Sewa). Dalam akad ini, Pemegang Dirham Card dianggap sebagai penyewa jaringan *merchant* bank, dan untuk itu pihak bank akan mengenakan bayaran sewa bulanan yang nilainya berbeza untuk tiap-tiap jenis kad.²²⁶

Cirinya yang lain ialah, skim transaksi yang digunakan dalam Dirham Card berupa *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qard*. Ciri berikutnya yang membezakan Dirham Card dengan kad kredit konvensional yang lain ialah, ketika pemegang Dirham Card terlewat

²²⁴ Puan Meika, Marketing Dirham Card Bank Danamon Syariah. Temubual pada 23 Des 2009.

²²⁵ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *op.cit.*, h. 2.

²²⁶ Bank Indonesia, *Kartu Kredit iB: Sesuai Syariah, Bisa Dipakai Di Seluruh Dunia*. Publikasi, h. 1.

membuat pembayaran kembali, pemegang kad akan dikenakan dua jenis denda: denda ganti rugi (*ta'wīd*) dan denda dana kebajikan.²²⁷

Ta'wīd adalah bayaran yang dikeluarkan oleh bank untuk keperluan pemberitahuan ataupun tuntutan kepada pelanggannya. Bayaran itu untuk mengirimkan bil kepada pemegang kad atau bagi membuat panggilan telefon kepada pemilik kad dengan tujuan untuk mengingatkan pemegang kad agar membuat pembayaran kembali. Bayaran untuk mengganti kerugian ini (*ta'wīd*) diberlakukan mengikut fatwa DSN-MUI No.43/DSN-MUI/VIII/2004 tanggal 11 Ogos 2004. Besarnya bayaran *ta'wīd* akan diberitahukan bank secara tertulis apabila pemegang kad kredit terlewat membuat pembayaran.²²⁸

Denda yang lain ialah, denda dana kebajikan. Denda ini sebesar 3% dari jumlah pembayaran minimum yang belum dibayar oleh pemegang kad kredit. Ia dihitung dari sejumlah pembayaran, contohnya jumlah keseluruhan pembayaran adalah sekitar Rp 1,000,000.00 tetapi pelanggan tidak dapat menyelesaikan pembayarannya setelah tamat tempoh, pelanggan harus membayar denda 3% dari Rp.1,000,000.00. Denda ini bukanlah sebagai pendapatan bank, tetapi dikira sebagai bayaran *qard al-hasan* yang kemudiannya didermakan ke BAZNAS DD (Badan Amil Zakat Nasional Dompot Dhuafa), suatu institusi zakat di Indonesia dan sebagai salah satu rakanan kerjasama Bank Danamon Syariah.²²⁹

²²⁷ Bank Danamon Syariah (2009), Formulir Aplikasi Dirham Card, h. 3.

²²⁸ *Ibid.*

²²⁹ Puan Dessy, Customer Service Bank Danamon Indonesia, Menara Bank Danamon Jakarta. Temubual pada 20 November 2009.

3.2.4. Kaedah Pelaksanaan

Jika seseorang ingin mempunyai Dirham Card, perkara pertama yang harus dilakukan ialah menjadi pelanggan di Bank Danamon Syariah dan membuka akaun simpanan dengan jumlah minimum Rp.500,000.- (sekitar RM178). Simpanan ini akan digunakan sebagai '*goodwill investment*'. *Goodwill Investment* adalah pelaburan atau simpanan dari pelanggan sebagai persetujuan pertama pelanggan baru yang berniat akan menjadi pelanggan yang baik kepada bank tersebut.


Mengikut peraturan Dirham Card, '*goodwill investment*' mestilah tidak kurang dari 10% batas kredit. Ia mempunyai satu jangkauan had kredit, bermula dari Rp.5,000,000.00 (sekitar RM1,785²³⁰) sehingga dengan Rp.40,000,000.00 (sekitar RM 14,285). Oleh sebab itu, ketika seorang pelanggan ingin mengaktifkan Dirham Card, pelanggan tersebut harus memberikan '*goodwill investment*' 10% dari had kredit Dirham Card yang diinginkannya dan bergantung kepada kemampuannya dalam soal kewangan. Tujuan daripada '*goodwill investment*' adalah untuk memberi perlindungan kepada keduanya, sama ada pelanggan mahupun bank dari penggunaan kad kredit yang tidak dibenarkan.

Dalam skim transaksi Dirham Card, Bank Danamon bertindak sebagai penerbit juga sebagai penjamin (*kāfil*) kepada pemegang Dirham Card. Ini akan menjamin semua pembayaran transaksi, sama ada transaksi pembelian yang dilakukan oleh pemilik kad kredit, atau pengambilan tunai dari ATM Bank Danamon sendiri atau bank lain yang mempunyai jaringan bersama. Contohnya, seseorang membeli tas tangan di kedai Eiger dengan menggunakan Dirham Card. Eiger sebagai penjual (*merchant*) akan membuat

²³⁰ Nilai tukar mata wang sebesar Rp.2.800,- per RM1 dan telah di genapkan oleh penulis untuk memberikan kemudahan dan pemahaman pembaca.

pengesahan ke bank Danamon sebagai penerbit kad. Kemudian, bank akan memberi jaminan bahawa pelanggan akan dapat membayar harga transaksi tersebut melalui bank.

Rajah 3.2: Aliran Transaksi Dirham Card



Sumber: Bank Danamon Indonesia

Ketika seseorang melakukan pembelian dengan Dirham Card kepada suatu *merchant*, maka akan terjadi aliran hubungan pihak-pihak seperti yang telah digambarkan pada carta diatas.

1. Pelanggan menggunakan Dirham Card untuk membuat pembayaran barangan yang dibeli dari peniaga (*merchant*).
2. *Merchant* membuat pengesahan kepada bank penerbit kad kredit secara dalam talian (*on line*) mahupun diluar talian (*off line*) dengan peranti yang dihubungkan dengan internet.
3. Bank memberikan jaminan dan pengesahan kebenaran bahawa pemegang kad kredit tersebut adalah pelanggannya.

4. Bank melakukan tuntutan bayaran atas semua transaksi yang dilakukan pemegang kad kredit apabila telah sampai tempoh masa yang ditetapkan dengan mengirimkan bil atau melalui panggilan telefon.
5. Pemegang Dirham Card membuat pembayaran terhadap bil tersebut dari transaksi yang telah dibuatnya, sama ada pembelian mahupun pengeluaran wang tunai dengan kad kredit.
6. Peniaga (*Merchant*) membuat tuntutan kepada bank atas transaksi-transaksi yang dilakukan oleh pengguna kad kredit yang dikeluarkan oleh bank tersebut. Minimum pembayaran ialah 10% dari jumlah bil yang ada.

3.2.4.1. Kriteria Pemohon Dirham Card

Syarat umum dan dokumen yang harus dipenuhi oleh pemohon Dirham Card dibahagikan kepada beberapa kriteria, antaranya:²³¹

a. Usia Pemohon

Pemegang Dirham Card terbahagi kepada dua bahagian, pertama pemegang Kad Utama, dengan batasan umur minimum 21 tahun dan umur maksimum sehingga 65 tahun. Manakala bahagian yang kedua ialah pemegang Kad Tambahan dengan syarat umur minimum 21 tahun dan umur maksimum sehingga 70 tahun.

b. Pendapatan Minimum Setiap Bulan

Pendapatan minimum setiap bulan dijadikan syarat untuk memperoleh Dirham Card ini dan ia diklasifikasikan menurut jenis Dirham Card yang diinginkan pelanggan.

²³¹ Bank Danamon Syariah (2009), Formulir Aplikasi Dirham Card, h. 9.

Jadual berikut akan menerangkan berkenaan dengan syarat pendapatan minimum setiap bulan untuk memohon Dirham Card.

Jadwal 3.2: Jenis Dirham Card dan Had Pendapatan Minimum Pemohon²³²

No	Jenis Dirham Card	Pendapatan Minimum Setiap Bulan	
		Rupiah	Ringgit ²³³
1.	Green	Rp. 2,500,000.-	RM900
2.	Gold 1	Rp. 5,000,000.-	RM1,800
3.	Gold 2	Rp. 10,000,000.-	RM3,600
4.	Gold 3	Rp. 15,000,000.-	RM5,400
5.	Platinum	Rp. 20,000,000.-	RM7,200

Sumber: Bank Danamon Indonesia

c. Goodwill Investment

Goodwill Investment merupakan penyediaan dana dari pelanggan sebagai cagaran di Tabungan Danamon Syariah sebanyak 10% dari batas (*limit*) Dirham Card yang dipersetujui. Ini bertujuan untuk memberi perlindungan pelanggan dan bank dari penggunaan kad kredit yang tidak dibenarkan. Selain daripada itu, *goodwill investment* juga berfungsi untuk mengaktifkan Dirham Card, yang mana akan dilaburkan oleh Bank Danamon Syariah untuk memperkasakan Usaha Kecil dan Menengah (UKM) dengan skim *muḍārabah muṭlaqah*. Pelanggan Dirham Card akan mendapat perkongsian hasil dari pelaburan ini dengan perbandingan nisbah bagi hasil yang telah disepakati bersama pada akad kali pertama. Tetapi, Bank Danamon Syariah dapat mengubah dan

²³² *Ibid.*

²³³ Nilai tukar mata wang sebesar Rp.2,800.- per RM1 dan telah di genapkan oleh penulis untuk memberikan kemudahan dan pemahaman pembaca.

menetapkan nisbah bagi hasil baru untuk akad atau perjanjian *mudharabah mutlaqah* ini sekiranya perlu pada tanggal ke-15 setiap bulan. Bank akan memberikan hasil dari pelaburan tersebut secara perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau perkongsian hasil kepada pelanggan setiap tarikh 1 bulan selepasnya. Sekiranya tarikh tersebut adalah hari cuti, maka ia akan diberikan pada hari kerja selepasnya. Dana pelaburan ini akan dikembalikan seperti jumlah asal kepada pelanggan apabila pelanggan tidak lagi menggunakan Dirham Card.²³⁴

d. Dokumen Diri

Dokumen diri yang harus disediakan oleh pemohon sebelum memohon Dirham Card disesuaikan dengan peringkat pemohon. Jadual berikut menerangkan berkenaan syarat dokumen diri pemohon Dirham Card yang harus disediakan.

Jadual 3.3: Syarat-Syarat Untuk Permohonan Dirham Card²³⁵

No	Peringkat Pemohon	Jenis Dokumen Diri					
		KTP/ Paspor/ KTA	Akaun Bank/ Tabungan	Keterangan Kerja/ Gaji	SIUP/ TDP/ AD/ SIP	SK. Pangkat Terakhir	Kad Spesimen (Lampiran)
1.	Pekerja	√	-	√	-	√	√
2.	Pengusaha	√	√	-	√	-	√
3.	Profesional	√	-	-	√	-	√
4.	TNI/ Polisi/ PNS	√	√	-	-	√	√
5.	Kad Tambahan	√	-	-	-	-	√

Sumber: Bank Danamon Indonesia

²³⁴ Bank Danamon Syariah (2009), *op.cit*, h. 2.

²³⁵ *Ibid*, h. 9.

3.2.4.2. Keputusan Tentang Penerbitan Dirham Card

Terdapat dua institusi penting yang mengeluarkan keputusan berkenaan dengan kad kredit syariah di Indonesia. Pertama Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia No: 54/DSN-MUI/X/2006 Tentang Syariah Card dan keputusan kedua ialah dari Bank Indonesia sebagai bank pusat yang berkuasa untuk menetapkan semua urusan perbankan di Indonesia, sama ada konvensional ataupun syariah. Melalui surat edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007.²³⁶

3.2.4.3. Akad Yang Diguna pakai

Skim transaksi yang digunakan dalam Dirham Card adalah merupakan skim *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qarḍ*. Pada akad atau skim transaksi *Ijārah*, penerbit kad adalah penyedia perkhidmatan sistem pembayaran terhadap pemegang kad. Dalam erti kata yang lain, pemegang kad melakukan sewa atau *Ijārah* atas penyediaan perkhidmatan sistem pembayaran dari bank, dan pemegang kad dikenakan bayaran keahlian, atau *membership fee*.

Bagi skim *Kafālah*, Bank Danamon Syariah sebagai penerbit kad bertindak menjadi penjamin (*kāfil*) bagi pemegang kad terhadap merchant atas semua kewajipan membayar (*dayn*) dari transaksi antara pemegang kad dengan peniaga (*merchant*), atau pengeluaran tunai dari bank lain atau bank ATM penerbit kad. Atas pemberian *Kafālah*, penerbit kad dapat menerima pulangan perkhidmatan atau bayaran (*ujrah kafālah*).

Pada akad *Qarḍ*, penerbit kad adalah pemberi pinjaman (*muqrīḍ*) kepada pemegang kad (*muqtarīḍ*) melalui pengeluaran tunai dari bank atau bank ATM penerbit

²³⁶ Staff pameran Bank Indonesia bahagian Islamic Banking. Pekan Raya Jakarta 2009. Temubual pada 20 Jun 2009.

kad. Oleh itu, pemegang kad mesti mengembalikan semula jumlah wang yang dikeluarkan tepat pada waktu yang telah ditetapkan.

Pada Dirham Card terdapat pengurusan dana kebajikan (*Qard al-Hasan*) yang membezakannya dengan kad kredit lain. Pengurusan dana kebajikan ini diperolehi dari berbagai bayaran dan denda; misalnya dari kelewatan pembayaran kos atau bil (*late payment fee*), yang akan disumbangkan untuk kegiatan amal bakti dan derma.

3.2.4.4. Cagaran

Seperti yang telah diterangkan diatas, penyediaan dana dari pelanggan sebagai cagaran di Tabungan Danamon Syariah sebanyak 10% dari had (limit) Dirham Card yang dipersetujui dan dimohon oleh pelanggan. Cagaran atau disebut sebagai *goodwill investment* adalah bentuk akad untuk mengaktifkan Dirham Card yang mana akan dilaburkan oleh Bank Danamon Syariah untuk memperkasakan Usaha Kecil Menengah (UKM) dengan skim kongsi-hasil dan pelabur akan mendapat kongsi-hasil juga. Cagaran ini akan dikembalikan seperti jumlah asal kepada pelanggan apabila pelanggan tidak lagi menggunakan Dirham Card.²³⁷

3.2.4.5. Tempat-tempat Yang Dibenarkan Penggunaannya

Dengan menggunakan Dirham Card ini, pemegang kad boleh memperoleh pelbagai faedah. Selain merasa lebih selesa, mereka juga akan mendapat harga yang kompetitif serta rangkaian ATM bersama dan *MasterCard* yang luas sama ada domestik mahupun antarabangsa.²³⁸

²³⁷ Bank Danamon Syariah (2009), *op.cit.*

²³⁸ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007. Jakarta, h. 1.

Pelanggan juga dapat menggunakan Dirham Card untuk membayar bil bulanan seperti elektrik, telefon, air dan televisyen, bahkan untuk keperluan yang bersifat keagamaan, seperti umrah atau pelancongan spiritual. Seperti kad kredit yang lain, pemegang Dirham Card juga dapat menggunakan kadnya di mana-mana *merchant* bertanda MasterCard Electronic di seluruh dunia, kecuali di *merchant* yang telah disekat oleh pihak bank. Batasan yang dilakukan pihak bank atas penggunaan Dirham Card ini bertujuan agar Dirham Card ini dipergunakan untuk transaksi barangan ataupun perkhidmatan yang halal. Penggunaan Dirham Card akan disekat apabila ia digunakan di *merchant* tertentu seperti rumah urut, tempat perjudian, kelab malam, pembelian bir, arak dan barang lain yang diharamkan. Selain selain membuat sekatan di *merchant* tertentu, dibelakang kad ini terdapat amaran bagi para pemiliknya supaya tidak menggunakan kad kredit mereka untuk membeli barang-barang yang dianggap haram dalam hukum Islam. Akan tetapi, pihak bank sendiri tidak dapat melakukan pengawasan sepenuhnya ke atas para pengguna Dirham Card sekiranya mereka membeli barang yang haram di *merchant* umum seperti halnya di kedai-kedai ataupun pusat membeli belah yang lain.²³⁹

3.2.4.6. Bil dan Tempoh Bayaran

Setiap bulan, pemegang Dirham Card akan menerima bil bulanan akaun Dirham Card yang akan dihantar kepada pemegang kad sebelum tarikh jatuh tempoh pembayaran, dengan menyenaraikan:²⁴⁰

- a. Butiran transaksi dan seluruh jumlah yang harus dibayar dalam mata wang
Rupiah
- b. Bayaran minimum yang dapat dilakukan

²³⁹ Encik Rizki. Marketing Dirham Card. Bank Danamon Syariah. Temubual pada 20 November 2009.

²⁴⁰ Bank Danamon Syariah (2009), Buku Panduan Dirham Card, h. 1-3.

- c. Tarikh tamat tempoh masa pembayaran
- d. Maklumat lain yang relevan atau dianggap perlu.

Apabila terdapat transaksi yang tidak sesuai atau tidak pernah dilakukan oleh pemegang Dirham Card, pemegang Dirham Card perlu segera menghubungi pihak bank untuk penjelasan.²⁴¹

Bayaran yang dilakukan oleh seorang pemegang Dirham Card harus dibayar dalam mata wang Indonesia (Rupiah) dan akan berlaku setelah dana diterima berkesan oleh bank berdasarkan ketentuan dan syarat-syarat dengan tata cara yang ditentukan pihak bank. Pemegang Dirham Card dikehendaki membayar bil dengan bayaran minimum 10% dari jumlah bil pada setiap bulan.²⁴²

Jika kad kredit konvensional mengenakan denda terhadap bil tertunggak, maka Dirham Card juga menetapkan sistem yang sama. Bayaran denda sebanyak 3% yang ditetapkan akan diperuntukkan untuk dana kebajikan bagi para kaum *du'afa*. Denda ini bukan dikenali sebagai pendapatan bank, tetapi akan digunakan sebagai bayaran *qard al-hasan* yang kemudian akan didermakan kepada BAZNAS DD (Badan Amil Zakat Nasional Dompot Dhuafa), suatu institusi zakat di Indonesia sebagai salah satu rakan kerjasama Bank Danamon. Kerjasama ini bermula sejak bulan Ogos 2007.²⁴³

²⁴¹ *Ibid.*

²⁴² *Ibid.*

²⁴³ Puan Dessy, Customer Service Bank Danamon, Menara Bank Danamon Jakarta. Temubual pada 15 Desember 2009.

3.2.4.7. Kos-Kos

Terdapat beberapa kos yang harus dipenuhi dan dibayar oleh pemegang Dirham Card, antaranya:²⁴⁴

- a. Yuran keahlian (*membership fee*). Penerbit Kad berhak menerima yuran keahlian (*rusum al-'udhwiyah*) termasuk perpanjangan masa keahlian dari pemegang kad sebagai imbalan (*ujrah*) atas izin penggunaan kemudahan kad.
- b. Kos peniaga (*Merchant fee*). Penerbit Kad boleh menerima bayaran yang diambil dari harga transaksi barangan atau perkhidmatan sebagai imbalan (*ujrah*) atas perantara (*samsarah*), pemasaran (*taswiq*) dan tuntutan bil (*tahsil al-dayn*) sebagai biaya pengurusan.
- c. Kos pengeluaran wang tunai. Penerbit kad boleh menerima bayaran pengeluaran wang tunai (*rusūm sāhib al-nuqūd*) sebagai kos perkhidmatan dan penggunaan kemudahan yang nilainya tidak dikaitkan dengan jumlah pengeluaran.
- d. Kos *Kafālah*. Penerbit kad boleh menerima bayaran dari pemegang kad atas pemberian *kafālah*.

²⁴⁴ Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia, *Kumpulan Fatwa-Fatwa DSN-MUI*, Nomor: 54/DSN-MUI/X/2006, h. 11.

Jadual 3.4: Had Kredit dan Yuran Keahlian Setiap Bulan Dirham Card²⁴⁵

No.	Jenis Kad	Limit Kredit	Biaya Keahlian
1.	Kad Green (Classic)	Rp. 5,000,000.-	Rp. 190,000.-
		RM1,785	RM68
2.	Kad Gold 1	Rp. 10,000,000.-	Rp. 375,000.-
		RM3,570	RM134
3.	Kad Gold 2	Rp. 20,000,000.-	Rp. 750,000.-
		RM7,140	RM268
4.	Kad Gold 3	Rp. 30,000,000.-	Rp. 1,100,000.-
		RM10,710	RM393
5.	Kad Platinum	Rp. 40,000,000.-	Rp. 1,400,000.-
		RM14,280	RM500

Sumber: Bank Danamon Indonesia

Cara kerja biaya ini adalah seperti berikut: Sebagai contoh seorang pelanggan Dirham Card dengan jenis kad Gold 1 yang memiliki limit kredit sebesar Rp.10,000,000.- dan yuran keahlian setiap bulannya Rp.375,000.-

- a. Jika pemegang Kad Gold 1 ini tidak melakukan sebarang transaksi pada bulan itu, maka tidak akan ada bil apapun dari bank, kerana pemegang kad tersebut tidak menyewa perkhidmatan bank pada bulan itu, maka tidak ada kos sewa (*ijarah*).
- b. Jika pemegang kad tersebut menggunakannya untuk transaksi ke-1, contohnya sebanyak Rp.2,000,000.-. Pada sebelum tamat tempoh, pemegang kad tersebut membayar bilnya sebanyak Rp.500,000.- bererti terdapat baki hutang bilnya sebanyak Rp.1,500,000,-.

²⁴⁵ Bank Danamon Syariah (2009), *op.cit.*

- c. Pada masa yang lain, pemegang kad menggunakan kadnya untuk pembelian ke-2 sebanyak Rp.5,000,000.- dan baki hutang menjadi sebanyak Rp. 6,500,000.-.
- d. Setelah itu, pemegang kad melakukan pembayaran sebanyak Rp.2,000,000.- maka baki hutang bilnya menjadi sebanyak Rp.4,500,000.-²⁴⁶
- e. Pembelian ke-3 dilakukan pemegang kad sebanyak Rp.3,000,000.-
- f. Sebelum tarikh tamat, pemegang kad melakukan pembayaran sebanyak Rp.7,800,000.-
- g. Kos yang dikenakan kepada pemegang kad pada pembelian ke-1 akan dikira dari transaksi pertama Rp.2,000,000.- dan baki hutang bil yang ada sebanyak Rp. 1,500,000.- kemudian $\left(\frac{\text{Rp.1,500,000}}{\text{Rp.500,000}} \times \text{Rp. 18,750} = \text{Rp. 56,250}\right)$ maka yuran keahlian setiap bulan yang sebanyak Rp.375,000.- menjadi Rp.318,750.- setelah ditolak dengan potongan sebanyak Rp.56,250.-
- h. Manakala kos yang dikenakan kepada pemegang kad pada pembelian ke-2 akan dikira dari transaksi ke-2 sebanyak Rp.5,000,000.- dan baki hutang bil yang ada sebanyak Rp. 6,500,000.-. Setelah melakukan pembayaran sebanyak Rp.2,000,000.- baki hutang yang ada sebanyak Rp.4,500,000.-. Pada transaksi ke-2 akan mendapatkan *cash reward* Rp.667 $\left(\frac{1}{3,000} \times \text{Rp. 2,000,000} = \text{Rp. 667}\right)$, kemudian jumlah potongan yuran keahlian sebanyak Rp.56,250 pada transaksi ke-1 akan ditolak dengan Rp.667 menjadi sebanyak Rp.55,583.-. Baki hutang bil yang

²⁴⁶ Puan Meika. Marketing Dirham Card. Bank Danamon Syariah. Temubual pada 20 November 2009.

sebanyak Rp.4,5000,000.- akan di tolak dengan Rp.55,583 menjadi sebesar Rp.4,440,000.-²⁴⁷

- i. Baki hutang bil sebanyak Rp.4,440,000.- akan dicampur dengan pembelian ke-3 sebanyak Rp.3,000,000.- menjadi Rp.7,440,000.-. Pada pembelian ke-3 akan mendapat potongan Rp.1,667 ($\frac{1}{3,000} \times \text{Rp. } 5,000,000 = \text{Rp. } 1,667$).
- j. Kos yang dikenakan kepada pemegang kad pada pembelian ke-3 dikira dari baki hutang bil ($\frac{\text{Rp.4,440,000}}{\text{Rp.500,000}} \times \text{Rp. } 18,750 = \text{Rp. } 166,500$). Maka yuran keahlian setiap bulan sebanyak Rp.375,000.- ditolak dengan potongan sebanyak Rp.166,500.- menjadi Rp.208,500.-.
- Pada bil pembelian ke-3 jumlah keseluruhan sebanyak Rp.7,440,000.- kos yang dikenakan kepada pemegang kad ialah sebanyak Rp.166,500.- ditolak dengan Rp.1,667 menjadi sebanyak Rp.164,833.-
- k. Sekiranya pada bulan tersebut pemegang Dirham Card membayar bil sebanyak Rp.7,800,000.-, maka dari bayaran sebanyak itu akan terus ditolak baki hutang bil sebanyak Rp.7,440,000.- ($\text{Rp. } 7,800,000.- - \text{Rp. } 7,440,000.- = \text{Rp. } 360,000.-$). Kos sewa yang dikenakan sebanyak Rp.164,833.- akan dituntut dari baki wang yang ada ($\text{Rp. } 360,000.- - \text{Rp. } 164,833.- = \text{Rp. } 196,000.-$ ²⁴⁸).


²⁴⁷ Hasilnya akan digenapkan oleh pihak bank untuk memudahkan perhitungan.

²⁴⁸ Telah digenapkan oleh pihak bank untuk memudahkan urus niaga.

Terdapat perbezaan antara Dirham Card dengan kad kredit konvensional yang lain. Sekiranya pada bulan berikutnya pemegang Dirham Card membayar bil hutang sepenuhnya, maka tidak akan ada kos sewa (*ijārah*), kerana dia telah melunaskan bayaran sepenuhnya. Manakala kad kredit konvensional melaksanakan sistem bunga yang berjalan sejak tarikh transaksi, oleh itu sekiranya terdapat bil yang belum dibayar sepenuhnya, bunga bil kad kredit konvensional terus berlipat dan menggulung terus, model bunga-berbunga beginilah sumber keuntungan terbesar untuk bank.

Rajah berikut menerangkan berkenaan dengan transaksi-transaksi yang dilakukan oleh pemegang Dirham Card di atas;

Rajah 3.3: Contoh Transaksi²⁴⁹



Sumber: Bank Danamon Syariah

²⁴⁹ Bank Danamon Syariah (2009), Buku Panduan Dirham Card, h. 18.

Jadual 3.5: Contoh Pembayaran Kos Keahlian Setiap Bulan

(*Nett Monthly Membership Fee*)²⁵⁰

Jenis Dirham Card : Gold Card 1

Had Kredit : Rp. 10,000,000.-

Bayaran Keahlian : Rp. 375,000.- setiap bulan (maksimum)

Cash Reward : 1 / 3,000

Cash Rebate : Bayaran Keahlian – Penggunaan Kemudahan

Cyle Usage	O/S After Payment											
	.		500,000		1,500,000		4,440,000		8,000,000		10,000,000	
.	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	.	.	.	18,750	.	56,250	.	166,500	.	300,000	.	375,000
2,000,000	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	667	(667)	667	18,083	667	55,583	667	165,833	667	299,333	667	374,333
3,000,000	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	1,000	(1,000)	1,000	17,750	1,000	55,250	1,000	165,500	1,000	299,000	1,000	374,000
5,000,000	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	1,667	(1,667)	1,667	17,083	1,667	54,583	1,667	164,833	1,667	298,333	1,667	373,333
8,000,000	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	2,667	(2,667)	2,667	16,083	2,667	53,583	2,667	163,833	2,667	297,333	2,667	372,333
10,000,000	375,000		356,250		318,750		208,500		75,000		0	
	3,333	(3,333)	3,333	15,417	3,333	52,917	3,333	163,167	3,333	296,667	3,333	371,667

Sumber: Bank Danamon Syariah Indonesia

Seperti yang tertulis dalam jadual sebelumnya, setiap kad memiliki batasan atau had kredit masing-masing, sama ada berupa transaksi pembelian mahupun pengeluaran wang tunai. Jadi tidak semua had kredit maksimum itu dapat digunakan untuk transaksi pembelian sahaja atau untuk pengeluaran wang sahaja, melainkan ia digunakan untuk kedua-dua tujuan tersebut. Maksimum pengambilan tunai pada Dirham Card ialah 60% daripada had kredit masing-masing bagi setiap jenis Dirham Card. Misalnya, had kredit untuk kad Green dari Dirham Card ialah sebanyak Rp.5,000,000.- maka maksimum

²⁵⁰ *Ibid*, h. 17.

pengambilan wang tunai sebanyak 60% daripada Rp.5,000,000.- iaitu Rp.3,000,000.- dan bakinya sebanyak Rp.2,000,000.- hanya dapat digunakan untuk pembelian barangan ataupun perkhidmatan.²⁵¹

Jadual 3.6: Yuran Keahlian Tahunan

No.	Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan
1.	Kad Green (Classic)	Rp.150,000,-	Rp.75,000.-
		RM55	RM27.50
2.	Kad Gold 1, 2, 3	Rp.300,000,-	Rp.150,000.-
		RM110	RM55
3.	Kad Platinum	Rp.500,000.-	Rp.250,000.-
		RM180	RM90

Sumber: Bank Danamon Indonesia

Semua kos atau yuran di atas harus ditetapkan pada saat akad aplikasi kad secara jelas dan tetap, kecuali untuk *merchant fee*.²⁵² Sekiranya pemohon Dirham Card tidak bersetuju dengan segala bentuk kos atau yuran, beliau berhak membatalkan permohonan untuk menjadi pelanggan dan pemegang Dirham Card.²⁵³

3.2.5. Prospek dan Permasalahan Dirham Card

3.2.5.1. Bank (*Issuer*)

Prospek Dirham Card di masa akan datang sangat bagus, kerana Bank Danamon merupakan bank pertama yang berani mengeluarkan kad kredit berasaskan prinsip syariah Islam. Bank ini akan mampu dan bersaing sama ada dengan bank syariah sendiri mahupun dengan bank konvensional yang lain yang begitu banyak memberikan tawaran hebat dalam mempromosikan kad kredit. Bank Danamon dengan kerjasama

²⁵¹ Bank Danamon Syariah (2009), Formulir Aplikasi Dirham Card, h.10.

²⁵² Bayaran kepada peniaga untuk setiap transaksi yang dilakukan pemegang Dirham Card.

²⁵³ Bank Danamon Syariah (2009), *op.cit.*,

MasterCard, menerbitkan Dirham Card sebagai “*The First Syariah Card in Indonesia*” dengan segala kebaikan dan keburukannya tetap berpegang pada prinsip syariah Islam untuk mewujudkan sistem ekonomi yang bebas bunga.²⁵⁴

Dalam pelbagai jenis permasalahan yang timbul, terdapat permasalahan yang paling sukar untuk diselesaikan oleh pihak Bank Danamon, walaupun dalam pelaksanaannya pihak Bank Danamon telah berusaha sebaik mungkin untuk menekan bahkan berhempas-pulas mencari jalan terbaik sebagai penyelesaian kepada masalah ini. Permasalahan yang merumitkan ini ialah, pihak bank tidak mengetahui dan tidak dapat mengawal penggunaan Dirham Card oleh pemegang, terutama penggunaan untuk barang-barang ataupun perkhidmatan yang diharamkan oleh syariah Islam, sehingga dikhuatiri pemegang Dirham Card terlepas dari amalan riba dari bunga bank, tetapi terjerumus pula kedalam amalan transaksi barangan ataupun perkhidmatan haram.²⁵⁵

Sehingga ke saat ini, pihak Bank Danamon telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan cara menyekat penggunaan Dirham Card pada tempat-tempat hiburan, kelab malam, tempat perjudian, transaksi terhadap minuman beralkohol dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak bank masih tidak mampu mengawal pemegang Dirham Card yang menggunakan kadnya di pusat membeli belah, pasar raya, di luar negara dan sebagainya. Selain daripada itu, amaran pun ditulis di balik Dirham Card: *This Card is provided for Halal purposes.*²⁵⁶

²⁵⁴ Siaran Pers/ Press Release (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007. Jakarta. Hal 2.

²⁵⁵ Bank Danamon Syariah (2009), Temubual dengan Bahagian Ahli Unit Usaha Syariah pada 1 Disember 2009.

²⁵⁶ *Ibid.*

3.2.5.2. Pemegang Dirham Card (*Card Holder*)

Sementara itu masalah utama yang dialami pengguna ataupun pemegang Dirham Card berdasarkan hasil temubual dengan beberapa pelanggan ialah: kekurangan kedai dan outlet yang menggunakan rangkaian MasterCard dalam bertransaksi secara online, Cuma yang ada hanya terhad di bandar-bandar besar sahaja. Sebagai penyelesaian dari permasalahan ini, penulis mengesahkan kepada pihak Bank Danamon, pihak bank sendiri mengakui akan hal ini dan memberikan saranan agar pemegang Dirham Card melakukan pengeluaran tunai di mesin-mesin ATM manapun yang bertanda “ATM Bersama” sebelum melakukan transaksi pembelian. Dengan cara ini diharapkan pemegang kad boleh membeli belah dan membayarnya dengan tunai. Hal ini kerana kelebihan Dirham Card, selain untuk melakukan pembayaran secara kredit ia juga boleh digunakan untuk pengeluaran wang tunai.²⁵⁷

Kad kredit diakui telah mempengaruhi kehidupan seharian. Hal ini telah diakui oleh pemegang kad sendiri dan juga pihak bank. Ia tidak mungkin boleh dihentikan sepenuhnya. Namun Dirham Card boleh menjadi alternatif para Muslim untuk bertransaksi secara halal, baik dan bebas dari bunga bank yang diharamkan oleh agama Islam. Selain itu, terdapat permasalahan lain yang boleh memberikan kesan yang kurang baik bagi perkembangan dan peningkatan prestasi Dirham Card iaitu syarat permohonan untuk memiliki Dirham Card harus memiliki kad kredit konvensional, dengan minimum batas pemilikan 1 tahun. Dengan adanya syarat yang tidak tertulis ini, bakal pengguna Dirham Card beranggapan bahawa untuk menggunakan kad kredit syariah yang bebas dari bunga dan ribā, harus memiliki kad kredit konvensional yang sudah jelas dengan amalan bunga atau ribā, sama halnya dengan melakukan perbuatan dosa, dan selepas itu

²⁵⁷ Pemegang Dirham Card Green, ITC Cempaka Mas, Jakarta. Temubual pada 5 November 2009.

bertaubat²⁵⁸. Untuk mendapatkan jawapan atas permasalahan ini, penulis bersemuka dengan pihak yang berkaitan dengan ini. Pihak bank memberikan keterangan bahawa tujuan disyaratkan kepada para pemohon Dirham Card harus memiliki kad kredit konvensional dengan had pemilikan minimum 1 tahun itu untuk menjadi bahan pertimbangan dan persetujuan pihak Bank Danamon Syariah. Apakah bakal pelanggan ini memiliki latar belakang (*record*) yang baik ataupun tidak dalam penggunaan dan pembayaran semula bil kad kredit yang akan mempengaruhi disetujui atau tidak permohonan Dirham Card seorang bakal pengguna.²⁵⁹

Sebagai cadangan, untuk mengganti dari salah satu syarat permohonan Dirham Card iaitu harus memiliki kad kredit konvensional dengan minimum batas pemilikan 1 tahun, penulis mencadangkan untuk menukar syarat tersebut dengan adanya seseorang penjamin yang berkeupayaan dari segi kewangan, bertanggungjawab dan sebagai rujukan mengenai pemohon Dirham Card.

3.2.5.3. Penerima Kad (*Merchant*)

Ketika penulis cuba untuk mendapatkan maklumat daripada penerima kad (sama ada penyedia barangan mahupun perkhidmatan) yang dikenal sebagai *merchant*, kebanyakan mereka tidak mempersoalkan keluhan ataupun masalah yang begitu besar ketika mendapatkan pembeli yang melakukan pembayaran barangan ataupun perkhidmatan dengan menggunakan Dirham Card. Bagi mereka, asalkan kad kredit yang diberikan oleh pemegang boleh digunakan ditempatnya, mereka (*merchant*) akan menerima kad tersebut dan terus melakukan maklum balas secara *online* kepada bank yang mengeluarkan kad kredit dengan menggunakan peranti atau mesin yang terhubung dengan jaringan telefon ataupun internet. Beberapa dari *merchant* pun memberikan

²⁵⁸ Pemohon Dirham Card. Bank Danamon Syariah. Temubual pada 15 November 2009.

²⁵⁹ Puan Meika. Marketing Dirham Card. Bank Danamon Syariah. Temubual pada 20 November 2009.

alasan dan pendapat, MasterCard adalah perusahaan penyedia infrastruktur kad kredit yang berskala besar dan rangkaianannya sudah tersebar sehingga boleh diterima dimana-mana, jadi *merchant* dengan mudah untuk melakukan transaksi secara *online* Dirham Card, kerana kad kredit ini telah mempercayai MasterCard dalam penyediaan rangkaian perkhidmatan kad kredit antarabangsa.²⁶⁰

Namun tidak dapat dinafikan, masalah akan muncul apabila talian telefon ataupun internet mengalami gangguan untuk melakukan transaksi secara *online*, sehingga proses maklum balas dari peniaga (*merchant*) kepada bank pengeluar kad kredit terganggu. Transaksi *offline* menjadi pilihan terakhir sekiranya terdapat pembeli yang tidak membawa wang tunai, walaupun transaksi *offline* ini berisiko tinggi, namun demi mengutamakan kepentingan pelanggan, peniaga terpaksa melakukan transaksi tersebut. Seorang *merchant* mengatakan yang dia pernah menjadi mangsa penipuan kad kredit kerana melakukan transaksi *offline*. Ketika dimaklum balas kepada pihak bank, kad kredit yang telah dipakai untuk transaksi adalah palsu dan akaun yang dipakainya juga palsu.²⁶¹

3.2.6. Prestasi dan Pencapaian Dirham Card

3.2.6.1. Bank Penerbit

Perkembangan dan prestasi yang dicapai Dirham Card begitu memberangsangkan, dengan data diperolehi dapat menunjukkan bahawa perkembangan kredit perbankan syariah telah meningkat. Salah satu buktinya, jumlah pengguna Dirham Card di Unit Usaha Syariah (UUS) Bank Danamon Syariah terus meningkat. Hingga tahun 2008, sudah terdapat lebih kurang 20,000 pengguna kad kredit syariah. Itu


²⁶⁰ ITC Cempaka Mas, Jakarta, Temu bual dengan *merchant* yang pernah menerima transaksi Dirham Card pada 3 Disember 2009. (*Merchant* barangan elektronik, kedai bag, dan pusat membeli belah ITC Cempaka Mas).

²⁶¹ *Ibid.*

ertinya, produk kad kredit syariah yang dinamakan Dirham Card ini berkembang 212% dari jumlah pengguna dibanding tahun lalu sampai bulan Disember 2007 jumlah keseluruhan pengguna Dirham Card ini baru sebanyak 6,000 pengguna. Pertumbuhan ini berlaku kerana pihak Bank Danamon Syariah marak melakukan pengenalan produk kepada masyarakat melalui pameran, iklan di media dan sebagainya. Selama ini, sebahagian besar masyarakat Indonesia hanya mengenali kad kredit konvensional.²⁶²

Peningkatan jumlah pengguna Dirham Card dari awal dilancarkan sampai pada tahun 2008 sangat menggembirakan, dicatatkan pelanggan lama lebih kurang dalam 6,000 pengguna, manakala pelanggan baru mencapai lebih kurang 14,000 pengguna. Target pencapaian jumlah pengguna Dirham Card pada tahun 2010 dijangkakan mencapai jumlah 21,000 pengguna. Untuk mencapai target tersebut, strategi Dirham Card di tahun-tahun mendatang adalah dengan memelihara hubungan baik dengan pelanggan yang sudah ada dan melakukan *cross selling* terhadap pelanggan *funding* dan *financing*.²⁶³

Carta 3.1: Perkembangan Pelanggan Dirham Card




Sumber: Unit Usaha Syariah Bank Danamon

²⁶² Menurut Kepala Divisi Syariah di UUS Bank Danamon Syariah Achmad K Permana, pertumbuhan rata-rata pengguna Dirham Card per bulannya boleh mencapai 1,600 pengguna.

²⁶³ Prayudha Moelya (2010), Kepala Divisi Syariah Bank Danamon. *Republika*, 23 Mac 2010.

Prestasi lainnya yang membuktikan bahawa Dirham Card memiliki daya saing yang tinggi dan mampu menjawab cabaran perbankan Islam iaitu dibuktikan dengan ragam pengguna Dirham Card. Pengguna kad kredit syariah ini tidak hanya dari kalangan muslim sahaja, tetapi juga dari kalangan non muslim. Jenis Dirham Card yang paling diminati masyarakat adalah jenis Green Card yang memiliki limit kredit hingga Rp. 5 juta. Komposisi pemegang Green Card mencapai sekitar 40% dari pengguna Dirham Card, manakala untuk pengguna Gold Card mencapai 30%, dan pengguna Platinum Card sebanyak 30% pengguna.²⁶⁴

Carta 3.2: Pengguna Dirham Card dari Green, Gold, Platinum Card



Sumber: Bank Danamon Syariah (2008)

3.2.6.2. Pengguna Dirham Card

Dari beberapa pengguna Dirham Card yang dijumpai, mereka merasakan begitu banyak keuntungan dan manfaat dengan memiliki kad kredit yang berasaskan syariah Islam ini. Alasan yang mereka utarakan antaranya iaitu, mereka merasa lebih tenang, bebas daripada bunga, biaya yang dikeluarkan relatif lebih murah daripada kad kredit konvensional lainnya dan seakan-akan mendapatkan pelayan dalam menguruskan masalah bulanan seperti pembayaran bil air, bil elektrik, bil talipon, televisi kabel sampai pembayaran zakat fitrah pun boleh dilakukan dengan satu kad ini.²⁶⁵

²⁶⁴ Encik Rizki. Marketing Dirham Card. Bank Danamon Syariah. Temubual pada 20 November 2009.

²⁶⁵ Pemegang Dirham Card Green. Hoka Hoka Bento Arion, Rawamangun Jakarta Timur. Temubual pada 7 November 2009

Selain itu, kepuasan pelanggan lebih lengkap lagi dengan dilancarkannya *Dirham Shield* yang menyediakan perlindungan kecelakaan yang dialami oleh pemegang Dirham Card. Perlindungan ini dapat berbentuk pembatasan kewajiban bagi ahli pemegang Dirham Card yang menjadi mangsa kecelakaan untuk membayar sisa bil tagihan kad kredit yang ada. Dengan adanya *Dirham Shield* ini, pelanggan merasa aman dan mendapatkan pelayanan terbaik dari Bank Danamon Syariah.²⁶⁶

3.3. Kesimpulan

Pada tahun 2002, Bank Danamon Syariah telah ditubuhkan dengan Pejabat Cawangan Syariah yang pertama di Ciracas, Jakarta Timur. Dalam menjalankan perniagaanya, Bank Danamon Syariah melaksanakan sistem kongsi-hasil, jual beli dan simpanan sehingga tidak terpengaruh oleh naik turun (fluktuasi) suku bunga serta dikendalikan oleh sumber daya insani yang memiliki semangat bekerja yang tinggi dengan berlandaskan pada sifat *siddīq* (jujur), *tablīgh* (menyampaikan), *faṭānah* (cerdik), *amānah* (dapat dipercaya) dan *itqān* (profesional).

Dengan hadirnya Bank Danamon Syariah, diharapkan dapat memenuhi keperluan masyarakat kepada produk dan perkhidmatan perbankan yang berasaskan pada prinsip-prinsip perniagaan secara *islāmi*, *halāl*, dan tidak mengamalkan sistem *ribā* (membungakan wang), *gharār* (ketidakjelasan/ manipulatif) maupun *maysīr* (spekulasi/ perjudian).

Oleh kerana itu, pada tanggal 18 Julai 2007, dengan kerja sama MasterCard, PT Bank Danamon Indonesia Tbk. (Bank Danamon) telah melancarkan produk kad

²⁶⁶ PT Bank Danamon Indonesia Tbk (Bank Danamon) dan PT Panin Life Tbk (Panin Life), Siaran Pers/ Press Release No. 24/Ix/Humas-Bdi/2007, *Bank Danamon Syariah Lancarkan Dirham Shield*, Jakarta, 19 September 2007.

kredit syariahnya yang diberi nama Dirham Card, kad kredit syariah pertama di Indonesia.

Dirham Card adalah kad kredit syariah yang serupa dengan kad kredit konvensional lainnya, dengan manfaat dan kegunaan yang sama dan boleh digunakan untuk bertransaksi dimanapun dengan mekanisme yang sama seperti kad kredit biasa. Tetapi Dirham Card memiliki kelebihan-kelebihan daripada kad kredit konvensional lainnya, kelebihan dari Dirham Card ini iaitu:

1. Tanpa Bunga. Sekiranya pelanggan Dirham Card menggunakan kad kreditnya untuk melakukan pembelian, namun ia tidak membayar seluruh bilnya, ia tidak akan dikenakan bunga, tetapi ia akan dikenakan kos sewa (*Ijārah*) penggunaan perkhidmatan kad kredit.
2. Perbezaan Dirham Card dengan kad kredit konvensional yang lainnya ialah, kad kredit konvensional melaksanakan sistem bunga yang berjalan sejak tarikh transaksi, oleh itu sekiranya terdapat bil yang belum dibayar sepenuhnya, bunga bil kad kredit konvensional terus berlipat dan menggulung terus, model bunga-berbunga beginilah sumber keuntungan terbesar untuk bank konvensional, manakala Dirham Card tidak seperti itu.
3. Pelayanan yang sangat baik, antaranya ialah; rangkaian Mastercard yang boleh diterima dimana-mana, pembayaran dapat melalui ATM Bank Danamon atau “ATM Bersama”, tersedia program discount di *merchant Islāmi*, pembayaran zakat fitrah, kemudahan *Cash Advance*, *Dirham Shield* (dengan syarikat Panin Life Syariah) dan *Autopay*, pembayaran bil bulanan seperti; air, elektrik, telefon, televisi, dan pembayaran lainnya.

Secara amalan, perbezaan kad kredit konvensional yang lain dengan Dirham

Card boleh diterangkan pada jadual berikut:

Jadual 3.7: Perbezaan Kad Kredit Konvensional Dengan Dirham Card

No.	Perbezaan	Kad Kredit Konvensional	Dirham Card
1.	Tujuan Penggunaan	Bebas penggunaannya, sama ada untuk yang halal mahupun yang haram	Hanya untuk kegiatan syariaah, tidak boleh untuk penggunaan yang berlebihan
2.	Cagaran (<i>Goodwill Investment</i>), Deposit	Tidak ada	Diperlukan cagaran/ deposit 5% - 10% dari had kredit. Berfungsi sebagai <i>buffer</i> jika terjadi <i>default</i>
3.	Sekatan Penggunaan	Bebas	Sekatan terhadap merchant halal sahaja (<i>by system</i>) dan dikuat kuasakan dalam kontrak/ akad
4.	Kos Terlewat Pembayaran	Denda dalam % (sebagai <i>income bank</i>)	Denda <i>ta'wid</i> untuk administrasi (<i>fix</i>) dan denda dalam %. (bukan sebagai <i>income bank</i> , diagihkan untuk <i>social charity</i>)
5.	Yuran Keahlian	<i>Annual Fee</i> (yuran tahunan)	<i>Annual Fee</i> dan <i>Monthly Fee</i> yang ringan (<i>monthly fee</i> sebagai asas untuk pengurusan ansuran)
6.	Konsep Ansuran	Bunga	<i>Cash Rebate</i> (penolakan yuran keahlian setiap bulan)
7.	Pengeluaran Wang Tunai	Kos dalam % (bunga lebih tinggi dari penggunaan untuk kredit)	Tidak menggunakan sistem bunga, hanya penolakan yuran keahlian bulanan.

Sumber: Bank Danamon Syariah (2009). Diubahsuai oleh penulis²⁶⁷

²⁶⁷ Bank Danamon Syariah (2009), Buku Panduan Dirham Card, Syariah Sales Kit dan Formulir Aplikasi Dirham Card.

BAB EMPAT
PRINSIP SYARIAH DALAM PENCIPTAAN DAN PELAKSANAAN
KAD KREDIT

4.1.Pengenalan

Kad kredit pada masa sekarang ini sudah menjadi suatu keharusan dalam hidup sehari-hari, utamanya masyarakat yang berada di bandar besar. Tidak hanya orang dewasa yang memilikinya, remaja pun sudah terbiasa melakukan urusan dengan kad kredit. Bagaimana dengan kad kredit syariah? Apakah ini mungkin dilaksanakan? Esensi dari kad kredit bermula dari praktis, aman, dan fleksibel. Meskipun masih mendatangkan berbagai kontroversi, kerana ramai dari para pemegang kad kredit menjadi '*besar pasak daripada tiang*'.²⁶⁸ Di tengah kontroversi ini muncul beberapa wacana berkenaan dengan penerbitan kad kredit syariah, ada yang berpakat dan ada pula yang sebaliknya. Pihak perbankan syariah misalnya, ada yang menyatakan dukungan, ada pula yang tidak mendukung program kad kredit syariah ini.

Penciptaan kad kredit syariah itu muncul kerana perbankan syariah ingin *compete* (bersaing) dengan perbankan konvensional. Ini sangat diperlukan dalam menghadapi persaingan yang begitu kuat dari perbankan konvensional. Kad kredit diperlukan untuk pengembangan produk perbankan dan diperlukan bagi sejumlah bank syariah atau bank konvensional yang memiliki unit syariah yang bergerak di sektor perbankan komersial (*Commercial banking*). Di antaranya adalah Bank Danamon yang membuka cawangannya di Unit Usaha Syariah.²⁶⁹

²⁶⁸ Peribahasa Indonesia. Istilah yang menggambarkan seseorang yang memiliki pengeluaran lebih besar dari pendapatannya.

²⁶⁹ Bank Indonesia (September 2008), "Direktori Perbankan Indonesia 2007", Interaktif CD ROOM, Vol. 9.

Dengan adanya kad kredit syariah, maka divisi syariah ini memiliki potensi dan daya untuk meningkatkan jumlah pelanggan pembiayaannya dan mampu memberikan alternatif pengganti kad kredit konvensional yang sudah jelas dengan praktik ribawi didalam dunia perbankan. Selain daripada itu, dana pembiayaan yang disalurkan juga akan meningkat secara automatik seiring dengan meningkatnya pelanggan bank yang menggunakan kad kredit syariah.²⁷⁰

4.2. Prinsip Syariah Secara Am

Dalam penciptaan dan pelaksanaan kad kredit syariah memiliki hubungan erat dengan prinsip syariah yang diajarkan oleh agama Islam. Kad kredit syariah yang diterbitkan oleh suatu bank ataupun institusi kewangan lainnya memerlukan suatu pemikiran yang benar-benar dan pengubahsuaian suatu model konvensional yang disesuaikan dengan apa yang diajarkan oleh agama Islam, bukan hanya sekadarkan namanya sahaja kad kredit syariah, tetapi dalam pelaksanaannya tidak ada beza dengan kad kredit konvensional lainnya. Inilah yang menjadi cabaran besar bagi para pemikir ekonomi syariah utamanya para pelaksana ekonomi syariah yang berada di *front side* berhadapan dengan masyarakat ramai. Memanglah kemampuan seorang manusia tidak akan mencapai kepada kesempurnaan, paling tidak telah berusaha secara maksimal untuk memberikan yang terbaik. Diharapkan dengan hadirnya produk kad kredit syariah ini dapat memenuhi keperluan masyarakat akan produk dan perkhidmatan perbankan yang berasaskan pada prinsip-prinsip niaga secara islami, halal, tidak menganut sistem riba (membungakan wang), *gharār* (ketidakjelasan/ manipulasi) maupun *maysīr* (spekulasi/ perjudian).²⁷¹

²⁷⁰ *Ibid.*

²⁷¹ Abdullah al-Mushlih, Shalah ash-Shawi (2004), *op.cit.*

Sesuai dengan apa yang dituliskan di dalam Undang-Undang Republik Indonesia tentang perbankan syariah, bahawa prinsip syariah iaitu prinsip hukum Islam dalam kegiatan perbankan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh institusi yang berwenang dalam penetapan fatwa di bidang syariah.²⁷² Maka penciptaan dan pelaksanaan kad kredit syariah hendaklah mengikuti apa yang telah diputuskan didalam Undang-Undang Republik Indonesia dan Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia dengan menggunakan skim transaksi-transaksi yang telah ditentukan yang berhubung kait dengan kad kredit syariah, antaranya: transaksi sewa-menyewa dalam bentuk *ijārah*, transaksi pinjam-meminjam dalam bentuk piutang *qard*, dan akad lainnya yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah.²⁷³

Dengan demikian, masyarakat dapat menikmati layanan perbankan yang sesuai dengan syariah Islam dimana hal itu secara bathiniah akan menciptakan ketenangan hati dan pikiran, kerana dananya akan dilaburkan kembali kepada perniagaan atau hal-hal yang membawa kemaslahatan bagi masyarakat banyak, dan terbebas dari unsur ribā.

4.3. Prinsip-prinsip Syariah Yang Digunapakai Dalam Dirham Card

Terdapat tiga prinsip syariah yang diguna pakai dalam Dirham Card, yang menjadikannya sebagai kad kredit pertama di Indonesia dengan menggunakan prinsip syariah dalam pelaksanaannya. Tiga jenis skim perjanjian yang menjadi dasar kesyariahnya Dirham Card iaitu: sewa atas perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan, penjaminan atas transaksi dengan *merchant*, atau pinjaman dana atas fasilitet penarikan wang tunai.²⁷⁴

²⁷² Afnil Guza, S.S (Ogos 2008), *Undang-Undang Perbankan Syariah*. Jakarta: Asa Mandiri, h. 4-5.

²⁷³ *Ibid.* h. 12.

²⁷⁴ Siaran Pers/ Press Release (15 Ogos 2007), *op.cit*, h. 2.

Atas skim yang dipilihnya, bank syariah penerbit kad mengenakan *fee* kepada pemegang kad. Bagaimana menetapkan *fee* tersebut? Untuk fasilitet transaksi dengan *merchant*, besarnya *fee* didasarkan pada nilai transaksi sehingga bersifat *fluktuatif* atau tidak tetap. Meskipun komponen *fee* banyak, namun dari sisi nominal, *fee* yang dikenakan oleh kad kredit syariah lebih rendah dibandingkan suku bunga yang dikenakan oleh kad kredit konvensional. Jadi pengguna kad kredit syariah dapat menikmati keuntungan dari lebih rendahnya *fee* tersebut dibandingkan dengan kad kredit lain. Ketiga skim yang digunapakai oleh kad kredit syariah milik Bank Danamon Syariah iaitu: *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qard al-Ḥasan*.²⁷⁵

4.3.1. *Ijārah*

4.3.1.1. Definisi dan Konsep

Sebagaimana yang telah dibahas pada bab sebelumnya, Dirham Card menggunakan prinsip syariah dalam pelaksanaannya, prinsip pertama yang dipakai oleh Dirham Card iaitu prinsip *Ijārah*. Ramai yang memberikan definisi tentang *ijārah*, antaranya iaitu:

الإِجَارَةُ هِيَ الْعَقْدُ عَلَى تَمْلِيكِ الْمَنَافِعِ بِعَوَضٍ سَوَاءٍ أَمَا كَانَ الْعَوَضُ عَيْنًا أَوْ دَيْنًا أَوْ مَنَفَعَةً.²⁷⁶

Maksudnya, *ijārah* (*tenancy*) ialah suatu akad untuk mendapatkan berbagai manfaat dengan memberikan ganti (bayaran), sama ada ganti tersebut secara tunai, hutang ataupun dalam bentuk manfaat lainnya.²⁷⁷

²⁷⁵ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *ibid*.

²⁷⁶ Ali Ibn Muhammad al-Jum‘ah (2000), *Mu‘jam al-Muṣṭalḥāt al-Iqtiṣādiyyah al-Islāmiyah*, cet. 1. Riyāḍ: Maktabah al-‘Abikān, h. 27-28; Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf al-Fairūzbādī al-Syairāzī (1995), *al-Muḥadḍab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 2. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 243; Muwaffiq al-Dīn Abī Muhammad ‘Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī (2003), *‘Umdat al-Fiqh fi al-Madḥab al-Ḥanbalī*. Bairut: Maktabah al-‘Aṣriyah, h. 65; Al-Imām ‘Alāu al-Dīn Abī Bakri Mas‘ūd al-Kasānī (2003), *Badāi‘ wa al-Ṣanāi‘ fi Tartīb al-Syarāi‘*, j. 5. Bairut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 511.

²⁷⁷ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

Mahmud Yunus dalam bukunya menyatakan:²⁷⁸

الإجارة هي عقدٌ على منفعةٍ مقصودةٍ معلومةٍ قابلةٌ للتبدلِ والإباحةِ بعوضٍ معلومٍ.

Yang maksudnya: *ijārah* iaitu suatu kontrak bagi memperolehi sesuatu manfaat untuk suatu tempoh yang ditetapkan dengan bayaran yang telah diketahui.²⁷⁹

Definisi *ijārah* lainnya iaitu: *a lease agreement whereby a bank or financier buys an item (like a building, equipments, etc) for a customer and then leases it to him over a specific period, thus earning profits for the bank by charging rental.*²⁸⁰ Yang ertinya, sebuah akad sewa yang mana bank atau pemilik modal membeli suatu barangan (seperti bangunan, peralatan, dll) untuk pelanggannya, kemudian disewakan dengan tempoh masa yang tertentu, sehingga bank mendapatkan keuntungan dari pembayaran sewa.²⁸¹

Sedangkan menurut Fatwa DSN-MUI, *ijārah* iaitu: akad pemindahan hak guna (manfaat) atas suatu barang dalam waktu tertentu dengan pembayaran sewa (*ujrah*), tanpa diikuti dengan pemindahan kepemilikan barang itu sendiri.²⁸² Sedangkan menurut Ascarya (2008) *ijārah* iaitu akad yang dilakukan atas asas suatu manfaat dengan imbalan atau upah perkhidmatan.²⁸³ Selain itu, menurut Ala' Eddin Kharofa (1997) definisi akad ini membawa makna suatu kontrak ke atas penggunaan manfaat atau perkhidmatan untuk mendapatkan balasan atau bayaran.²⁸⁴

²⁷⁸ Mahmud Yunus (t.t), *Al-Fiqh Al-Wadiah. Jilid 2*. Bandung: al-Ma'arif Press. Indonesia, h. 50.

²⁷⁹ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

²⁸⁰ Bala Shanmugan (1955), *Encyclopedia Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn. Bhd, h. 252.

²⁸¹ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

²⁸² *Himpunan Undang-Undang dan Peraturan Pemerintah Tentang Ekonomi Syariah dan Fatwa Dewan Syariah Nasional Tentang Produk Perbankan Syariah*. Yogyakarta: Pustaka Zeedny, h. 157.

²⁸³ Ascarya (2008), *Akad dan Produk Bank Syariah*, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, h. 99.

²⁸⁴ Ala' Eddin Kharofa (1997), *Transaksi Dalam Perundangan Islam*. Hailani bin Muji Tahir (terj.), c.1. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. 112. Lihat Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, j. 5, h. 433.

Manakala hukum daripada *ijārah* iaitu dibolehkan (*jāiz*) dengan alasan kerana Nabi SAW pernah melakukannya terhadap seorang lelaki dari kaum Bani Addīl.²⁸⁵ Sebagai asas hukum syar’i yang membolehkan akad *ijārah* ini dapat dipelajari dari ayat al-Qur‘ān dan al-hadīth berikut:

... وَإِن أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْرَضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ

بِالْعُرُوفِ ۗ وَأَتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

Surah Al-Baqārah (2) 233

Maksudnya: “Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) Yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut”.


Yang dijadikan asas dalil dari ayat diatas iaitu perkataan “apabila kamu memberikan pembayaran yang patut”. Ayat tersebut menunjukkan bahawa adanya perkhidmatan yang diberikan dan dibalas dengan membayarkan ujrāh yang berpatutan. Dalam hal ini terjadilah proses *ijārah*, ada pihak yang menyediakan perkhidmatan, dan ada pula pihak yang menggunakan perkhidmatan. Konsep *ijārah* pada amnya digunakan dengan berasaskan kepada rukun-rukun *ijārah* yang ada tiga, antara rukun-rukun *ijārah* iaitu:

- a. *Al-āqidāni* (*al-mu’jir* dan *al-musta’jir*) maka di dalam Dirham Card, pemegang kad iaitu sebagai *al-musta’jir*, manakala bank dan MasterCard sebagai *al-mu’jir*.

²⁸⁵ Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*, h. 50; Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf al-Fairūzbādī al-Syairāzī (1995), *op.cit.*, h. 243; Muwaffiq al-Dīn Abī Muhammad ‘Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī (2003), *op.cit.*, h. 65; Al-Imām ‘Alāu al-Dīn Abī Bakri Mas’ūd al-Kasānī (2003), *op.cit.*, h. 511.

- b. *Al-ma'qūd 'alayh (al-ujroh dan al-manfa'ah)*
- c. *Al-ṣīghah (al-ijāb dan al-qabūl)*²⁸⁶

Rajah 4.1: Aliran Transaksi Skim *Ijārah* dengan Objek Perkhidmatan



Sumber: Sunarto Zulkifli (2007)

Untuk transaksi yang menggunakan skim *ijārah* dengan objek perkhidmatan, seperti pada rajah 4.1, pada tahapan pertama, pelanggan melakukan permohonan kepada bank untuk mendapatkan Dirham Card, setelah disetujui oleh bank, maka pelanggan akan membayar biaya sewa (*ijārah*) Dirham Card sesuai dengan akad yang telah disepakati bersama. Seterusnya, pelanggan (*musta'jir*) dapat menggunakan fasiliti dan perkhidmatan yang diberikan dari bank (*mu'jir*).²⁸⁷

4.3.1.2. Aplikasi *Ijārah* dalam Dirham Card

Pada asasnya proses penerbitan kad kredit syariah khususnya pada Dirham Card yang dikeluarkan oleh Bank Danamon Syariah memakai akad *Ijārah* yang merupakan perjanjian sewa-menyewa atas suatu barang atau upah-mengupah atas suatu

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ Sunarto Zulkifli (2007), *Panduan Praktis Transaksi Perbankan Syariah*, Cet.3, Jakarta: Zikrul Hakim, h. 45.

perkhidmatan dalam waktu tertentu melalui pembayaran sewa atau imbalan perkhidmatan. Hal ini sangat sesuai untuk digunapakai sehingga dalam pelaksanaan akad *ijārah* ini pada kad kredit syariah tidak menimbulkan *ribā* (bunga) seperti halnya pada kad kredit bank konvensional yang memang diharamkan hukumnya.

Dalam penerapan akad dan ketentuan objek *ijārah*, pemberian kredit pada pelanggan Dirham Card dapat diwujudkan dengan beberapa pihak yang terlibat. Diantaranya, Bank penerbit kad kredit syariah bertindak sebagai pemberi manfaat perkhidmatan dengan memberikan perkhidmatannya yang diwujudkan berupa penyediaan perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan terhadap pemegang kad kredit syariah (pengguna perkhidmatan) yang nantinya atas perjanjian ini pemegang kad dikenakan biaya keahlian (*membership fee*) sama ada biaya bulanan mahupun biaya tahunan yang dianggap sebagai imbalan perkhidmatan (*ujrah*) terhadap pemakaian perkhidmatan sistem yang telah diberikan oleh Bank bekerjasama dengan penyedia infrastruktur kad kredit iaitu MasterCard. Namun, dalam sistem penghitungan *monthly membership fee* tidak sepenuhnya ditanggung oleh pemegang kad, pada penghitungannya juga dikenal *cash rebate* dan *cash reward* yang boleh membantu mengurangi jumlah dari *monthly membership fee* setiap bulannya. *Cash rebate* disini adalah pembayaran kembali sejumlah wang oleh pihak bank yang bergantung dengan banyaknya jumlah pembayaran terhadap tagihan pada bulan tersebut (*Depend on Payment*) oleh pemegang kad.²⁸⁸

Sedangkan *cash reward* bergantung pada pemakaian pada setiap transaksinya (*Depend on Usage*). Bahkan, apabila tidak dipakai untuk bertransaksi sama sekali, maka bank akan secara automatik memotong *monthly membership fee* sehingga habis

²⁸⁸ Puan Aris Inayati, Marketing Dirham Card Bank Danamon. Temubual pada 20 November 2009

dikurangi, dengan kata lain tidak perlu membayar *monthly membership fee* pada bulan tersebut. Sehingga dalam penerapannya, sifat dari pengenaan *monthly membership fee* tidak memberatkan pihak pelanggan bank atau pemegang Dirham Card.²⁸⁹

Ketika suatu masa terjadi perselisihan atau perkara antara pihak-pihak yang terlibat didalam urusan Dirham Card, untuk menyelesaikan perselisihan pada pembiayaan *ijārah* dalam kad kredit syariah ini dapat dilakukan melalui proses musyawarah untuk mencapai mufakat. Apabila tidak tercapai kata mufakat, maka dapat dilanjutkan pada proses penyelesaian sengketa ke institusi arbitrase syariah atau lebih dikenal dengan BASYARNAS (Badan Arbitrase Syariah Nasional) dengan persetujuan bersama dalam waktu tertentu. Dalam penerapannya, setiap konflik yang muncul antara pelanggan dengan bank, jenisnya dapat bermacam-macam dan pilihan penyelesaian yang sepenuhnya akan diserahkan kepada para pihak yang terkait dalam menyelesaikan konfliknya.²⁹⁰

4.3.2. Kafālah

Kafālah adalah akad kedua dari prinsip syariah yang digunakan dalam Dirham Card. Sebuah akad yang berupa pemberian jaminan oleh pihak bank kepada pelanggannya untuk menjamin penggunaan kad kredit dalam mengurusniaga dan keperluan lainnya oleh pihak yang dijamin. Dengan menggunakan akad ini diharapkan pengguna Dirham Card akan merasa lebih selesa dan senang dalam melakukan transaksi barangan mahupun perkhidmatan.

²⁸⁹ *Ibid.*

²⁹⁰ *Ibid.*

4.3.2.1. Definisi dan Konsep

Dalam menjalankan usahanya ataupun dalam berurusanniaga, seseorang kadangkala memerlukan penjaminan dari pihak lain. Utamanya penjaminan dalam hal kewangan, sama ada dari bank ataupun dari institusi kewangan lainnya. Bank Danamon Syariah, melalui akad *kafālah*-nya yang digunapakai dalam Dirham Card, telah berusaha untuk memberikan sebuah jaminan kewangan kepada pelanggannya secara maksimum. Suatu jaminan kewangan yang sama fungsi dan manfaatnya dengan jaminan kewangan yang diberikan bank-bank konvensional lainnya, bezanya, jaminan kewangan ini dilaksanakan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah Islam yang berasaskan pada al-qur‘ān dan al-hadith.²⁹¹

Kafālah dalam bahasa inggeris adalah *guaranty*,²⁹² sedang erti daripada *kafālah* iaitu jaminan, beban, atau tanggungan yang diberikan oleh penanggung (*kāfil*) kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajipan pihak kedua ataupun yang ditanggung (*makfūl ‘anhu*).²⁹³ Dalam *Mu‘jam al-Muṣṭalḥāt al-Iqtiṣādiyyah al-Islāmiyah*, pengertian *kafālah* dibahagikan kepada dua, iaitu secara *lughatan* dan *iṣṭilāḥan*.²⁹⁴

الْكَفَالَةُ لُغَةً: مَنْ كَفَلَ الْمَالَ وَبِالْمَالِ: ضَمَّنَهُ

Kafālah secara bahasa ertinya: *sesiapa yang menanggung harta dan dengan harta pula: dia menjadi penjamin*.²⁹⁵

²⁹¹ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *op.cit*, h. 2.

²⁹² Ascarya (2008), *op.cit*, h. 105.

²⁹³ Muhammad Syafi’i Antonio (2001), *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik*, cet.1, Jakarta: Gema Insani Press, h. 123.

²⁹⁴ Ali Ibn Muhammad al-Jum‘ah (2000), *op.cit*, h. 436-437; Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Ali Ibn Yūsuf al-Fairūzbādī al-Syairāzī (1995), *op.cit*, j. 2, h. 162; Muwaffiq al-Dīn Abī Muhammad ‘Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī (2003), *op.cit*, h. 58; Al-Imām ‘Alāu al-Dīn Abī Bakri Mas‘ūd al-Kasānī (2003), *op.cit*, j. 7, h. 389; Al-Imām Mālik Ibn Anas al-Aṣḥabī (1994), *al-Madūnah al-Kubra*, j. 4. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 96.

²⁹⁵ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

Manakala pengertian *kafālah* secara terminologi iaitu:

الْكَفَالَةُ فِي الْإِصْطِلَاحِ: هِيَ أَنْ يَلْتَزِمَ رَشِيدٌ بِإِحْضَارِ بَدَنِ مَنْ يَلْزِمُ حُضُورَهُ فِي مَجْلِسِ

الْحُكْمِ²⁹⁶

Maksudnya *Kafālah* secara terminologi iaitu: *melazimkan seseorang penjamin yang berkeupayaan untuk hadir, seperti seseorang yang dilazimkan kehadirannya dalam majlis hukum.*²⁹⁷

Menurut Bank Indonesia, *kafālah* adalah akad pemberian jaminan yang diberikan satu pihak kepada pihak lain dimana pemberi jaminan bertanggungjawab atas pembayaran kembali suatu hutang yang menjadi hak penerima jaminan.²⁹⁸ Manakala menurut Syafi'i Antonio (1999), *kafālah* bererti pemindahan tanggungjawab seseorang yang dijamin dengan berpegang pada tanggungjawab orang lain sebagai penjamin.²⁹⁹ Definisi *kafālah* lainnya iaitu menggabungkan satu jiwa kepada satu jiwa yang lain dari segi keperluan membuat tuntutan dan hutang piutang.³⁰⁰

Sebagai dasar hukum daripada akad *kafālah* ini dapat dipelajari dari ayat al-qur'ān yang mengisahkan Nabi Yusuf 'alaih salām,

قَالُوا نَفَقْدُ صَوَاعَ الْمَلِكِ وَلَمَن جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

Surah Yūsuf (12) 72

²⁹⁶ Ali Ibn Muhammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.*

²⁹⁷ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

²⁹⁸ Sunarto Zulkifli (2007), *Panduan Praktis Transaksi Perbankan Syariah*, Cet.3, Jakarta: Zikrul Hakim, h. 31.

²⁹⁹ Muhammad Syafi'i Antonio (1999), *Bank Syariah, Wacana Ulama & Cendikiawan*, Jakarta: Bank Indonesia dan Tazkia Institut, hal. 231.

³⁰⁰ Basri Ibrahim (2009), "Analisis Isu-Isu Muamalat Semasa Dalam Buku al-Mu'āmalāt al-Méliyyah al-Mu'āshirah Oleh Qal'ahjī", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 2, Mei – Ogos 2009, h. 400.

Maknanya: “Orang-orang menteri menjawab: Kami kehilangan cupak raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu”.

Landasan syariah dari pemberian fasilitas dalam bentuk akad *kafālah* pada ayat al-qur’ān diatas dilengkapi dengan hadits Rasulullah,

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُبِيَّ بِجَنَازَةٍ ... فَقَالَ هَلْ تَرَكَ شَيْئًا قَالُوا لَا قَالَ فَهَلْ عَلَيْهِ دَيْنٌ قَالُوا ثَلَاثَةٌ دَنَانِيرٍ قَالَ صَلُّوا عَلَيَّ صَاحِبِكُمْ قَالَ أَبُو قَتَادَةَ صَلَّى عَلَيْهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَعَلَيَّ دَيْنُهُ فَصَلِّ عَلَيْهِ.

Ertinya iaitu: *Telah dihadapkan kepada Rasulullah SAW, (mayat seorang lelaki untuk dishalatkan)... Rasulullah SAW bertanya “apakah dia mempunyai warisan?” Para sahabat menjawab, “Tidak.” Rasulullah kemudian bertanya lagi, “Apakah dia mempunyai hutang?” Sahabat menjawab “Ya, sejumlah tiga dinar.” Rasulullah pun menyuruh para sahabat untuk menshalatkannya (tetapi beliau sendiri tidak). Abu Qatadah lalu berkata, “Saya menjamin hutangnya, ya Rasulullah.” Maka Rasulullah pun menshalatkan mayat tersebut.*³⁰¹

Didalam akad *kafālah* ini, seorang penjamin boleh menerima imbalan (fee), sepanjang tidak memberatkan serta sesuai dengan rukun dan syarat *kafālah*.³⁰² Rukun *kafālah* tersebut iaitu:

- a. Pihak penjamin (*kāfīl*)
- b. Pihak yang dijamin (*makfūl*)


³⁰¹ Al-Imām al-Ḥāfidz Abū al-Faḍli Ahmad Ibn ‘Alī Ibnī Muhammad Ibn Muhammad Ibn ‘Alī al-Syahīr bi Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Hawālāt, bāb in ahalla dayn al-Mayyit ‘ala rajulin jāza, no. hadith 2289. Al-Ardan: Bayt al-Afkār al-Dauliyah, h. 1201.

³⁰² *Himpunan Undang-Undang dan Peraturan Pemerintah Tentang Ekonomi Syariah dan Fatwa Dewan Syariah Nasional Tentang Produk Perbankan Syariah*. Pustaka Zeedny. Yogyakarta. Hal.165-167.

c. Objek penjaminan (*makfūl 'alayh*)

d. Ijab qabūl (*ṣīghah*)³⁰³

Rajah 4.2: Skim Transaksi Kafālah³⁰⁴



Sumber: Muhammad Syafi'i Antonio (2001)

Untuk aliran skim *kafālah* seperti pada rajah 4.2 di atas, tahapan pertama pelanggan dan bank melakukan akad *kafālah* untuk suatu objek barangan ataupun perkhidmatan. Bank sebagai pihak penjamin (*kāfil*) dan pelanggan sebagai pihak yang dijamin (*makfūl*) atas objek penjaminan (*makfūl 'alayh*). Objek penjaminan haruslah jelas dan dapat dijamin serta tidak bertentangan dengan syariat Islam. Setelah disetujui oleh bank, maka pelanggan akan membayar kewajibannya kepada bank sesuai dengan akad yang telah disepakati bersama. Seterusnya, pelanggan (*makfūl*) dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan dengan akad *kafālah* yang diberikan dari bank (*kāfil*).³⁰⁵

³⁰³ Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*, h. 50; Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī Ibn Yūsuf al-Fairūzbādī al-Syairāzī (1995), *op.cit.*, h. 162; Muwaffiq al-Dīn Abī Muhammad 'Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī (2003), *op.cit.*, h. 58; Al-Imām 'Alāu al-Dīn Abī Bakri Mas'ūd al-Kasānī (2003), *op.cit.*, j. 7, h. 389; Al-Imām Mālik Ibn Anas al-Aṣḥāhī (1994), *op.cit.*, h. 96.

³⁰⁴ Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik*, Cet.1, Jakarta: Gema Insani Press, h. 125.

³⁰⁵ *Ibid.*

4.3.2.2. Aplikasi *Kafālah* dalam Dirham Card

Pada skema *Kafālah*, Bank Danamon Syariah selaku penerbit kad bertindak sebagai penjamin (*kāfil*) bagi pemegang kad terhadap merchant atas semua kewajiban bayar (*dayn*) yang timbul dari transaksi. Transaksi tersebut terjadi antara pemegang kad dengan merchant dan atau penarikan tunai dari selain bank atau ATM bank penerbit kad. Atas pemberian *Kafālah*, penerbit kad menerima imbal perkhidmatan (*ujrah kafālah*). Pada skim *Kafālah*, Bank Danamon Syariah selaku penerbit kad bertindak sebagai penjamin (*kāfil*) bagi pemegang kad terhadap merchant atas semua kewajiban bayar (*dayn*) yang timbul dari transaksi. Transaksi tersebut terjadi antara pemegang kad dengan merchant dan atau penarikan tunai dari selain bank atau ATM bank penerbit kad. Atas pemberian *Kafālah*, penerbit kad menerima imbalan perkhidmatan (*ujrah kafālah*).³⁰⁶

Seperti yang telah diterangkan sebelumnya, apabila terjadi perselisihan antara pihak-pihak yang terlibat didalam urusan ini, untuk menyelesaikannya dapat dilakukan melalui proses musyawarah untuk mencapai muafakat. Apabila tidak tercapai kata muafakat, maka dapat dilanjutkan pada proses penyelesaian perkara ke institusi arbitrase syariah atau lebih dikenal dengan BASYARNAS (Badan Arbitrase Syariah Nasional) dengan persetujuan bersama dalam waktu tertentu.³⁰⁷

4.3.3. *Qard al-Hasan*

Qard al-Hasan adalah prinsip syariah yang ketiga yang diguna pakai dalam Dirham Card. Dengan akad ini, pemegang Dirham Card dibenarkan untuk melakukan penarikan wang tunai dari mesin ATM Bank Danamon ataupun dari mesin ATM bank lainnya. Walaupun bank syariah adalah institusi komersial, tetapi harus dapat berperan

³⁰⁶ Puan Aris Inayati, Marketing Dirham Card Bank Danamon. Temubual pada 20 November 2009.

³⁰⁷ *Ibid.*

sebagai institusi sosial yang dapat meningkatkan perekonomian secara maksima. Dan salah satu fasilitas yang boleh dilakukan oleh institusi keuangan syariah iaitu penyaluran dana melalui prinsip *al-qarḍ*. Iaitu suatu akad pemberian pinjaman kepada pelanggan dengan ketentuan bahawa pelanggan wajib mengembalikan dana yang telah diterimanya kepada bank pada waktu yang telah disepakati dalam perjanjian antara bank dan pelanggan.³⁰⁸

4.3.3.1. Definisi dan Konsep

Secara am, *al-qarḍ* boleh diertikan pemberian harta kepada orang lain yang dapat ditagih atau diminta kembali. Lebih ringkas lagi, *al-qarḍ* boleh dikatakan meminjamkan harta tanpa mengharapkan imbalan, atau akad saling membantu dan bukan transaksi komersial. Akad *qarḍ* dibolehkan oleh para ulama berasaskan kepada al-qurʿān dan al-hadīth serta ijma para ulama.³⁰⁹

Dalam *Muʿjam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisādiyyah al-Islāmiyah*, pengertian *al-qarḍ* dibahagikan kepada dua, iaitu secara *lughatan* dan *iṣṭilāhan*.

الْقَرْضُ فِي اللَّغَةِ: مَصْدَرٌ قَرْضَ الشَّيْءِ يُقْرَضُهُ: إِذَا قَطَعَهُ³¹⁰

Maksudnya: *al-qarḍ* dalam bahasa iaitu *maṣḍar* dari kata قَرْضَ ertinya memotong.³¹¹

³⁰⁸ *Himpunan Undang-Undang dan Peraturan Pemerintah Tentang Ekonomi Syariah dan Fatwa Dewan Syariah Nasional Tentang Produk Perbankan Syariah*. Yogyakarta: Pustaka Zeedny, h. 179.

³⁰⁹ Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 131.

³¹⁰ Ali Ibn Muhammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.*, h. 426; Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī Ibn Yūsuf al-Fairūzbādī al-Syairāzī (1995), *op.cit.*, h. 226; Muwaffiq al-Dīn Abī Muhammad 'Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī (2003), *op.cit.*, h. 56-57; Al-Imām 'Alāu al-Dīn Abī Bakri Mas'ūd al-Kasānī (2003), *op.cit.*, h. 595; Al-Imām Mālik Ibn Anas al-Aṣḥabī (1994), *op.cit.*, h. 629.

³¹¹ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

الْقَرْضُ إِصْطِلَاحًا هُوَ: دَفْعُ مَالٍ إِزْفَاقًا لِمَنْ يَنْتَفِعُ بِهِ وَيُرَدُّ بَدَلُهُ³¹²

Maksudnya: *al-qard* secara terminologi adalah memberikan harta untuk memberikan manfaat kepada orang yang memerlukannya dan mengembalikan kembali sebagai pengganti.³¹³

Pengertian *al-qard al-hasan (benevolent loan)* lainnya adalah suatu pinjaman ringan yang diberikan atas asas kewajiban sosial, yang mana peminjam tidak dituntut untuk mengembalikan apapun kecuali modal asal pinjaman.³¹⁴

Dalam perbankan syariah akad *qard* adalah akad yang berbentuk pinjaman yang dilaksanakan tanpa bunga, kerana bunga dilarang dalam agama Islam dan sifatnya pinjaman sosial bukan pinjaman komersial. Walaupun bersifat sosial, seorang peminjam wajib mengembalikan pinjamannya sesuai dengan waktu dan perjanjian yang telah dibuat.³¹⁵

Pada pelaksanaannya, *al-qard* adalah pinjaman yang diberikan kepada pelanggan (*muqtarid*) yang memerlukan bantuan kewangan, seterusnya pelanggan *al-qard* wajib mengembalikan jumlah asal yang diterima pada waktu yang telah disepakati bersama. Untuk biaya pengurusan boleh dibebankan kepada pelanggan dan pihak bank dapat meminta jaminan atau cagaran kepada pelanggan bilamana perlu. Jika pelanggan *al-qard* tidak dapat mengembalikan sebahagian atau seluruh kewajibannya pada saat yang telah disepakati dan pihak bank telah memastikan ketidakmampuannya, maka

³¹² Ali Ibn Muhammad al-Jum'ah (2000), *op.cit*.

³¹³ Diterjemahkan secara bebas oleh penulis kajian.

³¹⁴ Muhammad (2000), *Sistem dan Prosedur Operasional Bank Syariah*, Cet. 1, Yogyakarta: UII Press, h. 41.

³¹⁵ Ascarya (2008), *op.cit*, h. 46-48.

bank boleh memperpanjang jangka waktu/ tempoh pengembalian ataupun menghapus (*write off*) sebahagian atau seluruh kewajiban pelanggan.³¹⁶

Al-qard berasal dari bahasa arab yang maksudnya memiliki sesuatu untuk dikembalikan seperti sedia kala. Dalam Kitab *Fiqh al-Wādiḥ* diterangkan erti daripada *al-qard*:

الْقَرْضُ هُوَ تَمْلِيكَ الشَّيْءِ عَلَى أَنْ يَرَدَّ مِثْلَهُ

Maksudnya: *al-qard* iaitu memiliki sesuatu untuk dikembalikan seperti sedia kala atau seperti awalnya.³¹⁷

Manakala kata *qard* dalam bahasa romawi iaitu *credo*, dalam bahasa inggeris *credit*. Objek daripada *qard* ini biasanya adalah wang ataupun alat tukar lainnya yang merupakan transaksi urusanniaga murni syariah tanpa bunga. Pinjaman ini biasanya diberikan oleh bank kepada pelanggannya sebagai fasilitet pinjaman dan dapat pula berupa pembiayaan untuk memudahkan pelanggan mengurusniaga.³¹⁸

Selain daripada itu, diterangkan di dalam al-qur'ān surah al-Hadīd yang berbunyi:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقرضُ اللهَ قرضًا حسنًا فيضعفه له أجرًا كريمًا

Surah Al-Hadīd (57) 11

Ertinya: *Siapakah yang ingin meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, Allah akan melipatgandakan (balasan) pinjaman itu untuknya dan dia akan memperoleh pahala yang banyak.*

³¹⁶ *Ibid.*

³¹⁷ Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 42.

³¹⁸ Ascarya (2008), *op.cit.*

Begitu lengkapnya al-qur‘ān memberikan petunjuk kepada umat Islām. Dari surah di atas, boleh dijadikan dalil berkenaan dengan akad *qarḍ*, ayat ini mengajak kita untuk “meminjamkan kepada Allah pinjaman”, ertinya mengajak kita untuk menggunakan harta di jalan Allah. *Mafhūm al-Muwāfaqah* dari “meminjamkan kepada Allah pinjaman” iaitu, manusia sebagai khalifah di bumi ini diperintahkan untuk meminjamkan hartanya kepada sesama manusia sebagai bahagian dari kehidupan bermasyarakat (*Mu‘āmalah ma‘a al-Nās*).

Maka hukum daripada *qarḍ* ini adalah *sunnah muakkadah*, sesuai dengan hadith Rasulullah SAW yang bunyinya:³¹⁹

وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Yang ertinya: *Dan Allah akan menolong hambanya sehingga hamba (tersebut) menolong saudaranya.*

Dalil syar‘i dari bentuk akad *qarḍ* pada ayat al-qur‘ān diatas dilengkapi dengan hadith Rasulullah SAW lainnya, iaitu:

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُقْرِضُ مُسْلِمًا قَرْضًا

مَرَّتَيْنِ إِلَّا كَانَ كَصَدَقَتِهَا مَرَّةً

Maksudnya: *Ibnu Mas‘ud meriwayatkan bahawa Nabi saw. berkata, “Bukan seorang muslim (mereka) yang meminjamkan muslim (lainnya) dua kali kecuali yang satunya adalah (senilai) sedekah”*.³²⁰

³¹⁹ Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*

³²⁰ Muhammad Fuād ‘Abdu al-Bāqī, *Sunan Ibn Mājah*, j.2. Kitāb al-Ṣadaqāt, bāb al-Qarḍ, no. hadith 2430. Dār Ihyā al-Kutub al-‘Arabiyah, h. 812.

Sementara untuk rukun daripada *qard* yang harus dipenuhi dalam transaksi ada empat, iaitu:³²¹

- a. Pemberi pinjaman (*Al-muqrid/ al-dāyn*)
- b. Peminjam (*Al-muqtariḍ/ al-madīn*)
- c. Objek (*Al-muqrad/ al-dayn*)
- d. *Al-ṣīghah (ijāb dan qabūl)*

Oleh kerana itu, diwajibkan kepada *al-muqtariḍ* untuk mengembalikan apa yang telah dipinjamnya serupa sedia kala pada awal melakukan pinjaman meskipun pelaksanaan *qard* ini bersifat pinjaman sosial. Apabila *al-muqtariḍ* meminjam wang sejumlah RM1,000 maka wajib atasnya untuk mengembalikan RM1,000 pula. Tidak dibenarkan melakukan pinjaman atas wang ataupun benda lainnya dan mengembalikan lebih banyak dari apa yang telah dipinjam sebelumnya. Seakan-akan *al-muqrid* tidak ikhlas memberikan pinjaman kepada *al-muqtariḍ* kecuali dengan syarat mengembalikan wangnya menjadi RM1,100 sebagai pengganti wang yang asal RM1,000, ini adalah *ribā* dan *ribā* adalah haram hukumnya. Apabila seorang *al-muqtariḍ* mengembalikan wang pinjamannya kepada *al-muqrid* lebih banyak dari pinjaman awalnya, tetapi tidak disyaratkan pada akad pinjaman, maka itu dibolehkan.³²²

Dalam hal pelanggan yang tidak menunjukkan keinginan mengembalikan sebagian atau seluruh kewajibannya kepada bank dan bukan kerana tidak mampu, pihak bank dapat menjatuhkan hukuman atau denda kepada pelanggan. Hukuman boleh berupa penjualan barang cagaran/ jaminan, jika jaminan tersebut tidak mencukupi, maka pelanggan tetap harus memenuhi kewajibannya secara penuh.


³²¹ Mahmud Yunus (t.t), *op.cit.*

³²² Ascarya (2008), *op.cit.*, h. 46-47.

4.3.3.2. Aplikasi *Qard al-Hasan* dalam Dirham Card

Pada rajah 4.3 dibawah ini, dijelaskan skim akad *Qard* dalam Dirham Card. Pihak Bank Danamon Syariah adalah pemberi pinjaman (*al-muqrid*) kepada pemegang Dirham Card (*al-muqtarid*) melalui penarikan tunai dari bank atau ATM bank penerbit kad. Pemegang kad berkewajiban mengembalikan dana sejumlah yang ditarik pada waktu yang telah ditentukan dalam perjanjian yang telah dibuat semasa permohonan. Bezanya, dalam Dirham Card akan diberikan denda berupa biaya keterlambatan pembayaran sebesar 3% apabila pemegang kad kredit tidak dapat mengembalikan wang yang telah diambilnya melebihi had atau batas tarikh yang telah ditentukan setiap bulannya. Dana 3% ini bukan menjadi keuntungan ataupun milik bank, tetapi akan didermakan ke BAZNAS DD (Badan Amil Zakat Nasional Dompot Dhuafa), suatu institusi zakat di Indonesia sebagai salah satu rakanan kerja Bank Danamon Syariah.³²³

Rajah 4.3: Skim Transaksi *Qard*




Sumber: Bank Danamon Syariah

³²³ Siaran Pers/ Press Release, (15 Ogos 2007), *Bank Danamon Syariah Jalin Kerjasama Dengan Baznas Dompot Dhuafa*. No.21/VIII/Humas-BDI/2007. Jakarta, h. 2.

Seperti pada rajah 4.3 diatas, akad *qard* dalam Dirham Card terjadi bilamana pemegangnya melakukan penarikan wang tunai melalui bank atau mesin ATM. Bank memberikan pinjaman kepada pelanggannya sesuai dengan perjanjian bersama. Sementara itu, kewajiban pelanggan adalah untuk mengembalikan wang yang telah dipinjam dari bank dalam tempoh masa yang telah ditentukan. Untuk mengaktifkan Dirham Card, pelanggan diharuskan menyimpan “*Goodwill Investment*” di bank sebesar 10% dari limit atau had maksimum kredit tiap Dirham Card yang dimiliki. Dana pelaburan ini adalah sebagai cagaran yang akan dilaburkan kembali oleh bank kepada usaha ataupun perniagaan yang halal. Bank akan membahagikan keuntungan dari pelaburan ini secara perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau kongsi-hasil dengan perbandingan nisbah kongsi-hasil yang telah disepakati ketika melakukan perjanjian permohonan Dirham Card. Apabila pengguna Dirham Card terlambat untuk melakukan pembayaran dari tempoh masa yang telah ditentukan, maka akan mendapatkan denda sebesar 3% dari jumlah bil bulan tersebut. Denda ini bukan dikenal sebagai pendapatan bank, tetapi akan diperlakukan sebagai biaya *qardh al-hasan* yang kemudian akan didermakan ke BAZNAS DD (Badan Amil Zakat Nasional Dompot Dhuafa), suatu institusi zakat di Indonesia sebagai salah satu mitra kerjasama Bank Danamon.³²⁴

³²⁴ Puan Aris Inayati, Marketing Dirham Card Bank Danamon. Temu bual pada 20 November 2009.

Rajah 4.4: Skim Alur Transaksi Penggunaan Dirham Card³²⁵



Sumber: Bank Danamon Syariah

Alur transaksi penggunaan Dirham Card pada rajah 4.4 adalah:

- 1.a. Bakal pelanggan Dirham Card mengisi borang permohonan aplikasi. Maknanya, bakal pelanggan bersedia untuk mengikuti segala peraturan yang ditetapkan oleh Bank Danamon Syariah.
- 1.b. Sekiranya permohonan bakal pelanggan dipersetujui oleh Bank Danamon Syariah, maka dilakukan akad *Ijarah* antara pelanggan dan bank. Bank Danamon Syariah adalah sebagai penyedia perkhidmatan sistem kad kredit, manakala pelanggan adalah sebagai pengguna kemudahan yang diberikan oleh Bank Danamon Syariah.

³²⁵ Puan Rini Sundari, Pembentangan Bank Danamon Syariah. *Press Conference Grand Launching Syariah Card Bank Danamon Syariah*. Jakarta, 18 Julai 2007.

2. Pelanggan harus menyimpan sejumlah wang sebagai cagaran (*Goodwill investment*) di Bank Danamon Syariah. Simpanan ini tidak dapat digunakan selama menjadi pelanggan Dirham Card, bank akan melakukan sekatan untuk menjamin tuntutan bil kad kredit pelanggan.
- 3.a. Setelah dipersetujui oleh pihak bank, maka pelanggan telah dapat menggunakan Dirham Card untuk transaksi di *merchant* (akad *kafalah*) atau melakukan pengambilan wang tunai melalui ATM bank (akad *qard*).
- 3.b. *Merchant* atau bank melakukan proses pengesahan terhadap Dirham Card ke Bank Danamon Syariah. Berdasarkan akad *kafalah*, Bank Danamon Syariah menjadi penjamin (*kāfil*) dan akan menalangi (*bailout*) pembayaran terhadap transaksi yang dilakukan oleh pelanggannya kepada *merchant*.
- 4.a. *Merchant* atau ATM Bank melakukan tagihan kepada Bank Danamon Syariah atas transaksi yang telah dilakukan oleh pelanggan.
- 4.b. Bank Danamon Syariah sebagai penjamin (*kāfil*) melakukan pembayaran kepada *merchant* atau bank.
5. Bank Danamon Syariah melakukan tuntutan kepada pelanggan sebanyak nilai transaksi yang telah dilakukan oleh pelanggan Dirham Card.
6. Pelanggan melakukan pembayaran tuntutan kad kreditnya kepada Bank Danamon Syariah dengan cara ansuran ataupun dibayar penuh.

7. *Goodwill Investment* pelanggan sebesar 10% dari had maksimum kredit akan dilaburkan oleh bank kepada usaha ataupun perniagaan yang halal. Bank akan membahagikan keuntungan dari pelaburan ini secara perkongsian keuntungan (*profit sharing*) dengan perbandingan nisbah kongsi-hasil (*al-Mudarabah*) yang telah disepakati dalam akad.

4.4. Fatwa dan Peraturan yang Diguna pakai dalam Kad Kredit Syariah

Dua institusi pemerintah Indonesia telah mengeluarkan fatwa dan surat keputusan berkenaan dengan kad kredit syariah. Telah diatur didalamnya apa-apa sahaja yang berhubungkait dengan pelaksanaan kad kredit syariah. Diharapkan dengan adanya fatwa dan peraturan dari Dewan Syariah Nasional – Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) dan Bank Indonesia, pelaksanaan kad kredit syariah di Indonesia berjalan sesuai dengan apa yang diharapkan berbagai pihak, dan mampu menjawab terhadap cabaran perbankan konvensional.³²⁶

4.4.1. Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI)

Dalam fatwanya No: 54/DSN-MUI/X/2006 Tentang Syariah Card. DSN-MUI menetapkan beberapa ketetapan berkenaan dengan mekanisme dan pelaksanaan daripada kad kredit syariah. Terdapat tujuh ketentuan di dalam fatwa ini yang diharapkan sudah boleh memberikan batasan-batasan dan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah.³²⁷

4.4.2. Surat Edaran Bank Indonesia

Melalui Surat Edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007, Bank Indonesia memberikan izin kepada Bank Danamon Syariah untuk menerbitkan kad kredit syariah

³²⁶ Siaran Pers/ Press Release (15 Ogos 2007), *op.cit.*, h. 3.

³²⁷ *Ibid.*

yang diberi nama Dirham Card. Maka dengan adanya surat ini, Bank Danamon Syariah memiliki payung hukum dari institusi pemerintah yang berfungsi mengatur dan mengawasi hal ehwal perbankan serta memberikan dan mencabut izin kegiatan usaha suatu bank, iaitu Bank Indonesia.³²⁸

4.5. Pembuat Dasar (*Policy Maker*)

Terdapat tiga institusi yang menjadi pembuat dasar diterbitkannya Dirham Card, dua institusi di antaranya iaitu institusi penting di dalam pemerintahan negara Indonesia. Institusi pertama iaitu: Dewan Syariah Nasional – Majelis Ulama Indonesia yang mengeluarkan fatwanya No: 54/DSN-MUI/X/2006 Tentang Syariah Card. Institusi kedua iaitu Bank Indonesia, bank pusat milik pemerintah Indonesia yang mempunyai kuasa untuk mengatur seluruh urusan perbankan di Indonesia, melalui surat edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007 memberikan izin penerbitan Dirham Card. Sedang institusi ketiga iaitu Bank Danamon Syariah, sebagai bank penerbit kad kredit syariah yang diberi nama dengan Dirham Card.³²⁹

4.5.1. Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI)

Dewan Syariah Nasional (DSN) yang beralamatkan di Masjid Istiqlal Km.12 Taman Wijayakusuma, Jakarta 10710 Telp. (021) 3450932 Fax. (021) 3440889 adalah institusi yang ditubuhkan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang mempunyai fungsi melaksanakan tugas-tugas MUI dalam menangani masalah-masalah yang berhubungkait dengan aktiviti institusi kewangan syariah. Salah satu tugas utama DSN adalah mengkaji, menggali dan merumuskan nilai dan prinsip-prinsip hukum Islam (Syariah) dalam bentuk fatwa untuk dijadikan pedoman dalam kegiatan transaksi di institusi

³²⁸ *Ibid.*

³²⁹ Staff pameran Bank Indonesia bahagian Islamic Banking. Pekan Raya Jakarta 2009. Temubual pada 20 jun 2009.

kewangan syariah. Melalui Dewan Pengawas Syariah (DPS), DSN melakukan pengawasan terhadap penerapan prinsip syariah dalam sistem dan pengurusan Institusi Kewangan Syariah.³³⁰

Carta organisasi DSN terdiri dari Pengurus Pleno (36 orang ahli) dan Badan Pelaksana Harian (21 orang ahli). Adapun ahli-ahli DSN diambil dari pengurus MUI, Komisi Fatwa MUI, Ormas Islam, Perguruan Tinggi Islam, Pesantren dan para pelaku perekonomian syariah yang memenuhi persyaratan dan diusulkan oleh Badan Pelaksana Harian (BPH) DSN. Ahli DSN ditetapkan dalam Rapat Pleno DSN-MUI.³³¹

Sedangkan Rapat Dewan Syariah Nasional MUI terdiri dari Rapat Pleno dan Rapat BPH. Untuk Rapat Pleno, diikuti oleh semua pengurus DSN-MUI untuk membahas dan menetapkan fatwa tentang produk Lembaga Kewangan Syariah (sampai saat ini ada 61 fatwa) serta permasalahan yang bersifat kebijakan DSN. Manakala untuk Rapat Badan Pelaksana Harian, diikuti oleh seluruh anggota BPH DSN-MUI yang berjumlah 21 orang, untuk membahas mensyuarat mingguan, mensyuarat silaturahmi dengan calon DPS, mensyuarat presentasi calon LKS, mensyuarat khusus, misalnya dalam agenda menyusun draft fatwa, dan sebagainya. Selalunya mensyuarat ini diadakan di dewan mensyuarat DSN MUI di bangunan Bank Indonesia aras lima.³³²

Untuk tugas dan fungsi Dewan Pengawas Syariah (DPS), tugas utamanya iaitu mengawasi kegiatan usaha institusi kewangan syariah agar sesuai dengan ketentuan dan prinsip syariah yang telah difatwakan oleh DSN. Manakala fungsi utama Dewan Pengawas Syariah (DPS) iaitu sebagai penasihat dan pemberi saran kepada direksi,

³³⁰ Dalam Bahasa Indonesia: Lembaga Keuangan Syariah (LKS)

³³¹ Majelis Ulama Indonesia. <http://www.mui.or.id/konten/fatwa-mui/fatwa-dewan-syariah-nasional-dsn-mui>. 10 Jun 2009.

³³² *Ibid.*

pimpinan unit usaha syariah dan pimpinan pejabat cawangan syariah mengenai hal-hal yang berhubungkait dengan aspek syariah, juga sebagai mediator antara institusi kewangan syariah dengan DSN dalam penyampaian usulan dan saranan pengembangan produk dan perkhidmatan dari institusi kewangan syariah yang memerlukan kajian dan fatwa dari DSN.³³³

4.5.2. Bank Indonesia (BI)

Bank Indonesia (BI - dahulu disebut De Javasche Bank) adalah bank sentral Republik Indonesia. Sebagai bank sentral, BI mempunyai satu tujuan tunggal, iaitu mencapai dan memelihara kestabilan nilai rupiah. Kestabilan nilai rupiah ini mengandungi dua aspek, yaitu kestabilan nilai mata wang terhadap barangan dan perkhidmatan, serta kestabilan terhadap mata wang negara lain. Untuk mencapai tujuan tersebut BI didukung oleh tiga asas utama yang merupakan tiga bidang tugasnya. Ketiga bidang tugas ini adalah menetapkan dan melaksanakan kebijakan moneter, mengatur dan menjaga kelancaran sistem pembayaran, serta mengatur dan mengawasi perbankan di Indonesia. Ketiganya perlu diintegrasikan agar tujuan untuk mencapai dan memelihara kestabilan nilai rupiah dapat dicapai secara efektif dan efisien.³³⁴

BI juga menjadi satu-satunya institusi yang memiliki hak untuk mengedarkan wang di Indonesia. Dalam melaksanakan tugas dan wewenangnya Bank Indonesia dipimpin oleh Dewan Gubernur. Dewan ini terdiri atas seorang Gubernur sebagai pemimpin, dibantu oleh seorang Deputy Gubernur Senior sebagai wakil, dan sekurang-kurangnya empat atau sebanyak-banyaknya tujuh Deputy Gubernur. Masa jabatan Gubernur dan Deputy Gubernur selama-lamanya lima tahun, dan mereka hanya dapat dipilih untuk sebanyak-banyaknya dua kali masa tugas. Gubernur dan Deputy Gubernur

³³³ *Ibid.*

³³⁴ Bank Indonesia (September 2008), *op.cit.*

Senior dicadangkan dan diangkat oleh Presiden dengan persetujuan DPR. Sementara Deputy Gubernur diusulkan oleh Gubernur dan diangkat oleh Presiden dengan persetujuan DPR. Anggota Dewan Gubernur Bank Indonesia tidak dapat diberhentikan oleh Presiden, terkecuali bila mengundurkan diri, berhalangan tetap, atau melakukan tindak pidana kejahatan.³³⁵

Bank Indonesia, sebagai bank pusat yang memiliki kuasa untuk mengatur seluruh urusan perbankan di Indonesia, sama ada perbankan Islam mahupun perbankan konvensional. Bank yang beralamatkan di jalan Muhammad Husni Thamrin No.2 Jakarta 10110. Dalam rangka tugas mengatur dan mengawasi perbankan, Bank Indonesia menetapkan peraturan, memberikan dan mencabut izin atas kelembagaan atau kegiatan usaha tertentu dari bank, melaksanakan pengawasan atas bank, dan mengenakan sanksi terhadap bank sesuai dengan ketentuan perundang-undangan yang berlaku. Dalam pelaksanaan tugas ini, Bank Indonesia berwenang menetapkan ketentuan-ketentuan perbankan dengan menjunjung tinggi prinsip kehati-hatian. Berhubungkait dengan kewenangan di bidang perizinan, selain memberikan dan mencabut izin usaha bank, Bank Indonesia juga dapat memberikan izin pembukaan, penutupan dan pemindahan kantor bank, memberikan persetujuan atas kepemilikan dan kepengurusan bank, serta memberikan izin kepada bank untuk menjalankan kegiatan-kegiatan usaha tertentu.³³⁶

Sampai saat ini Bank Indonesia telah memberikan izin kepada bank untuk menjalankan kegiatan usahanya yang berasaskan prinsip syariah. Diantara bank tersebut iaitu: 5 Bank Umum Syariah (BUS), 26 Unit Usaha Syariah (UUS), 132 Bank Perkreditan rakyat Syariah (BPRS) dan 1,492 kantor cawangan bank konvensional yang menyediakan layanan syariah (*office channeling*) yang siap melayani semua golongan

³³⁵ *Ibid.*

³³⁶ *Ibid.*

masyarakat di seluruh Indonesia. Masyarakat dapat menemukan layanan iB (*Islamic Banking*) antara lain di bank-bank sebagai berikut: Bank Bukopin Syariah, Bank Danamon Syariah, Bank DKI Syariah, Bank Ekspor Indonesia Syariah, Bank Mega Syariah, bank Muamalat Indonesia, Bank Niaga Syariah, Bank Permata Syariah, Bank Syariah BRI, Bank Syariah Bukopin, Bank syariah Mandiri, BII Syariah, BNI Syariah, BRI Syariah, BTN Syariah, BTPN Syariah, HSBC Syariah, BPD Syariah, BPR Syariah, BPD Syariah.³³⁷

4.5.3. Bank Danamon Syariah

Institusi ketiga yang menjadi *policy maker* iaitu Bank Danamon Syariah. Bank Danamon Syariah berhak mengajukan syarat-syarat kepada calon pelanggan dan pengguna Dirham Card yang harus dipenuhi oleh seorang calon pelanggan. Persyaratan tersebut akan menjadi pertimbangan bagi bank, apakah seorang calon pelanggan berkeelayakan atau tidak untuk menjadi pengguna Dirham Card. Apabila dianggap layak, maka permohonannya akan disetujui oleh pihak Bank Danamon Syariah. Sebaliknya, apabila dianggap tidak memenuhi kriteria dan persyaratan yang telah diajukan pihak bank, bank boleh menolak permohonan seorang calon pengguna Dirham Card.³³⁸

Dalam proses permohonan untuk memiliki Dirham Card, pihak pentadbir dan pelaksana Bank Danamon Syariah akan meminta pernyataan dan persetujuan yang harus diisi dan dipenuhi oleh seorang calon pelanggannya. Terdapat dua pernyataan dan persetujuan yang berhubungkait dengan ini, yang pertama: pernyataan dan persetujuan pelanggan berkenaan dengan Tabungan Danamon Syariah yang berisi 12 butir peraturan dan yang kedua, pernyataan dan persetujuan pelanggan berkenaan dengan Dirham Card yang berisi 9 butir peraturan. Tujuannya agar calon pelanggan mengetahui apa sahaja

³³⁷ *Ibid.*

³³⁸ Bank Danamon Syariah (2009), *op.cit.*

terma dan syarat yang berlaku untuk menjadi pelanggan, sama ada hak-hak pelanggan mahupun kewajiban seorang pelanggan yang harus diikuti.³³⁹

4.6. Kesimpulan

Penciptaan kad kredit syariah itu muncul kerana perbankan syariah ingin *compete* (bersaing) dengan perbankan konvensional. Ini sangat diperlukan dalam menghadapi persaingan yang begitu kuat dari perbankan konvensional. Setelah mendapatkan persetujuan dari Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia yang mengeluarkan fatwanya No: 54/DSN-MUI/X/2006 dan izin dari Bank Indonesia melalui Surat Edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007, mulailah Bank Danamon Syariah menerbitkan produk kad kredit syariahnya yang diberi nama Dirham Card.

Terdapat tiga prinsip syariah yang diguna pakai dalam Dirham Card, yang menjadikannya sebagai kad kredit pertama di Indonesia dengan menggunakan prinsip syariah dalam pelaksanaannya. Tiga jenis skim perjanjian yang menjadi dasar kesyariahnya Dirham Card iaitu: sewa atas perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan, penjaminan atas transaksi dengan merchant, atau pinjaman dana atas fasilitet penarikan wang tunai. Ketiga skim yang digunapakai oleh kad kredit syariah milik Bank Danamon Syariah iaitu: *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*.

Dalam pelaksanaannya, Dirham Card dituntut untuk taat dan patuh kepada tiga institusi yang membuat dasar (*policy*) berkenaan dengan kad kredit syariah, dua institusi di antaranya iaitu institusi penting di dalam pemerintahan negara Indonesia. Institusi pertama iaitu: Dewan Syariah Nasional – Majelis Ulama Indonesia yang mengeluarkan fatwanya No: 54/DSN-MUI/X/2006 Tentang Syariah Card. Institusi kedua iaitu Bank

³³⁹ *Ibid.*

Indonesia, selaku bank pusat milik pemerintah Indonesia yang mempunyai kuasa untuk mengatur seluruh urusan perbankan di Indonesia, melalui surat edaran Bank Indonesia No. 9/IB3/DPbS/2007 memberikan izin penerbitan Dirham Card. Sedang institusi ketiga yaitu Bank Danamon Syariah, sebagai bank penerbit kad kredit.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1. Kesimpulan Kajian

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta tamadun manusia telah memberikan kesan yang begitu besar kepada kehidupan di muka bumi ini. Termasuklah kemajuan dalam sektor perekonomian dan perniagaan. Bermula dari sistem barter, kemudian penciptaan wang sebagai alat pertukaran untuk menggantikan sistem barter yang masih banyak kelemahan dan kekurangan, hinggalah melangkah kepada sistem pembayaran yang lebih maju lagi dengan menggunakan selebar cek. Rasa tidak puas manusia memang tidak ada batasan, mereka merasakan bahawa penggunaan mata wang dan cek dalam berurus niaga tidak lagi memberikan kemudahan dalam urusannya, terutama dalam hal risiko dan keamanan. Maka mulailah mereka mencari alternatif baru untuk dijadikan medium pertukaran yang boleh memberikan suatu kemudahan, keamanan, dan fleksibel tanpa harus menggunakan wang tunai. Akhirnya, terciptalah suatu “kad plastik” yang boleh menggantikan wang sebagai alat pertukaran.

Dalam aktiviti kewangan di tingkat global, pada masa sekarang ini hampir tidak ada orang yang tidak memanfaatkan penggunaan kad plastik. Dari kaum remaja sampai orang dewasa sudah biasa menggunakan kad plastik dalam aktivitinya sehari-hari. Salah satu produk kad plastik itu adalah kad kredit (*credit card*). Kad kredit ialah sejenis kad yang terbuat dari plastik yang diterbitkan oleh bank atau institusi kewangan lainnya yang tertera pada kad tersebut nama pemegang, nombor akaun, dan nama syarikat pengeluar kad yang memungkinkan pemegang kad ini memperoleh kredit atas transaksi yang dilakukannya dalam membeli segala keperluannya dari barang-barang ataupun perkhidmatan tertentu secara hutang.

Sejarah mencatatkan awal mula wujudnya kad kredit di dunia ini berbeza-beza, ada yang menyatakan bahawa kad kredit pertama di dunia ini telah diperkenalkan oleh *Provident Clothing Company* (kini dikenali sebagai *Provident Financial Group*) di England pada tahun 1880an. Namun, menurut MasterCard, kad bank pertama yang dicipta bernama "*Charge-It*," yang diperkenalkan pada tahun 1946 oleh John Biggins, seorang juru bank di Brooklyn. Sebahagian pihak ada yang mengatakan, pada tahun 1951 Bank Nasional Franklin merupakan bank yang pertama mengeluarkan kad bank kepada selain daripada pen depositnya dan di luar kawasan tempatan dan pada tahun yang sama iaitu 1951, terdapat 20,000 pemegang kad Diners Club. Meskipun berbeza-beza, namun perlu diberikan pujian dan penghargaan yang begitu besar kepada mereka, pemikir dan pencetus idea dalam penciptaan kad kredit.

Penulis dapati dalam kajiannya, pada peringkat awal kad kredit hanya diterbitkan oleh bank konvensional sahaja. Kad kredit ini dijadikan alat pembayaran non-tunai yang boleh digunakan di tempat-tempat tertentu seperti hotel, supermarket, pasar raya, restoran dan semacamnya, yang mana pemegangnya akan dimudahkan untuk memenuhi kehendaknya dalam mendapatkan barangan ataupun perkhidmatan tanpa harus membawa wang tunai di tangan. Namun, seiring waktu yang terus berlalu dan pemikiran manusia yang semakin maju, terciptalah suatu alternatif yang menggembirakan dari produk perbankan syariah, iaitu kad kredit syariah. Maka ramai dari negara-negara yang majoriti penduduknya muslim mengeluarkan kad kredit syariah termasuklah Indonesia.

Dengan dualisme sistem perbankan yang digunakan, Indonesia merupakan ladang yang sangat subur untuk mengembangkan pelbagai produk perbankan utamanya

perbankan Islam yang dikenal dengan iB (ai-bi).³⁴⁰ Diantara bank-bank yang menawarkan produk perbankan syariah di Indonesia yaitu Bank Danamon Syariah. Berbagai produk pelayanan dan perkhidmatan syariah diberikan oleh Bank Danamon Syariah, antaranya iaitu kad kredit syariah.

Di Indonesia, kad kredit syariah baru dilancarkan pertama kali oleh Bank Danamon Syariah pada pertengahan tahun 2007. Dengan berlandaskan hukum pada fatwanya Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia No.54/DSN-MUI/X/2006. Dan Surat Edaran Bank Indonesia No.9/183/DPbS/2007. Kad kredit syariah milik Bank Danamon Syariah tersebut diberi nama Dirham Card, dengan tiga prinsip syariah yang digunapakai dalam akadnya, iaitu: *Ijārah*, *Kafālah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*.

5.1.1. Penilaian Terhadap Pelaksanaan Kad Kredit Syariah (Dirham Card)

Kad kredit pada masa sekarang ini sudah menjadi suatu keperluan dalam hidup sehari-hari, utamanya masyarakat yang berada di bandar besar. Tidak hanya orang dewasa yang memilikinya, remaja pun sudah terbiasa melakukan urusan dengan kad kredit. Maka bank-bank dan institusi kewangan lainnya memanfaatkan kesempatan ini dengan mengeluarkan berbagai jenis kad kredit, diantaranya kad kredit syariah.

Meskipun masih mendatangkan berbagai kontroversi, kerana ramai dari para pemegang kad kredit menjadi bersifat konsumerisme dan berbelanja sewenangnyanya. Di tengah kontroversi ini muncul beberapa wacana berkenaan dengan penerbitan kad kredit syariah, ada yang menyokong dan ada pula yang sebaliknya. Pihak perbankan syariah misalnya, ada yang menyatakan dukungan, ada pula yang tidak mendukung program kad kredit syariah ini.

³⁴⁰ Singkatan dari *Islamic Banking*.

Penciptaan kad kredit syariah pada awalnya muncul kerana perbankan syariah ingin *compete* (bersaing) dengan perbankan konvensional. Ini sangat diperlukan dalam menghadapi persaingan yang begitu kuat dari perbankan konvensional. Kad kredit diperlukan untuk pengembangan urusan perbankan dan diperlukan bagi sejumlah bank syariah atau bank konvensional yang memiliki unit syariah yang bergerak di sektor perbankan komersial (*commercial banking*). Di antaranya adalah Bank Danamon yang membuka cawangan Unit Usaha Syariah dan menerbitkan kad kredit syariah.

Fungsi kad kredit syariah, seperti kad kredit pada umumnya, dapat digunakan untuk berbelanja di berbagai *merchants*, pengambilan wang tunai melalui ATM, membayar berbagai bil (elektrik, air, telefon, televisi kabel, membayar biaya kuliah). Pemegang kad kredit syariah pun boleh menikmati perkhidmatan dan fasilitet yang sama mudahnya dengan pemegang kad kredit pada umumnya. Hal ini kerana kad kredit syariah bekerjasama dengan jaringan MasterCard antarabangsa, sehingga dapat digunakan di hampir 30 juta *merchant* dan mesin ATM bertandakan MasterCard ataupun Cirrus di seluruh dunia. Hampir tidak ada perbezaan antara kad kredit syariah dengan kad kredit konvensional, hanya bezanya kad kredit syariah tidak memakai sistem bunga, tetapi memakai skim perjanjian yang sesuai dengan prinsip-prinsip syariah.

Dalam pelaksanaannya, Dirham Card menggunakan tiga jenis skim perjanjian yang menjadi asas kesyariahannya. Jenis skim perjanjiannya terdiri dari, iaitu: *Ijārah* (sewa atas perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan), *Kafālah* (penjaminan atas transaksi dengan *merchant*) dan *Qard al-Hasan* (pinjaman dana atas fasilitet pengambilan wang tunai). Untuk akad dan ketentuan objek *ijārah*, pemberian kredit pada pelanggan Dirham Card dapat diwujudkan dengan beberapa pihak yang terlibat.

Diantaranya, Bank penerbit kad kredit syariah bertindak sebagai pemberi manfaat perkhidmatan dengan memberikan perkhidmatannya yang diwujudkan berupa penyediaan perkhidmatan sistem pembayaran dan pelayanan terhadap pemegang kad kredit syariah (pengguna perkhidmatan) yang nantinya atas perjanjian ini pemegang kad dikenakan biaya keahlian (*membership fee*) sama ada biaya bulanan mahupun biaya tahunan yang dianggap sebagai imbalan perkhidmatan (*ujrah*) terhadap pemakaian perkhidmatan sistem yang telah diberikan oleh Bank bekerjasama dengan penyedia infrastruktur kad kredit iaitu MasterCard.

Pada skim *Kafālah*, Bank Danamon Syariah selaku penerbit kad bertindak sebagai penjamin (*kāfil*) bagi pemegang kad terhadap *merchant* atas semua kewajipan bayar (*dayn*) yang timbul dari transaksi. Transaksi tersebut terjadi antara pemegang kad dengan *merchant* dan atau penarikan tunai dari selain bank atau ATM bank penerbit kad. Atas pemberian *Kafālah*, penerbit kad menerima upah perkhidmatan (*ujrah kafālah*).

Pada akad *qard al-hasan*, Bank Danamon Syariah adalah pemberi pinjaman (*al-muqrid*) kepada pemegang Dirham Card (*al-muqtariḍ*) melalui penarikan tunai dari bank atau ATM bank penerbit kad. Pemegang kad berkewajipan mengembalikan dana sejumlah yang ditarik pada waktu yang telah ditentukan dalam perjanjian yang telah dibuat semasa permohonan. Dalam Dirham Card terdapat denda berupa biaya keterlambatan pembayaran sebesar 3% apabila pemegang kad kredit tidak dapat mengembalikan wang yang telah diambilnya melebihi had atau batas tarikh yang telah ditentukan setiap bulannya. Dana 3% ini bukan menjadi keuntungan ataupun milik bank, tetapi akan didermakan ke BAZNAS DD (Badan Amil Zakat Nasional Dompot

Dhuafa), suatu institusi zakat di Indonesia sebagai salah satu rakanan kerjasama Bank Danamon Syariah

Dalam menjalankan aktiviti perbankan, Bank Danamon Syariah memiliki Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang berfungsi untuk melakukan pengawasan dan melihat secara dekat aktiviti Bank Danamon Syariah, agar bank tersebut selalu mengikuti aturan dan prinsip-prinsip syariah. Dengan demikian, pelaksanaan seluruh aktiviti perbankan syariah di Bank Danamon Syariah tidak akan keluar dari aturan dan prinsip-prinsip syariah yang telah ditetapkan oleh Majelis Ulama Indonesia dan Bank Indonesia. Termasuklah pelaksanaan Dirham Card, telah dijalankan sesuai dengan aturan dan prinsip syariah yang ditentukan dalam fatwa MUI dan surat edaran Bank Indonesia.

5.1.2. Prospek dan Permasalahan Kad Kredit Syariah

Bermula pada pertengahan tahun 2007, Dirham Card menjadi *pioneer* pada persaingan kad kredit syariah di dalam perbankan syariah Indonesia, hinggalah sekarang ini, perkembangan kad kredit syariah di Indonesia sangat menggembirakan. Pada awal tahun 2009, Hasanah Card milik Bank Negara Indonesia (BNI) Syariah mengikuti jejak pendahulunya Dirham Card. Dengan dilancarkannya Hasanah Card, bertambahlah produk perbankan syariah yang memberikan pelayanan dan perkhidmatan kad kredit syariah.

Melihat kepada perkembangan kad kredit syariah di Indonesia pada saat ini, prospek dan pengembangannya di masa hadapan tidak dapat diragukan lagi. Kad kredit syariah akan tumbuh dan berkembang dengan subur di dalam perbankan syariah Indonesia. Perkembangan dan prestasi Dirham Card begitu menggembirakan, dengan

data yang ada dapat menunjukkan bahawa perkembangan kredit perbankan syariah tumbuh pesat. Salah satu buktinya, jumlah pengguna Dirham Card di Unit Usaha Syariah (UUS) Bank Danamon Syariah terus meningkat dari tahun ke tahunnya. Hingga tahun 2008, sudah ada 20,000 pengguna kad kredit syariah. Artinya, perkembangan Dirham Card ini berkembang 212% dari jumlah pengguna dibanding tahun lalu yang sampai pada bulan Desember 2007, jumlah total pengguna Dirham Card ini baru sekitar 6,000 pengguna.

Pertumbuhan ini terjadi kerana pihak Bank Danamon Syariah sangat bersemangat melakukan pengenalan produk ke masyarakat seperti pameran, iklan di media dan sebagainya, yang selama ini, sebahagian besar masyarakat Indonesia hanya mengenal kad kredit konvensional sahaja. Kini Dirham Card memiliki daya saing yang tinggi dan mampu menjawab cabaran perbankan syariah di Indonesia, iaitu dibuktikan dengan ragam pengguna Dirham Card. Pengguna kad kredit syariah ini tidak hanya dari kalangan muslim sahaja, tetapi juga dari kalangan non muslim. Kesan masyarakat Indonesia pun yang pada awal mula dilancarkan kad kredit syariah meragukan kebolehan untuk bersaing dengan kad kredit konvensional, kini mulai memberikan kesan positif dan mulai beralih menggunakan kad kredit syariah. Pelaku perbankan dan institusi kewangan lainnya yang pada awalnya tidak memberikan kesan dan dukungan, kini mengikuti jejak pendahulunya dan ikut berkompetisi dalam menerbitkan kad kredit syariah, contohnya Bank Negara Indonesia (BNI) Syariah dengan Hasanah Card.

Dari jenis Dirham Card yang paling diminati masyarakat adalah jenis Green Card yang memiliki limit kredit hingga Rp. 5,000,000. Komposisinya mencapai sekitar 40% dari pengguna Dirham Card, manakala untuk pengguna Gold Card mencapai 30%, dan selebihnya adalah pengguna Platinum Card seramai 30% pengguna. Namun tidak

dapat dinafikan, terdapat kekurangan-kekurangan dan permasalahan yang muncul di dalam pelaksanaan kad kredit syariah, khususnya Dirham Card yang harus ada pengubah baikan dan penyempurnaan untuk menjadi yang terbaik pilihan masyarakat Indonesia. Dari berbagai macam permasalahan yang ada, ada permasalahan yang paling asas yang bagi pihak bank Danamon Syariah susah untuk menemukan penyelesaiannya, walaupun dalam pelaksanaannya pihak bank Danamon telah memaksimumkan usahanya untuk menekan bahkan sampai mendapatkan jalan terbaik sebagai penyelesaian dari masalah ini. Permasalahan yang jadi bahan pertimbangan tersebut iaitu, pihak bank tidak mengetahui dan tidak dapat melakukan pengawasan terhadap penggunaan Dirham Card oleh pemegang kad. Sampai saat ini, pihak bank Danamon telah berusaha untuk mengatasi permasalahan ini dengan jalan membatasi penggunaan Dirham Card pada tempat-tempat hiburan, kelab malam, tempat perjudian, transaksi terhadap minuman beralkohol dan sejenisnya. Tapi tetap sahaja, pihak bank seringkali tidak dapat mengawasi pemegang Dirham Card yang menggunakan kadnya di pusat membeli belah, super market, pasar raya dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat permasalahan lainnya yang boleh dikatakan ini dapat memberikan kesan yang kurang baik bagi perkembangan dan peningkatan prestasi Dirham Card. Iaitu syarat permohonan untuk memiliki Dirham Card harus memiliki kad kredit konvensional, dengan minimum batas kepemilikan 1 tahun. Dengan adanya syarat yang tidak tertulis ini, Para calon pelanggan Dirham Card beranggapan bahawa ingin menggunakan kad kredit syariah yang bebas dari bunga dan ribā, tetapi harus memiliki kad kredit konvensional yang sudah jelas dengan praktik bunga atau ribā, sama halnya dengan melakukan perbuatan dosa, dan selepas itu bertaubat.

Pihak bank memberikan keterangan dan jawapan atas permasalahan ini, bahawa tujuan daripada disyaratkan kepada para pemohon Dirham Card iaitu harus memiliki kad kredit konvensional dengan had kepemilikan minimum 1 tahun itu untuk menjadi bahan pertimbangan dan persetujuan pihak Bank Danamon Syariah. Apakah calon pelanggan ini memiliki *record* yang baik ataupun tidak dalam penggunaan dan pembayaran bil kad kredit sebelumnya, yang nantinya akan mempengaruhi disetujui atau tidaknya permohonan Dirham Card seorang calon pengguna.

5.2. Saranan dan Cadangan

